

**Bil. 7**

**Khamis  
23 Mac 2006**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**



## K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN  
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL:**

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda  
Yang Di-Pertuan Agong  
- *Y.B. Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah)*

(Halaman 16)



**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) – MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO

15. Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

#### TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA

4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO

- 
25. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
  26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
  27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
  28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
  29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
  30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
  31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
  32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
  33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
  34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
  35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
  36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
  37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
  38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
  39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman – Senator

**SETIAUSAHA PARLIMEN**

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. " Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

**AHLI-AHLI**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato’ Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRB
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Mokhtar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO

36. Yang Berhormat Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. " Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. " Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. " Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. " Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. " Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. " Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. " Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. " Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. " Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. " Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. " Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. " Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. " Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. " Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. " Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. " Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. " Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. " Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO

73. Yang Berhormat Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
106. “ Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN

109. Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

**DEWAN RAKYAT**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)**  
Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS**  
**PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Hajah Supiah binti Dewak  
Kamisah binti Sayuti  
Abd. Talip bin Hasim  
Hadzirah binti Ibrahim  
Saadiah binti Jamaludin  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Hairan bin Mohtar  
Nurziana binti Ismail  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah binti Mohd. Azir  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Nurul Asma binti Zulkepli

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Khamis, 23 Mac 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Brig. Gen (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin [Parit Buntar]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan usaha dan strategi yang akan diambil oleh kerajaan bagi menggerakkan pelbagai usaha dagang sepanjang tempoh RMK-9 dan langkah proaktif bagi menangani pelbagai urusan berkaitan kemunculan semakin banyak Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA).

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memantau dan sedar akan perkembangan terkini yang sedang berlaku di bidang perdagangan antarabangsa termasuk kemunculan Perjanjian Perdagangan Bebas yang ditandatangani di antara rakan-rakan perdagangan Malaysia dengan negara pesaing pada tahun-tahun kebelakangan ini. Untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam bidang perdagangan antarabangsa, antara strategi kerajaan untuk mengukuhkan perdagangan luar negara berdasarkan teras:

- (i) meningkatkan daya saing produk-produk Malaysia di pasaran antarabangsa;
- (ii) memperkukuhkan kedudukan eksport di pasaran rakan dagangan tradisi di ASEAN, Amerika Syarikat, China, Jepun dan Eropah serta menerokai pasaran-pasaran baru di negara Asia Barat, Asia Selatan dan Amerika Latin; dan
- (iii) mempromosikan eksport barangan Malaysia di pasaran antarabangsa.

Selaras dengan strategi-strategi ini, usaha telah pun diambil seperti:

- (i) meningkatkan kecekapan sistem penyampaian atau *delivery system* dengan izin, untuk mengurangkan kos perniagaan;
- (ii) meliberalisasikan perdagangan sektor perkhidmatan secara berperingkat supaya mengurangkan kos input dan meningkatkan kecekapan industri tempatan;
- (iii) menganjurkan lebih banyak misi-misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara;
- (iv) meningkatkan penyertaan dalam pameran perdagangan antarabangsa;
- (v) menganjurkan lebih banyak rombongan pembeli dari negara-negara tertentu; dan
- (vi) menganjurkan pameran di peringkat antarabangsa di Malaysia untuk mempromosikan bidang-bidang seperti produk halal, perabot dan jentera.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan Perjanjian Perdagangan Bebas dengan rakan-rakan dagang. Malaysia kini terlibat dalam rundingan FTA peringkat dua hala dengan Amerika Syarikat, Pakistan, Australia dan New Zealand. Di peringkat ASEAN, Malaysia juga menyertai rundingan FTA ASEAN dengan China, India, Korea serta Australia dan New Zealand. Rundingan FTA melibatkan komitmen untuk memberi layanan istimewa bagi kemasukan produk dan perkhidmatan negara-negara ahli FTA.

Usaha ini akan menentukan kedudukan eksport Malaysia di pasaran utama tidak terjejas akibat Perjanjian FTA dengan rakan dagang Malaysia. Untuk memastikan dasar pembangunan negara terjamin, kerajaan akan menentukan pembukaan fasa akan dilakukan secara berperingkat. Pengecualian diberi bagi produk-produk sensitif, peruntukan untuk mengambil tindakan *safeguard* dengan izin, dan kerjasama teknikal untuk membina, untuk upaya industri tempatan. Terima kasih.

**Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin [Parit Buntar]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berdasarkan pengalaman kita di sepanjang RMK-8, sejauh manakah keberkesanan promosi barangan dagangan Malaysia di peringkat antarabangsa dan dalam masa yang sama, apakah kementerian telah mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi ataupun yang ditimbulkan oleh para pengeksport barangan buatan Malaysia ke luar negara?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada statistik perdagangan negara daripada tahun 2004 hingga tahun 2005, kita yakin bahawa usaha-usaha promosi kita telah mencapai kejayaan, di mana kita tahu pada tahun 2004, jumlah perdagangan kita adalah sebanyak lebih kurang RM840 bilion manakala pada tahun lalu RM970 bilion. Ini membolehkan kita berdasarkan kepada....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bilion ya?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Bilion. RM970 bilion. Berdasarkan kepada andaian bahawa pertumbuhan akan mencapai tahap seperti mana pada tahun lalu, kita jangka pada tahun ini kita akan mencecah lebih RM1 trilion daripada segi perdagangan kita. Masalah-masalah yang kita hadapi adalah masalah dari segi *comparative advantage*. Produk-produk yang kita mempunyai *comparative advantage* tidak mempunyai masalah untuk memasarkannya. Yang kita akan hadapi masalah adalah produk-produk baru. Dengan itu, selain daripada kita mengadakan misi perdagangan serta membawa produk dalam *trade fair*, tahun ini kita rancang di 60 *trade fair* di seluruh dunia. Kita juga melihat dari konteks bagaimana untuk mewujudkan *comparative advantage* dari produk kita untuk melalui beberapa cara.

Yang pertamanya dari segi kos import untuk barang *intermediate*. Ini kita kurangkan duti supaya kos pengeluaran produk kita lebih rendah. Di samping itu, kita sekarang ini memperkenalkan jenama sebagai salah satu pendekatan kita untuk memperkenalkan produk kita di peringkat antarabangsa.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan pelbagai usaha yang dibuat untuk mengadakan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan negara-negara tertentu. Saya difahamkan sekarang Malaysia sedang membuat rundingan untuk mengadakan Perjanjian FTA dengan Amerika.

Soalan saya di sini, adakah Perjanjian Perdagangan Bebas khususnya dengan negara-negara *superpower* di dalam perdagangan ini, *conditional* kepada isu-isu seperti alam sekitar, isu-isu mengenai buruh, *human rights* dan juga *conditional* tentang soal-soal politik rantau dan juga di negara kita, kerana saya kawatir ada pihak-pihak khususnya kuasa-kuasa besar ini menggunakan isu-isu ini sebagai satu syarat untuk membolehkan kita mendapat peluang-peluang perdagangan dan *market access* dengan negara-negara ini. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, asas utama apabila kita mengadakan rundingan adalah untuk mendapat *advantage* dalam satu-satu perjanjian yang kita tandatangani. FTA ini kita lihat penting daripada sudut - kerana ia memberi *advantage* kepada negara yang mempunyai FTA. Sebagai contoh Singapura

mempunyai FTA dengan Amerika Syarikat dan mereka diberi layanan istimewa ke atas produk-produk yang tertentu dan produk mereka mempunyai *comparative advantage* berbanding dengan produk-produk kita.

Mengenai dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, seperti mana yang kita ketahui, ini memerlukan kepada satu rundingan. Sejauh mana rundingan kita dengan pihak Amerika akan berhasil akan dapat kita lihat pada masa akan datang. Kita tahu beberapa isu kompleks akan dibangkitkan. Akhirnya, persetujuan hanya boleh dicapai apabila kedua-dua pihak telah bersetuju. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Muar.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengalu-alukan kedatangan tiga bas penuh pelajar-pelajar sekolah dari Sekolah Menengah Katolik Petaling Jaya. *[Tepuk]* Soalan saya nombor 2.

2. **Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) jumlah barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh rakyat Malaysia yang telah dipatenkan dalam tempoh 3 tahun yang lepas; dan
- (b) berapa kes kesalahan yang membabitkan penyalahgunaan hasil paten tanpa izin.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh rakyat Malaysia, yang telah dipatenkan dalam tempoh tiga tahun yang lepas, iaitu dari tahun 2003 hingga tahun 2005 ialah sebanyak 92 paten. Tahun 2003 sebanyak 31, tahun 2004 sebanyak 24 dan tahun 2005 sebanyak 37. Jumlah 92.

Bagi menjawab bahagian (b), kementerian tidak mempunyai statistik bagi kes kesalahan yang membabitkan penyalahgunaan hasil paten tanpa izin. Ini kerana hak terhadap sesuatu paten adalah hak persendirian dan tindakan bagi kes-kes kesalahan yang membabitkan penyalahgunaan hasil paten tanpa izin ialah tindakan sivil. Seksyen 59 Akta Paten 1983 telah memberi hak kepada pemunya paten untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas sesiapa yang melanggar hak patennya. Oleh itu ia terpulung kepada pemunya paten tersebut sama ada hendak mengambil tindakan ke atas pihak yang melanggar patennya memandangkan ia adalah tindakan sivil. Sekian, terima kasih.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita dapati hanya 6.5% sahaja permohonan paten yang diluluskan dalam tempoh tiga tahun tersebut berbanding kepada 1,420 permohonan dan kita tahu paten ini untuk menggalakkan inovasi di kalangan rakyat, untuk meningkatkan daya pengeluaran baru dan dia diberi perlindungan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Cuma soalan tambahan saya, kenapa kadangkala kita dapati jangka masa untuk meluluskan permohonan paten ini terlalu lama untuk diberi kelulusan dan berapa banyak pula permohonan yang dibuat dan diluluskan oleh syarikat luar negara Malaysia?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Muar. Saya hendak betulkan sedikit statistik ini. Memang benar permohonan tempatan kalau dibandingkan dengan permohonan luar negara memang jauh, iaitu kalau kita lihat dari segi permohonan pada tahun 2005, permohonan tempatan cuma 522, iaitu lebih kurang 8.3% berbanding dengan permohonan luar negara iaitu sebanyak 5,764 iaitu 91.7%. Jadi jumlah 6,000 lebih.

Saya akui bahawa, kalau ikut mengatakan bahawa proses permohonan ini mengambil masa yang begitu lama tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia telah pun berusaha. Dahulu memang kita ambil

masa lebih kurang enam tahun untuk memproseskan paten ini, tetapi dengan usaha Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MYIPO), kita telah pun kurangkan tempoh. Pada hari ini, lebih kurang empat tahun. Kita akan berusaha supaya kita boleh capai tiga setengah tahun tempoh dia. Ini memang sampai tahap standard internasional. Usaha-usaha untuk kita laksanakan selama ini, misalnya kita telah pun tambah bilangan pemeriksa. Dahulu kita cuma ada 22 orang tetapi sampai tahun lepas kita telah pun tambah 42 orang iaitu tambah 20 orang lagi bererti sampai 42 tetapi pada awal tahun ini kita tambah lagi 20 orang sehingga jumlahnya 62. Jadi dengan adanya jumlah pemeriksa yang cukup kita dapat *target* kita akan, buangkan tempoh itu sampai tiga setengah tahun.

Saya akui memang kita harus mengadakan banyak program kesedaran di antara masyarakat tempatan. Buat masa ini 522 permohonan kebanyakan dari permohonan R&D atau dari universiti. Maka pada 20 hari bulan yang lalu kementerian telah pun mengadakan program yang, *either* berkaitan dengan SME tentang paten dan cap dagangan dan kita akan lanjutkan program kesedaran ini kepada universiti dan masyarakat tempatan khususnya SME, sekian terima kasih.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah kepada kementerian tetapi saya hendak tanya sebagai soalan tambahan ialah apabila sesuatu produk telah dipatenkan di negara kita sama ada produk itu terutama sekali produk itu produk dari dalam negara kita tetapi sekiranya berlaku plagiat, plagiat ini ialah peniruan ataupun imitasi daripada ...kerana ini adalah perkara biasa dalam perniagaan dan perdagangan. Jadi apakah sebenarnya kuasa yang ada pada kita kalau ianya diplagiat ataupun ditiru oleh pengusaha-pengusaha daripada luar negara kita. Apakah kaedah *networking* ataupun perjanjian kita tentang paten kita di peringkat antarabangsa terutama sekali di negara-negara yang mana pedagang-pedagangnya suka meniru dan plagiat daripada produk-produk kita yang telah dipatenkan? terima kasih.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Kementerian melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia sedar dan juga kita dari semasa ke semasa berusaha untuk meningkatkan sistem pentadbiran dan perlindungan harta intelek dan setaraf dengan sistem negara-negara maju di peringkat antarabangsa. Maka tadi tanya sama ada perjanjian-perjanjian antarabangsa adakah kita terlibat. Saya ingin mengatakan di sini perjanjian-perjanjian antarabangsa yang berkaitan dengan harta intelek memang pihak Malaysia ambil bahagian.

Di antaranya misalnya *convention* Paris pada tahun 1989, *Convention World Intellectual Property Organization* pada tahun 1990 dan *Trip Related Aspect For Intellectual Property Rights* pada tahun 1995 maka dengan perjanjian-perjanjian yang telah pun diambil bahagian oleh pihak kementerian dan kita yakin perhubungan antara Malaysia dengan internasional memang ada. Saya telah pun menjawab tadi tentang bagaimana kita boleh ambil tindakan kepada pihak-pihak yang melanggar hak patennya, jadi di bawah Seksyen 59, Akta Paten 1983 adalah hak kepada pemunya paten untuk ambil tindakan undang-undang sivil. Jadi itu terpulang kepada individu untuk mengambil tindakan, sekian terima kasih.

**3. Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan :

- a) bilangan pelatih yang telah menerima latihan sehingga tahun 2005 bagi negeri Sarawak setelah pelancaran Skim Latihan Graduan dan Skim Latihan Pekerja yang diberhentikan kerja dan penganggur pada tahun 2001; dan
- b) berapa peratus antara pelatih ini telah mendapat pekerjaan dan berapa perbelanjaan yang terlibat dalam menyediakan latihan ini.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya jawab saya ingin menyambut selamat datang kepada satu rombongan dari kawasan Parlimen Timbalan Menteri saya dari Marang jauh dari Terengganu. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan kepada soalan (a), pelaksanaan Skim Latihan Graduan dan Skim Latihan Pekerja yang diberhentikan kerja dan menganggur bertujuan untuk membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pada graduan yang menganggur serta melengkapkan pekerja yang telah diberhentikan kerja dengan pengetahuan dan kemahiran kursus yang diperlukan oleh pasaran buruh bagi memperluaskan peluang mereka mendapatkan pekerjaan. Sehingga 31 hari bulan Disember 2005, bilangan pelatih yang telah dilatih di bawah Skim Latihan Graduan di negeri Sarawak adalah seramai 1,888 pelatih dengan bantuan kewangan sebanyak RM12.51 juta. Bagi Skim Latihan Pekerja yang diberhentikan kerja pula seramai 361 pelatih dari negeri Sarawak telah dilatih di bawah skim yang melibatkan bantuan kewangan sebanyak RM2.07 juta.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan (b). Kajian keberkesanan Skim Latihan Graduan satu dan Skim Latihan Graduan fasa 2 mendapati bahawa skim ini telah banyak membantu graduan menganggur mendapatkan pekerjaan. Daripada 2,319 pelatih di bawah Skim Latihan Graduan pertama yang telah memberi maklum balas seramai 1,717 iaitu 74% pelatih telah berjaya mendapat pekerjaan. Manakala bagi Skim Latihan Graduan fasa dua pula, dari jumlah 2,037 maklum balas yang kita terima seramai 1,367 iaitu 67.1% pelatih telah mendapat pekerjaan setelah menyempurnakan latihan atau mendapat pekerjaan dalam tempoh 3 bulan selepas tamat latihan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Parit.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita percaya usaha-usaha yang dibuat oleh pihak kementerian khususnya Kementerian Sumber Manusia, melatih graduan-graduan ini adalah untuk matlamat utamanya ialah untuk menyediakan pekerjaan. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, pertumbuhan ekonomi negara kita dalam semua sektor yang menjadi realitinya ialah tidak berupaya untuk menyerap semua guna tenaga yang berada dalam negara kita sama ada mereka yang keluar sekolah di peringkat SPM mahupun yang keluar daripada IPTA ataupun IPTS di negara kita.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah usaha yang dibuat oleh pihak kementerian bagi meningkatkan mobiliti tenaga buruh kita, ataupun tenaga kerja kita di negara ini bagi membolehkan mereka ini mencari pekerjaan di luar negara termasuk usaha sama yang dibuat dengan universiti-universiti tempatan bagi membolehkan tenaga kerja ini diterima bekerja di luar negara seperti negara jiran kita yang selatan itu. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Parit. Soalan berkaitan dengan bagaimana kita sediakan graduan-graduan atau pelatih-pelatih kita untuk pasaran antarabangsa merupakan satu tujuan, satu objektif dari Kementerian Sumber Manusia, memang kita dalam skim latihan semula untuk graduan, kita melengkapkan mereka dengan Bahasa Inggeris dan juga dengan pengetahuan interaksi dalam pasukan. Dengan tujuan supaya mereka boleh penuhi pasaran antarabangsa.

Baru-baru ini kementerian saya telah ada usaha bekerjasama dengan kerajaan Dubai supaya kekosongan-kekosongan tersebut khususnya dalam bidang pengurusan, dalam bidang pembinaan. Kekosongan-kekosongan tersebut dapat dipamerkan melalui elektronik *e-batch* Malaysia dan juga graduan-graduan kita digalakkan untuk membuat permohonan dan kita juga hubungi kontraktor-kontraktor dari Malaysia yang telah dapat kerja di Dubai supaya mereka bolehlah beri *chance* kepada graduan-graduan kita. Berdasarkan kepada usaha tersebut kita dapati bahawa lebih kurang dua, tiga ratus graduan sekarang berkhidmat di Dubai. Kita akan terus bekerjasama dengan pusat-pusat yang lain di mana ada banyak kekosongan supaya graduan kita dapat di~~expose~~kan pada pasaran antarabangsa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan boleh saya dapat tahu dari pendirian kerajaan kerap kali kita dengar satu daripada masalah graduan yang tidak dapat kerja oleh kerana *mismatch* di mana *supply and demand forces*. Di mana ada kerja kosong *there is a demand* tetapi

*supplynya* cukup teruk yang dikeluarkan dari universiti-universiti, ijazah-ijazah, terdapat macam fotokopi. Dia dikeluarkan sahaja tetapi tidak boleh dipakai dalam *market*. Ini disebabkan oleh *mismatch*.

Jadi dalam perkara ini apakah yang dibuat oleh kementerian supaya kita dapat *address* masalah itu di universiti-universiti bukan apabila mereka keluar, kita lagi boleh belanjakan wang lagi macam belanjakan RM12.51 juta untuk *trained* satu ribu lebih orang. Bukankah dari asasnya yang patut dibuat dan bukankah dalam semua arena ini, satu di antara faktor adalah kerana tidak ada gaji minimum. Kalau ada gaji minimum dia bayar kepada pekerja-pekerja, tidak perlu kita adakan pekerja-pekerja asing yang datang ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** ...kerana graduan-graduan asing yang datang untuk mengambil kerja-kerja di negara ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan *mismatch* ini memang kementerian saya berdasarkan kepada pengalaman dan maklum balas yang kita dapat dari graduan-graduan dahulu, kita telah menghubungi Kementerian Pengajian Tinggi, universiti-universiti tempatan supaya dalam kurikulum universiti tersebut diserapkan kursus berkaitan dengan kemahiran yang diperlukan oleh pasaran khususnya bahasa, khususnya berinteraksi dan sebagainya dan kita juga mencadangkan bahawa dalam universiti mereka boleh adakan satu tempoh dalam tempoh empat tahun, satu tempoh *attachment* dalam tiga bulan atau enam bulan supaya graduan-graduan tersebut dapat di *exposekan* kepada dunia pekerjaan atau *world of work*. Isu berkaitan dengan minimum *wage* ini saya rasa adalah luar daripada tajuk pada hari ini dan kita boleh bincang perkara tersebut dalam *debate* berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia.

**4. Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan perancangan yang telah dibuat oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kebajikan warga tua di negara ini.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia pada masa ini bilangan warga tua di seluruh negara adalah dianggarkan seramai 1.8 juta orang atau 7% daripada jumlah penduduk negara seramai 26 juta orang. Seseorang yang berumur 60 tahun ke atas adalah dikategorikan sebagai warga tua.

Bagi mengatasi masalah kebajikan warga tua, kerajaan telah mewujudkan dan melaksanakan Dasar Warga Tua Negara sejak tahun 1995 lagi. Inti pati dasar ini ialah mewujudkan warga tua yang sejahtera, bermaruah, mempunyai martabat diri yang tinggi dengan mengoptimalkan potensi diri mereka dan menentukan mereka menikmati semua peluang di samping mendapat penjagaan dan perlindungan sebagai ahli keluarga, masyarakat dan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam memastikan strategi tersebut dapat dilaksanakan maka kerajaan telah melaksanakan pelan tindakan Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1998. Sistem pemantauan pelan ini diwujudkan oleh kerajaan melalui penubuhan Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Tua Kebangsaan yang mana ahlinya terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan sukarela, pihak swasta, masyarakat tempatan, individu dan kelompok-kelompok.

Di dalam mengatasi masalah kebajikan warga tua, kementerian melalui JKM, sebagai *lead* agensi telah melaksanakan beberapa perancangan seperti berikut :

- (i) mewujudkan 19 buah pusat jagaan harian warga tua;
- (ii) kadar bantuan orang tua ditingkatkan hasil perjuangan kementerian daripada RM135 sebulan kepada RM200 sebulan yang dilaksanakan mulai tahun ini. Untuk tahun 2005 23,385 penerima telah dapat bantuan kerajaan yang berjumlah RM30, 883, 700 semuanya;
- (iii) mempertingkatkan kemudahan dan kebajikan di rumah Sri Kenangan dan Rumah Ehsan, Jabatan Kebajikan Masyarakat

untuk tujuan kesejahteraan dan keselesaan penghuni. Misalnya Perbendaharaan telah pun meluluskan permintaan kementerian supaya kadar catuan bagi institusi JKM dinaikkan daripada RM3.90 sekian lama kepada pada masa ini RM8 sehari seorang penghuni supaya menentukan keperluan makanan mereka berzat dan dapat ditentukan;

- (iv) penyediaan perkhidmatan bantuan di rumah atau *home help services* iaitu program yang memberi perkhidmatan kepada warga tua yang daif dan tinggal berseorangan atau dengan keluarga tetapi memerlukan bantuan;
- (v) mengadakan perkongsian bijak dengan pertubuhan-pertubuhan sukarela kebajikan; dan
- (vi) memberi bantuan geran tahunan kepada pertubuhan sukarela kebajikan yang menguruskan pusat-pusat jagaan orang tua.

Untuk tahun 2005, sepuluh buah persatuan sukarela kebajikan telah pun menerima geran daripada kementerian berjumlah RM780,800. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, selain daripada kementerian kita, agensi-agensi kerajaan yang lain juga turut terlibat dalam melaksanakan program untuk warga tua di negara ini. Misalnya aspek kesihatan, perkhidmatan pergigian, perkhidmatan *geriatric* di hospital, skim insentif keluarga atau *home nursing* oleh Kementerian Kesihatan telah pun dilaksanakan.

Dalam bidang pendidikan kerajaan melalui Kementerian Pelajaran telah mengadakan program pendidikan jauh atau PJJ, konsep universiti terbuka untuk warga tua yang berminat. Dalam aspek kemudahan awam pembinaan lif, ram, *zebra crossing*, *side work pavement* disediakan untuk keselesaan warga tua. KWSP pula memberi jaminan kewangan kepada mereka yang telah bersara. Kaunter khas untuk warga tua yang berurusan dengan agensi-agensi kerajaan turut diadakan. Konsesi pengangkutan juga diberikan kepada warga tua oleh misalnya MAS dan Kereta Api Tanah Melayu.

Lembaga Hasil Dalam Negeri mengadakan pelepasan cukai pendapatan berjumlah RM5,000 setahun untuk ahli keluarga yang membiayai perbelanjaan perubatan dan membeli peralatan ortopedik untuk ibu bapa yang telah tua dan manakala Tabung Khairat yang diadakan oleh Lembaga Urusan Tabung Haji akan memberi bantuan kepada warga tua berpendapatan rendah yang mana simpanan mereka belum mencukupi untuk menunaikan haji. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada menteri yang datang sendiri untuk menjawab soalan saya dan memberikan jawapan yang begitu panjang lebar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang sosiologi ini ada satu proses yang dinamakan *gerontology*. Proses ini manusia tidak suka tetapi tetap datang iaitu proses menjadi tua. Isu dalam masyarakat Malaysia ialah seorang ibu boleh menjaga sepuluh orang anak tetapi belum tentu sepuluh orang anak dapat menjaga seorang ibu. Ini isu dalam masyarakat kita. Jadi, soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, di Singapura sebagai contoh ada akta perlindungan keluarga yang mewajibkan anak-anak membela ibu bapa mereka apabila mereka telah tua. Sedangkan negara kita tidak ada lagi akta seperti ini di samping saya tidak menafikan tentang khidmat dan kebajikan yang disebut tadi. Soalan tambahan saya, adakah kementerian Yang Berhormat bersedia untuk mewujudkan akta yang sama ini demi untuk memastikan anak-anak yang telah dididik dan dibesarkan ini memberikan perlindungan yang maksimum kepada orang tua mereka. Terima kasih.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kementerian tidak mempunyai perancangan mengadakan mana-mana perundangan secara rasmi untuk menentukan bahawa anak-anak memberi perlindungan dan penjagaan kepada ibu bapa. Ini adalah kerana negara kita masih mempraktikkan satu budaya secara umumnya di mana keluarga masih memberi penghormatan dan kasih sayang kepada ahli-ahli keluarga mereka yang tua walau pun ada kes-kes di mana terdapat anak pinak tidak mengambil tahu tentang keluarga mereka.

Sebagai satu budaya dan negara kita belum sampai ke tahap di mana terpaksa kita mesti mengadakan perundangan supaya anak-anak kita dapat menjaga orang tua-tua kita. Tetapi kalau kita mempunyai *indicator-indicator* di kementerian dan apabila didapati bahawa masanya sudah tiba di mana generasi muda tidak mempedulikan generasi yang tua maka pada masa itulah baru kementerian akan membawa isu ini ke perhatian Kabinet. Tetapi masa ini walau apa pun diperkatakan, negara Malaysia masih mempunyai satu masyarakat yang menyayangi dan menghormati warga tua. Terima kasih.

*[Dewan gamat seketika]*

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]* Dia kacau, Tuan Yang di-Pertua. Tengok dia kacau, saya belum tanya dia kacau.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya sedikit, memandangkan warga emas ini banyak diperkatakan, Malaysia pun di ambang kemajuan boleh dikatakan berjaya. Sudah tiba masanya saya minta pandangan dan juga penjelasan dalam soalan tambahan ini. Bolehkah kita menginstitusikan jagaan warga emas di semua kawasan DUN dan Parlimen? Satu. Dua, bolehkah kita jadikan elaun sara diri sebagai satu pemberian bulanan kepada warga emas selepas 65 tahun seperti negara-negara lain. Bolehkah kita buat ini?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat, buat masa kini tidak, sebab apa negara kita bukan satu negara kebajikan dengan izin, *we are not a welfare state*. Sebab apa, *we are not a welfare state* hanya mereka yang perlukan bantuan sahaja kita boleh beri. Yang keduanya, Yang Berhormat, kalau hendak ikut idealnya memanglah kalau kita boleh ada pusat jagaan ini di setiap kawasan Parlimen pada saya itu satu syurga yang telah kita idamkan tetapi saya rasa buat masa ini mungkin tidak. Tetapi untuk Rancangan Malaysia Kesembilan kita telah pun minta beberapa kemudahan daripada kerajaan dan kalau dapat, insya-Allah kita akan dapat memperbanyakkan lagi pusat jagaan harian ini. Terima kasih.

**5. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah dan peratusan keseluruhan pegawai kerajaan dalam perkhidmatan awam mengikut pecahan kaum dan juga sila nyatakan jumlah permohonan kerja yang diterima bagi semua jawatan dalam perkhidmatan awam mengikut pecahan kaum bagi tahun 2004 dan 2005.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah anggota perkhidmatan awam dan peratusan keseluruhan mengikut kaum bagi tahun 2004 dan sehingga Jun 2005 adalah seperti berikut:

**2004**

Kaum	Jumlah	Peratus (%)
Melayu	698,846	77.01
Cina	84,898	9.36
India	46,430	5.12
Bumiputera	70,818	7.8
Lain-lain	6,407	0.71
Jumlah	907,399	

## 2005

Kaum	Jumlah	Peratus (%)
Melayu	692,736	77.04
Cina	84,295	9.37
India	46,054	5.12
Bumiputera	69,828	7.77
Lain-lain	6,337	0.7
<b>Jumlah</b>	<b>899,250</b>	

Berhubung dengan jumlah permohonan kerja pula maklumat mengenainya tidak semua direkodkan oleh pihak-pihak berkuasa melantik. Walau bagaimanapun, untuk maklumat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) salah sebuah pihak berkuasa melantik telah menerima permohonan untuk memasuki perkhidmatan awam di bawah bidang kuasanya sebanyak 403,631 pada tahun 2004 dan 409,711 pada tahun 2005.

Dan pecahannya mengikut kaum adalah seperti berikut:

Tahun	Kaum	Bilangan Memohon	Peratus
2004	Melayu	316,563	78.43
	Cina	8,067	2
	India	9,562	2.37
	Lain-lain	69,439	17.2
<b>JUMLAH</b>		<b>403,631</b>	

Tahun	Kaum	Bilangan Memohon	Peratus
2005	Melayu	333,719	81.45
	Cina	6,599	1.61
	India	9,826	2.4
	Lain-lain	59,567	14.54
<b>JUMLAH</b>		<b>409,711</b>	

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya? Pulai, ada lagi? Ada apa?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli Parlimen pembuat dasar, tetapi pegawai-pegawai kerajaan pelaksananya. Sebahagian besar daripada masalah yang dibangkitkan dalam Dewan ini adalah masalah yang berulang dan tidak selesai.

Di dalam dunia perniagaan pelaksana yang gagal menyelesaikan masalah sering diganti, tetapi nampaknya dalam perkhidmatan awam tidak begitu. Malah ada pegawai yang gagal juga dinaikkan pangkat kerana sistem *seniority*. Di samping...

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalnya?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Hendak ...ini *preamblenya*, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Selain dari itu sikap pegawai-pegawai kerajaan juga tidak dapat dikawal oleh pegawai-pegawai atasan. Ini juga menyebabkan masalah berulang dan tidak selesai...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu lain daripada soalnya. Soalnya minta statistik.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Ya, tapi saya hendak soalan tambahan. Ada kena mengena, Tuan Yang di-Pertua.

Matlamat integrasi kaum dalam perkhidmatan kerajaan juga nampaknya tidak tercapai dan sekiranya berlaku kegagalan pegawai dalam sistem kerajaan, ia boleh dilihat sebagai masalah kaum Melayu. Pada pendapat saya, sebahagian besar daripada masalah ini boleh diselesaikan sekiranya ada kepelbagaian kaum dalam perkhidmatan awam dengan kemasukan lebih ramai lagi orang bukan Melayu dalam perkhidmatan awam.

Soalan tambahan saya, apakah usaha kerajaan supaya menarik lebih ramai lagi orang bukan Melayu untuk masuk dalam perkhidmatan awam? Dan sekiranya langkah ini tidak berjaya adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan kuota untuk mencerminkan kepelbagaian kaum dalam perkhidmatan awam dari segi jawatan dalam perkhidmatan awam? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada statistik yang telah saya beri iaitu dari segi permohonan daripada masyarakat bukan Melayu ini adalah terlalu kecil. Permohonan hanya minta sahaja 2 peratus daripada kaum Cina, India 2.37 peratus pada tahun 2004. Pada tahun 2005, permohonan kaum Cina cuma 1.61 peratus dan India 2.4 peratus sahaja.

Jadi sebenarnya dari segi untuk melaksanakan untuk menjadikan *civil service* ini sebagai satu *Malaysian civil service* adalah satu usaha yang dilakukan sepanjang masa iaitu kita berusaha, kita iklan, kita maklumkan dan kita panggil mereka untuk membuat permohonan, tetapi saya percaya satu daripada perkara yang harus kita atasi ialah soal budaya di kalangan masyarakat bukan Melayu yang tidak begitu berminat untuk bekerja dengan kerajaan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, daripada angka dan statistik yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu 9 peratus orang Cina, 5 peratus orang India, 7 peratus Bumiputera Sabah dan Sarawak dan 77 peratus orang Melayu, bukankah ini angka yang membuktikan kegagalan Dasar Ekonomi Baru, khususnya matlamat untuk menyusun semula masyarakat.

Perkhidmatan awam adalah satu sektor yang terpenting. Angka ini lebih merosot dan lebih teruk apabila dibandingkan dengan kedudukannya 36 tahun dahulu pada tahun 1970, sebelum pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Ini mengakibatkan implikasi yang besar, bukan sahaja mengenai perpaduan negara tetapi juga mengenai anggapan bahawa kita tidak ada satu *Malaysian civil service* - *more and more* satu *Malay civil service*, dan bukankah selepas hampir 50 tahun negara kita - ini patut menjadi satu agenda utama Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membetulkan keadaan ini supaya kita benar-benar ada *Malaysian civil service* semua lapisan, KSU-KSU atau jabatan-jabatan atau kaunter agensi supaya orang ramai yang pergi ke jabatan-jabatan tidak tengok satu kaum sahaja tetapi adalah perwakilan semua kaum...

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri faham.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukankah ini sangat mustahak supaya agenda utama

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia bercakap sahaja, tetapi tidak ada cadangan apa-apa. Cadangkanlah sesuatu! Pada saya, kalau sekiranya kita pergi ke mana-mana, kita melihat iaitu kalau di *counter service* semuanya Melayu, ini sepatutnya menjadi satu rangsangan kepada bukan Melayu untuk mereka memohon bekerja dengan kerajaan supaya kita dapat menjadikan *civil service* ini sebagai *Malaysian civil service*.

Saya sudah sebut tadi iaitu bahawa kerajaan sentiasa menjalankan kerja memastikan supaya kita dapat memperbanyakkan lagi orang-orang bukan Melayu bekerja dengan kerajaan. Tetapi kalau setakat hanya dalam Dewan hendak mengamuk, itu buang masa saya saja. Saya hendak.....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Apa itu mengamuk? Tarik balik. Apa dia mengamuk?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendakkan cadangan yang bernas...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mana ada peluang yang adil? Naik *promotion* ada KSU-KSU yang adil...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Itu spekulasi. Itu spekulasi.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mana ada mengamuk, tarik balik. Ini tidak mahu jawab. Ini tidak bertanggungjawab.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau orang Cina - kalau majoriti pegawai kerajaan 77 peratus orang Melayu, sudah tentulah bila sampai kepada KSUnya 77 peratus itu datang daripada orang Melayu. Takkan yang jadi kakitangan kecil, KSU hendak sampai 70 peratus. Tidak betullah itu. Itu tidak adil.

Sebab itulah kita kena pastikan sebagai yang saya sebut sebentar tadi, jangan dok mengamuk. Kalau kita sudah tua... [*Disampuk*].kita hendak orang hormat, cakap baik-baik. Sebab itu saya harap supaya Yang Berhormat bagi 'Ipoh Timor' tidak usah dok mengamuk.....

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ...bagi cadangan kepada kerajaan bagaimana kita boleh meramaikan lagi orang-orang bukan Melayu untuk masuk dalam pegawai kerajaan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan daripada Ipoh Barat ini, dari Ipoh Timor. [*Ketawa*] Ini pun tidak tahu. Menteri...menteri... [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya minta maaf.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Menteri...menteri pun tidak tahu apa dia kata. Mengamuklah dia, mengamuk.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia kembar.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dia....

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kembar. Ipoh Timor, Ipoh Barat kembar.

6. **Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangwa]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah jenis-jenis eksperimen saintifik yang bakal dijalankan oleh angkasawan negara di angkasa lepas kelak serta menyatakan agensi-agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi atau syarikat swasta yang terlibat dalam menyediakan dan menyelia eksperimen-eksperimen tersebut.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Muar pada 20 April, Yang Berhormat bagi Keningau pada 24 April dan Yang Berhormat bagi Bera pada 26 April oleh sebab ia menyentuh isu yang sama iaitu program angkasawan negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, bagi pihak MOSTI, kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada minat yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat yang mengemukakan soalan dan saya yakin semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini kerana telah mengemukakan isu program angkasawan negara.

Tuan Yang di-Pertua, program angkasawan negara ini merupakan salah satu projek di bawah program *offset* atau timbal balas bila negara memperoleh atau membuat pembelian 18 buah pesawat SU 30MK pesawat pejuang daripada Rusia. Dalam program ini angkasawan ini tiada penglibatan perbelanjaan ataupun penggunaan peruntukan kerajaan kerana ia merupakan program timbal balas atau program *offset* dalam pembelian alat ketenteraan daripada Rusia.

Program ini merangkumi menghantar dua orang calon angkasawan ke *Yuri Gagarin Russia Centre* dan *Cosmonaut Training* di Russia.

Daripada 2 calon tersebut nanti insya-Allah seorang akan dihantar ke angkasa lepas yang akan ditempatkan di *International Space Station*, dengan izin ISS pada 27 Oktober untuk menjadi rakyat Malaysia yang pertama insya-Allah yang akan berada di angkasa lepas.

Sehingga kini Tuan Yang di-Pertua, 4 orang calon angkasawan telah dipilih dan baru-baru ini yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Nama-nama 4 orang calon saya ulangi telah diumumkan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu Encik Mohammed Faiz bin Kamaluddin seorang anggota MAS Pilot atau pembawa kapal terbang MAS, Dr. Sheikh Muszaphar seorang doktor dari HUKM, En. Faiz bin Khaleed seorang doktor gigi daripada angkatan tentera dan seorang jurutera wanita iaitu S.Vanajah.

Tuan Yang di-Pertua, calon-calon ini telah dipilih oleh satu Jawatankuasa Pemilihan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Mohd. Haniff bin Omar. Calon-calon ini juga telah melalui beberapa proses yang dipilih oleh beberapa anggota yang pakar-pakar. Antara pemilihan atau ujian yang penting ialah ujian dari segi psikologi.

Kumpulan ujian yang penting ini diketuai oleh Dr. Teoh Hsien Jin daripada Sunway Medical Centre dan ahli-ahli lain sebagai contoh saya hendak sebut nama mereka ini seperti Miss Cheong Sau Kuan dari Sunway Medical Centre juga, Miss Woo Pei Jun dari Sunway Medical Centre, Dr. Elvin Ng dari UKM, Dr. Geshina Ayu konsultan, Dr. Zubaidah UPM, 'Dr. Mat Sabu', Dato' Dr. Mat Saat Baki dari konsultan. Disebut nama ini bukan 'Mat Sabu' - tiada hubungan dengan PAS [*Ketawa*]. Saya sebutkan di sini kerana ia penting, kerana angkasawan kena berada di angkasa lepas di mana suasananya berbeza. Maknanya dari segi mental, keupayaan mental itu selain daripada fizikal adalah amat penting sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi yang ingin saya sentuh bahawa dalam konteks ini, sebab dia bertanya apa tujuan kita menghantar program ini. Dalam era konteks globalisasi dan komunikasi cyber amat penting seperti negara kita yang mahu menjadi satu negara maju pada tahun 2020, penguasaan angkasa itu amat penting untuk menjaga kepentingan strategik negara sama ada ekonomi mahupun keselamatan. Oleh kerana itu program angkasa negara termasuk program angkasawan bertujuan membawa Malaysia insya-Allah kepada mercu baru di antara sekumpulan negara kecil dunia yang sedang menerokai angkasa lepas.

Bermula dahulu dengan pelancaran micro satelit Tiongsat Malaysia akan mengorak langkah menghantar manusia pula ke angkasa. Selepas langkah kecil yang kita

ambil dahulu dengan menghantar Tiongsat insya-Allah kita akan melonjak ke satu tatapan dan persada baru dengan menghantar warga Malaysia ke alam semesta pula.

Tuan Yang di-Pertua, ditanya juga tentang program-program sains. Beberapa program sains akan diadakan program berbentuk kajian (*research*), *mutation* dan *tissue culture* di universiti-universiti tempatan, (R&D tidak akan terlibat) seperti Universiti Kebangsaan, Universiti Sains, Universiti Teknologi MARA dan institusi-institusi yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Titiwangsa.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan itu. Kita sering mendengar baru-baru ini banyak publisiti telah diberi di mana kononnya hendak membawa teh tarik, roti canai, batik dan sebagainya. Saya rasa benda-benda begini biarlah, *let it be earth bound*, dengan izin. Tetapi yang saya hendak tanya adakah kerajaan mempunyai satu program yang tidak ada hubung kait dengan program *offset* timbal balas ini supaya kita boleh dapat maju ke depan lagi seperti yang Menteri katakan tadi, dan mengujudkan program-program yang lebih saintifik dengan negara-negara yang bukan tradisional dari segi angkasawan seperti Jepun Perancis ataupun China bukan sahaja dengan Rusia ataupun Amerika Syarikat. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang seperti yang saya nyatakan tadi program kita menghantar angkasawan merupakan usaha kita supaya ada penguasaan dalam industri angkasa, kerana kalau kita lihat dari dunia atau ekonomi akan datang dunia tidak ada sempadan seperti yang saya katakan. Komunikasi sebagai contoh merupakan satu medan yang amat penting sekali. Ia bukan hanya untuk bertutur tetapi untuk perniagaan ekonomi, perniagaan melalui internet. Ia merupakan penguasaan teknologi.

Kita mesti mempunyai kaedah teknologi untuk menguasai media ini. Katakanlah sekarang ini kita menghantar komunikasi antara kita tetapi kita tidak menggunakan satelit kita sendiri. Adakah kita tidak bertanya sama ada tidak ada orang lain dapat mendengar apa yang kita tuturkan? Begitu juga kalau kita menggunakan rangkaian alam cyber ini untuk menguruskan pembelian atau perolehan ataupun usaha-usaha penggunaan strategik ketenteraan kita. Adakah kita tidak bertanya, adakah orang tidak boleh mendengar atau memutuskan talian itu dan boleh merosakkan ekonomi kita? Sebab itu saya nampak bahawa ini amat penting sekali. Sebab itu saya ada mengatakan kita bermula dengan satu langkah yang kecil dahulu. *A small step* ini menggunakan perkataan daripada, *the first man on the moon "my small step and big step for mankind". 'A small step for Malaysia'*. Satu langkah kecil untuk Malaysia dahulu kita menghantar Tiongsat, tetapi merupakan satu inisiatif yang besar negara untuk kita menjaga kepentingan ekonomi dan kepentingan keselamatan kita.

Oleh kerana itu kita juga akan menghantar tidak lama lagi satu satelit yang kedua iaitu RazakSAT. Satelit ini nanti akan memberikan kita kapasiti untuk melihat dari segi kalau ada kebakaran-kebakaran, lepas itu dari segi menggunakan untuk mengatasi atau memberikan maklumat tentang bencana alam dan cadangan kita dari segi satelit yang ketiga, kita merancang insya-Allah kalau boleh menghantar pada masa yang akan datang dalam masa yang secepat mungkin alat satelit komunikasi kita sendiri. Insya-Allah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang setuju kita hendak maju dalam bidang angkasawan dan angkasa lepas itu. Saya berharaplah lebih banyak aktiviti dan program diadakan untuk bidang ini. Cuma bolehkah Yang Berhormat terangkan dengan ihsan pihak Rusia kerana kita membeli pesawat SUKHOI mereka dan .....

[Berhenti bercakap beberapa ketika]

**Seorang Ahli:** Soalan, soalan?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Soalan itu banyak, tunggu sekejaplah. Tunggu sekejap. Takut tak cukup. Dan sejak Yuri Gagarin pihak Rusia dalam tahun 60-an lagi

mereka membuat banyak eksperimen di angkasa lepas termasuklah perkongsian dengan negara Amerika Syarikat dan sebagainya. Macam mana kita dapat buat eksperimen kita kerana kita bukan satu kuasa angkasa lepas. Macam mana kita *fit in the niche*. Apakah eksperimen yang kita boleh buat di situ, sama ada pihak Rusia hendak izinkan kita berbuat demikian kerana kita bukan satu kuasa di dalam bidang ini. Itulah yang saya hendak tahu kerana pihak .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia kata apakah manfaat ye?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bukan sahaja manfaat. Yang Berhormat bagi Rompin tahukah bahawa pihak Rusia itu tinggi macam ini sementara kita rendah macam ini. Dari segi eksperimen angkasa lepaslah. Macam kita *fit in*? Sebab Yang Berhormat bagi Rompin ni dia buat *research* di McGill di Kanada, tetapi dia tidak ingat apa *research* itu. Itulah masalah dia. [Ketawa]

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Saya berminat Yang Berhormat kepada inisiatif angkasawan kita masuk ke angkasa lepas ini. Saya tidak tahu dari segi keupayaan fizikal Kepong. Saya rasa mungkin tidak lulus, tetapi Kepong boleh lulus dalam ujian psikologi tetapi yang lain-lain seperti Ipoh Barat dan Ipoh Timor saya rasa tidak lepas.

Memang benar kata Yang Berhormat, kos untuk menghantar atau memulakan Institut Angkasa Lepas perbelanjaannya amat besar sekali. Sebab itu betul Yang Berhormat bagi Titiwangsa beritahu tadi. Terima kasih kepada pandangan Yang Berhormat bagi Titiwangsa. Penting kita membuat perkongsian bijak dengan mereka yang sudah ada program di angkasa lepas.

Oleh kerana itu, usaha kita bukan hanya dengan pihak Rusia sahaja. Kita berbincang juga dengan pihak-pihak yang ada inisiatif angkasa lepas seperti negara China, India dan negara-negara lain bagaimana kita boleh menyertai program mereka dan mengambil *niche* kita tertentu. Sebagai contoh, *experiment* yang kita cadangkan macam *cancer cell research* tetapi itu tertumpu kepada *cancer cell tropical* sahaja, *the tropical cancer research work* dengan izin. Lepas itu *gene mutation* iaitu benda-benda yang daripada *tropical diseases*.

Lepas itu dari segi *plants* untuk membuat *tissue culture* tetapi kepada *plants* dengan izin yang *tropical plants*. Ini ujian-ujian benar sebagaimana Yang Berhormat bagi Kepong memberikan cadangan yang baik bahawa kita tidak boleh membuat sesuatu yang bersaing dengan Negara Barat yang mempunyai, pertama mereka mendahului daripada kita, yang kedua, mempunyai dana yang lebih besar.

Namun demikian, kita tidak boleh juga menolak dalam isu kita mesti ada juga sentuhan ataupun inisiatif dalam industri angkasa lepas kerana bukan sahaja kita penting kita membuat *experiment science* tetapi dari segi kepentingan ekonomi itu sendiri yang saya telah katakan tadi banyak menggunakan hubungan *cyber* sekarang ini dan juga jangan lupa kepentingan keselamatan kita.

Dunia sekarang bukan sahaja berkomunikasi menggunakan alat-alat aset kita tetapi untuk mengoperasi aset-aset ketenteraan itu juga memerlukan hubungan *cyber* ini. Sebab itu saya nampak bahawa penting apa jua pelaburan yang kita usahakan, yang kita mulakan dalam industri angkasa lepas itu ataupun era angkasa ini amat penting sekali untuk negara. Terima kasih.

7. **Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengapakah kempen menanam pokok Bunga Kebangsaan (Bunga Raya) tidak mendapat sambutan dan berapakah kos yang dibelanjakan bagi menjayakan kempen tersebut.

**Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, kempen untuk menggalakkan penanaman pokok bunga raya telah dijalankan selaras dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 3 Mac 2005 sempena sambutan Hari Landskap Negara 2005.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Landskap Negara telah menyediakan pelan tindakan yang berkaitan. Di antara program-program yang telah dirancang ialah penanaman pokok bunga raya di sekolah-sekolah, kawasan-kawasan bangunan kerajaan dan swasta dan pintu masuk strategik di seluruh negara.

Di samping itu suatu program khas telah dijalankan iaitu program penanaman pokok bunga raya serentak di seluruh negara sempena sambutan Bulan Kemerdekaan Kali Ke-48 yang telah diadakan pada 15 September 2005. Melalui program ini sejumlah 48,000 batang pokok bunga raya berjaya ditanam. Kempen menanam pokok bunga raya telah dijalankan secara berterusan di sepanjang tahun 2005 dan mendapat sambutan yang menggalakkan di peringkat negeri dan Wilayah Persekutuan.

Pada keseluruhannya pihak kerajaan negeri dan Wilayah Persekutuan telah mendapat kerjasama yang baik daripada jabatan dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, pihak swasta dan orang perseorangan bagi menjayakan kempen ini. Sehingga akhir tahun 2005, sejumlah 570,066 pokok bunga raya telah ditanam di seluruh negara.

Walau pun sasaran penanaman tidak ditetapkan secara spesifik, jumlah tersebut telah menunjukkan prestasi penanaman yang amat menggalakkan. Jumlah yang dibelanjakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam kempen ini setakat tahun lalu ialah kira-kira RM800,000.

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, apabila kita bercakap tentang kempen saya ingin bertanya apakah asas kepada kempen ini. Maksud saya adakah kementerian hendak menggalakkan penanaman pokok kebangsaan ini di kalangan rakyat sebagai suatu hobi atau adakah kementerian mempunyai peruntukan dari segi stok benih-benih pokok bunga raya untuk diagih kepada kawasan tertentu mengikut kesesuaian. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan atau objektif utama adalah diketahui oleh orang ramai iaitu kita hendak semua lapisan masyarakat mengetahui dan memahami juga menghayati serta menyemarakkan bunga raya sebagai status Bunga Kebangsaan kita.

Dalam pada itu untuk menjadikannya suatu kebiasaan ataupun orang sentiasa menghormati bunga ini, kita kena tanam bunga ini di semua tempat-tempat strategi dan adalah susah bagi kementerian membekalkan benih kepada semua kawasan. Kempen ini bergantung kepada kerjasama kepada pihak berkuasa tempatan. Pihak berkuasa tempatan perlulah mendapatkan kerjasama daripada pihak swasta dan sama-sama mereka membekalkan benih, dapatkan NGO dan orang perseorangan untuk menjayakan kempen ini. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya rasa melancarkan kempen bukanlah sukar dilakukan. Ada wang boleh berbuat demikian untuk pelancaran kempen. Tetapi masalah dan kerisauan saya adalah bagaimana kita hendak menjaga pokok bunga ini. Apakah rancangan atau langkah-langkah yang sedia ada daripada pihak kementerian untuk memastikan selepas pelancaran kempen, pokok-pokok bunga ini mempunyai tenaga kerja yang mencukupi untuk menjaganya dan berapakah kos yang dijangka akan digunakan untuk menjaga pokok-pokok ini. Kita boleh tengok banyak kempen-kempen atau aktiviti yang dijalankan misalnya pokok bunga ditanam di sepanjang jalan dua atau tiga bulan lepas itu pokok itu dibiarkan sedemikian mati seterusnya. Saya pohon jawapan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab untuk menjaga dan memastikan tanaman ataupun pokok-pokok bunga ini adalah suatu tanggungjawab bersama kepada semua rakyat. Saya telah katakan tadi bahawa semua pihak berkuasa tempatan adalah pihak yang mengkoordinasi semua kempen ini. Kalau kita hendak membelanjakan wang yang banyak dan rakyat tidak berasa *sense of commitment* dia tidak akan berjaya.

Oleh sebab itu adalah menjadi tanggungjawab pihak berkuasa tempatan menggalakkan pihak persatuan-persatuan penduduk setempat, NGO dan juga orang perseorangan untuk mempunyai kesedaran bahawa pokok-pokok dan juga pokok bunga raya di dalam kawasan mereka itu perlulah dijaga bersama.

Saya sendiri telah menyaksikan satu taman *neighbourhood* dekat tempat kediaman saya, semua penduduk di sini begitu prihatin, mereka bersama-sama menjaga semua pokok dan bunga di situ. Bila saya pergi buat *jogging*, saya tengok mereka cukup komited. Itulah semangat yang sepatunya ada pada rakyat kita di seluruh negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab lisan pada pagi ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

### USUL

#### **USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Ketiga Parlimen yang Kesebelas.” **[22 Mac 2006]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Sekijang, sila sambung.

**11.09 pagi**

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk sama-sama membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Parlimen kita pada 13 Mac yang lalu dan saya hanya ingin menyentuh hanya beberapa perkara. Yang pertamanya saya ingin menyentuh tentang alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa negara kita pada satu setengah tahun ataupun awal sesi Parlimen kita yang lalu, kita heboh membincangkan tentang sisa toksik yang dilupuskan secara haram ataupun tidak betul di Simpang Renggam, Johor.

Kemudian, bersama-sama dengan kita pada masa itu juga media-media sama ada media cetak ataupun media elektronik yang membincangkan atau memaparkan perkara-perkara yang sama. Kita sama-sama mengutuk perbuatan tersebut dengan harapan memberikan kesedaran kepada masyarakat dan juga kepada pihak-pihak yang terlibat. Kita juga berharap dengan pemaparan tersebut dapat sedikit-sebanyak menakutkan ataupun membantutkan kalau ada niat daripada, kalau boleh kita panggil penjenayah-penjenayah ini untuk melakukan perkara-perkara yang terkutuk ini.

Rupa-rupanya sangkaan kita itu meleset yang mana pada masa yang sama ataupun lebih kurang tempoh yang sama ada pihak yang tidak menghiraukan langsung dan melakukannya pula di Labis, Johor, yang jaraknya daripada Simpang Renggam ini saya kira tidak sampai 50 kilometer. Kemudian pula selepas di Labis dikatakan pula ianya ada juga dilupuskan secara haram di Yong Peng, di Johor juga.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita heboh menyatakan tentang pelupusan ini tetapi dalam lingkungan tempat yang dekat pun masih lagi berlaku perkara pembuangan sisa toksik yang tidak teratur ini, yang mana penduduk-penduduk di Labis yang bersebelahan dengan kawasan Parlimen saya dipindahkan dan melibatkan 1,000 orang, dan juga melibatkan jutaan ringgit untuk mengalihkan semula sisa-sisa toksik yang dilupuskan secara haram ini. Persoalannya, mengapa ianya berlaku dan terus berlaku tanpa ada rasa takut, segan atau silu daripada mereka yang membuatnya? Adakah.....

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Tuan Yang di-Pertua!

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** .....pemantauan kita kurang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sekijang. Saya cukup tertarik tadi apabila Yang Berhormat menggunakan istilah penjenayah alam sekitar. Saya rasa tepat sekali istilah yang digunakan itu. Saya kira ini adalah merupakan satu istilah yang perlu kita uar-uarkan penjenayah alam sekitar sebab kerosakan kepada alam sekitar itu akan membawa padah kepada seluruhnya malah ini juga barangkali ada kaitannya dengan pencemaran dengan *Avian Flu* dan serba macam lagi itu akibat daripada rosaknya alam sekitar ini.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah sistem denda yang ada, penguatkuasaan yang ada ini tidak berbaloi di antara dendaan yang dikenakan dengan keuntungan yang mereka perolehi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Mohon penjelasan.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih sahabat saya. Saya rasa kita ada Akta Kualiti Alam Sekitar tahun 1974 yang telah pun kita buat, yang mana saya rasa penalti yang boleh dikenakan ialah denda, kalau tidak silap saya boleh menjangkau kepada RM500,000 ataupun penjara lima tahun ataupun kedua-duanya sekali.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [Bangun]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** [Bangun]

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** [Bangun]

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** [Bangun]

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** [Bangun]

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Tetapi saya rasa ini tidak menakutkan mereka kerana dari segi sejarahnya apabila akta ini ada kita tidak pernah pun mendenda kepada syarikat-syarikat ataupun individu-individu yang melakukan jenayah ini lebih daripada RM50,000....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** .....kerana mereka.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sekijang, ramai yang berminat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ayer Hitam dahulu.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Saya habiskan dahulu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh?

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Saya habis dahulu. Jadi, saya rasa denda walaupun maksimumnya RM500,000 penjaranya lima tahun tetapi saya percaya ianya tidak menakutkan mereka ini kerana mereka ini saya rasa mendapat keuntungan atau mendapat laba yang lebih daripada itu yang mereka tidak segan silu untuk melakukannya. Kalau boleh, kalau ada pindaan-pindaan yang hendak dibuat, saya percaya kita boleh mengesyorkan di dalam Dewan ini kita kenakan sebatan sekali kepada mereka yang melakukan jenayah atau kesalahan-kesalahan ini supaya mereka, individu ataupun mereka yang bertanggungjawab ini berhati-hati untuk melakukannya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Minta Penjelasan. Ayer Hitam.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Kenapa ramai sangat?

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Belaknglah ada toksik.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jangan toleh belakang, tengok kiri kanan dahulu.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Saya beri kepada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam dahulu.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sekijang. Oleh kerana kawasan saya turut terlibat dan telah menjadi satu tapak yang telah ditimbus sisa toksik, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Sekijang. Memandangkan masalah ini berlaku di mana sebuah kilang di Melaka telah mengeksport sisa toksik itu ke negeri Johor dan sampai negeri Johor yang menerima kesengsarannya. Di kawasan saya ada dua tapak dan saya hendak minta apa pandangan Yang Berhormat mengenai apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi tentang denda RM500,000.

Tetapi sedarkan Yang Berhormat 7,000 tan yang telah dieksport ke Kampung Gatom dan di Yong Peng itu mereka dapat menjimatkan RM3.5 juta. Kalau dapat ditangkap maksimum mungkin RM500,000 dan inilah kecacatan yang ada dalam sistem undang-undang kita.

Saya hendak minta pandangan, saya setuju dengan Yang Berhormat kata hendak disebut tapi bagaimana dengan kos pembersihan sisa toksik di Kampung Gatom, RM3,5 juta ditanggung oleh kerajaan dan di kawasan Yong Peng pun berjuta-juta ringgit yang belum dapat peruntukan. Bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini, sebab ini adalah atas kepentingan orang ramai? Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Ayer Hitam yang juga Yong Peng itu terletak dalam kawasan Parlimen Ayer Hitam. Saya tidak tahulah mungkin Yang Berhormat tadi menyebut RM3.5 juta untuk membersihkan ataupun mengalih semula sisa toksik di Sungai Gatom, Labis. Tetapi apa yang saya diberitahu lebih RM8 juta digunakan untuk tujuan ini dan ini adalah satu pembaziran duit kerajaan iaitu duit orang ramai dan duit kita semua yang sepatutnya kita tidak gunakan untuk tujuan itu tetapi boleh digunakan untuk tujuan lain.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** *[Bangun]*

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Batu Pahat, nantilah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih. Yang Berhormat, memang kita sedar bahawa dalam era globalisasi ini, mungkin ini tempas-tempasnya juga. Ramai pengusaha-pengusaha yang telah tidak peduli dengan senang-lenang dengan suka

hati mereka membuang sisa-sisa toksik dan sebagainya. Contohnya, di kawasan saya, seluruh tebing Sungai Kinabatangan itu, sungai yang kedua terpanjang di Malaysia ditanam dengan kelapa sawit. Bayangkan satu pokok kelapa sawit berapa kilo baja diperlukan akan mengalir ke Sungai Kinabatangan dan pihak media juga telah memaparkan melalui TV dan sebagainya tetapi nampaknya kementerian ini, tidak tahulah, mungkin dia letihlah. Tidak boleh diperangi persoalan-persoalan sebegini. Hari-hari kita nampak itu yang dipaparkan. Bagaimana pula dengan keadaan yang terencil?

Jadi, apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan bahawa mungkin untuk mewujudkan pusat wakil daripada kementerian di satu-satu kawasan yang berpotensi untuk dicemari supaya persoalan ini dapat diselesaikan. Dan, apakah Yang Berhormat mencadangkan bertanya kepada kerajaan setakat ini berapa kontraktor yang telah dihukum dan diambil tindakan. Kalau tidak ada, kenapa? Apa sudah berlaku? Terima kasih.

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya percaya memang untuk membuat pertuduhan kepada penjenayah-penjenayah ini bukanlah suatu perkara yang mudah dan kita berterima kasih jugalah kepada kementerian dan Jabatan Alam Sekitar yang telah membuatkan pertuduhan-pertuduhan ini tetapi untuk menyangkutkan sesuatu kes itu, mengenakan sesuatu kes itu apabila dibawa ke mahkamah, kita perlu bukti-bukti yang kukuh. Kita perlu sesuatu yang meyakinkan.....

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** [Bangun]

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** [Bangun]

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** ....dan kadangkala bukti-bukti inilah yang saya rasa bermasalah ataupun yang tidak dapat ditimbulkan oleh kementerian ataupun Jabatan Alam Sekitar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Batu Pahat, Ketereh, Tuaran, bangun.

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Macam ini tidak habis saya berucap Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Terpulang kepada Yang Berhormatlah.

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Nanti saya habis dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat hanya ada 10 minit lagi.

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Alamak, belum habis lagi, sedikit-sedikit. Nanti dulu kawan-kawan saya habiskan dahulu, tidak bergerak lagi ini. Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang saya sebutkan tadi adalah sama ada pemantauan kita kurang ataupun sebagaimana yang saya sebutkan tadi undang-undang kita longgar ataupun *enforcement* ataupun penguat kuasa kita kurang ataupun kilang, ataupun kawasan industri yang mengeluarkan sisa toksik ini tidak dipantau dengan baik sebab apabila berlaku tempat pembuangan sisa toksik secara haram, seolah-olah saya minta maaf Jabatan Alam Sekitar tidak tahu macam mana, dari mana, sisa toksik itu datangnya dan boleh sampai ke tempat itu. Kenapa setiap kilang ataupun kawasan industri.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Yang Berhormat minta penjelasan Yang Berhormat sedikit Yang Berhormat.

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** ...yang mengeluarkan sisa toksik ini tidak didaftarkan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Batu Pahat.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Sedikit, sedikit hendak beritahu sedikit Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat?

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Tidak apa saya bagi Ketereh terlebih dahulu.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih sahabat saya. Saya mengikuti ucapan ini dengan baik dan saya kagum saudara menyebut satu perkara yang sangat penting dalam hidup kita. Undang-undang, penguatkuasaan, tabiat, tabii dan sebagainya tetapi pada saya yang sebenarnya ialah soal dasar. Kita hendak pergi kepada negara maju. Kita bersedia dengan prasarana itu prasarana ini kita buat pembangunan tetapi apakah kita ada satu perancangan yang khusus tentang bukan sahaja soal sisa toksik, soal pembuang sampah, soal kawasan tadahan, soal alam sekitar, dasar itu penting.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jaga *Local Authority*, adakah dasar seperti ini? Misalnya kita panggil orang kenduri, beribu orang rumah kita, orang datang makan kenduri tetapi kita sediakan jamuan atau tidak? Kita sedia tempat sampah atau tidak? Negara hendak jadi maju, kita sudah sedia tempat pelupusan. Selangor sudah jadi maju, *what happen to Selangor, do we have?* Adakah rakyat terima? Dasar itu penting, ke mana tujuan kita. Bolehkah Yang Berhormat setuju dengan pandangan ini?

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Ketereh, saya kira pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh itu boleh sama-sama kita ambil.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik semula kepada ucapan saya tadi iaitu....

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** [Bangun]

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Ada Batu Pahat lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Batu Pahat.

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Okey.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya ingin mendapat penjelasan adakah Yang Berhormat tahu bahawa di negara kita ini hanya ada dua sahaja syarikat yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk menjalankan kerja-kerja pelupusan buangan berjadual iaitu syarikat yang pertama iaitu Kualiti Alam Sdn. Bhd. yang ada di Negeri Sembilan dan memberi pelupusan seluruh Semenanjung.

Yang kedua ialah *Trineken Sdn. Bhd.* yang menjalankan pelupusan di Sarawak sahaja. Apabila kita bercakap berkenaan dengan tenaga kerja untuk melupuskan, tenaga kerja untuk membuang secara berjadual sistem toksik ini yang paling utama ialah pemantauan. Ada syarikat-syarikat ataupun kilang-kilang yang mengeluarkan bahan toksik ini dilakukan waktu malam kerana bagi mereka inilah yang mereka dapat hendak mengelakkan daripada pemantauan oleh Jabatan Alam Sekitar dan juga untuk mendapat keuntungan yang utama. Saya mintalah kalau Yang Berhormat dapat memberi ulasan sedikit. Terima kasih.

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih sahabat saya daripada Batu Pahat. Sememangnya mereka yang melakukan jenayah ini mencari waktu-waktu yang sesuai untuk mereka melakukan aktiviti-aktiviti mereka sama ada di waktu malam, siang, pagi, petang, subuh dan sebagainya itu yang dibuat oleh mereka tetapi selaku kita di dalam negara kita ini, Jabatan Alam Sekitar atau kementerian yang bersangkutan kita perlu memantau mereka ini dengan apa cara sekalipun.

Sebab itu saya bertanya tadi walaupun saya rasa kita pantau dan kita mendaftarkan mereka-mereka ataupun industri-industri yang mengeluarkan sisa toksik ini tetapi mungkin kita tidak mendaftar secara keseluruhan kerana ada industri-industri yang mengeluarkan produknya dan mengeluarkan sisa-sisa toksik dan ada industri yang menggunakan sisa-sisa toksik ini untuk di *recycle* mengeluarkan produk dan masih lagi ada mengeluarkan sisa-sisa toksik ini.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tuaran.

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Biar saya habis dululah saya sudah tidak bergerak dekat sini lagi tadi. Saya rasa kadang-kadang kita memantau hanya kilang-kilang atau industri yang mengeluarkan sisa-sisa toksik tetapi yang membeli sisa-sisa toksik daripada kilang-kilang tersebut yang hendak di *recycle* ini, yang ini mungkin kita terlepas pandang kerana mereka ini juga bukan semua yang boleh di *recycle* dengan izin Tuan Yang di-Pertua kerana setelah di *recycle* mungkin 10% ataupun 30% ataupun 40% masih ada lagi sisa toksik yang dihasilkan daripada kilang-kilang tersebut.

Saya hendak bertanya kepada Jabatan Alam Sekitar ini sama ada kita mendaftarkan keseluruhan pengeluar-pengeluar sisa-sisa toksik ini di dalam negara kita ini kerana ini kalau kita tidak mendaftarkan mereka ini kita tidak akan tahu dan kita tidak boleh memantau mereka ini. Misalnya kalau kilang A mengeluarkan 100 tan sebulan, kilang B mengeluarkan 50 tan sebulan ataupun kilang C dan berikutnya dan kalau bulan-bulan yang berikut itu kita tengok kita lihat bahawa kekurangan keluaran toksiknya tetapi produknya sama atau lebih banyak maka ada permasalahan di situ dan kita boleh pantau melalui itu.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tuaran.

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Tuan Yang di-Pertua selain daripada itu kita boleh pantau juga secara harian yang mana tempat....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, hendak berikan laluan kepada Tuarankah? Kalau tidak ada saya minta dia duduk. Ada ke tidak mahu?

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Sekejap lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekejap nanti bangun balik.

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Tuan Yang di-Pertua, kita boleh memantau dari segi harian, mingguan atau bulanan kepada mereka ini ia mestilah berterusan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa untuk gulung.

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Alamak, baru satu topik Tuan Yang di-Pertua. Ini semua kacau semua *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf sebab sudah hendak kena gulung ini saya sudah ada dua tiga lain hendak kena cakap ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya difahamkan bahawa Jabatan Alam Sekitar ada sistem penjejakan sistem berjadual ini ataupun dipanggilkan e-Suis tetapi saya rasa ianya tidak begitu berfungsi kerana apabila berlaku kebocoran ini maka mereka tidak tahu, tidak boleh mengesan dengan cepat dan mereka tidak boleh bertindak dengan cepat akan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebut di Simpang Renggam, Sungai Gatom, Labis dan di Yong Peng. Dua minggu yang lalu Tuan Yang di-Pertua, saya juga terperanjat apabila di dalam kawasan saya sendiri juga ada dilupuskan sisa-sisa toksik ini secara haram. Di mana kami telah menghubungi Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Alam Sekitar hanya memagar dengan tali kuning sahaja. Dan sehingga hari ini, dua minggu apa pun tindakan tidak dilakukan. Yang keluasanya saya kira Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang 20 meter persegi dan Jabatan Alam Sekitar pula beritahu orang kampung, "jangan heboh-heboh benda ini".

Saya pun hairan kerana perkara yang buruk ini perlu diberitahu kepada orang ramai supaya jangan mendekati kawasan tersebut, kerana apabila saya melawat ke tempat tersebut, saya mendapati bahawa sampai sahaja di tapak itu, hidung kita akan tersumbat dengan bau yang cukup, boleh saya katakan cukup menyengit, dan juga mata kita pedih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Baru satu tajuk sahaja. *[Ketawa]* Mata kita pedih, dan saya bertanya sehingga ke pagi tadi, masih lagi sisa toksik ini tidak diambil tindakan dan yang lebih menyedihkan saya ialah kawasan tersebut di tepi sungai yang jarak daripada Sungai Muar, lebih kurang 5 hingga 7 meter sahaja dan apabila air hujan, saya percaya air akan membawanya masuk ke sungai.

Dan kira-kira 5 ke 6 kilometer daripada kawasan tersebut, terdapat dua kawasan sedutan air untuk kegunaan orang ramai. Iaitu satu di kawasan sedutan pam di Bukit Kepong yang membekalkan air di daerah Muar, dan satu lagi ialah terdapat di Gersik, sedutan pam di Gersik yang jaraknya lebih kurang 10 atau 12 kilometer yang terletak dalam kawasan Ledang. Yang mana 90% daripada air yang disedut tersebut, adalah untuk dihantar ke Melaka. *[Menyampuk]* Jadi sebagaimana yang dikatakan sahabat saya tadi daripada Ayer Hitam, sisa toksik datang daripada Melaka. Maka disedut balik dan dihantar ke Melaka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Jadi inilah yang menjadi kekhuatiran saya, yang menjadi kegusaran saya, apakah kita sebagai pengguna, sebagai rakyat di dalam negara ini, pada masa ini dihadapkan dengan minuman-minuman yang bercampur dengan toksik dan mungkinlah itu salah satu sebab bermacam-macam penyakit melanda kita pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Sikit lagi, boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Banyak kali dah sikit.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Satu tajuk lagi Tuan Yang di-Pertua. Satu tajuk, pasal ini saya kena beritahu Tuan Yang di-Pertua kerana tadi kawan-kawan mengacau ramai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat membenarkan mereka kacau Yang Berhormat. Tak apalah cepat bacakan.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang kenaikan harga minyak Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasihlah kepada kerajaan yang telah memberikan *fleet card* kepada pengangkutan awam yang mana *fleet card* ini dapat mengurangkan pembayaran mereka untuk minyak iaitu 15 sen, tetapi bukan semua pengangkutan awam yang menerima *fleet card* ini.

Yang saya pohon di sini ialah daripada suara yang disuarakan kepada saya selaku Pengerusi Lembaga Pelesenan Semenanjung ialah, supaya kita juga, kerajaan juga menimbangkan sama tentang pemberian *fleet card* ini, subsidi ini kepada bas-bas kilang, ataupun bas-bas pekerja yang mana ianya merupakan juga pengangkutan awam. Yang keduanya, ia juga digunakan oleh pekerja-pekerja kilang atau industri untuk berulang-alik..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tak payah, sebab-sebab tak payah sentuhlah. Cukuplah. Kerajaan pun faham kehendak Yang Berhormat.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, kerana pendapatan pekerja kilang ialah cuma RM500 ke RM700 sahaja Tuan Yang di-Pertua. Tapi kalau kita tidak membantu ini, maka mereka terpaksa menanggung kos tersebut. Jadi saya mintalah kepada kerajaan untuk menimbangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Terima kasih, terima kasih. Petra Jaya.

**Seorang Ahli: [Menyampuk].** Wah, tahniahlah, tahniahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dia pun tiga hari tunggu sampai pukul 8.00 malam. Ada, ada, baik, cukup.

**11.37 pg.**

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong Usul Titah Di-Raja bagi sesi Penggal ini. Tak banyak perkara yang saya nak cakap Tuan Yang di-Pertua.

Cuma pertama sekali saya ingin menyentuh perkara berkaitan tentang halal hub. Hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai halal hub sebagai satu sumber pembangunan ekonomi Malaysia. Jadi kalau kita lihat hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai halal hub sedunia.

Semalam kita telah mendengar jawapan-jawapan daripada Setiausaha Parlimen berkaitan dengan perancangan kerajaan.

- (i) penubuhan Jawatankuasa Teknikal;
- (ii) penggunaan *standard* halal yang komprehensif;
- (iii) membangunkan JAKIM sebagai badan pensijilan dan rujukan yang berwibawa di peringkat global dan juga pemantapan pensijilan halal Malaysia.

Cuma kekhawatiran saya setakat ini, apakah kita bersedia? Adakah kerajaan ataupun agensi-agensi kerajaan ini sudah bersedia untuk menjadikan Malaysia ini sebagai sebuah halal hub yang boleh diiktiraf di peringkat dunia. Jadi, persoalan ini pada saya, pada pengamatan saya kita belum bersedia. Kita belum bersedia sebab, pertama sekali, kalau kita lihat dalam konteks dalaman, masih timbul banyak kekeliruan. Kekeliruan dalam negeri kita sendiri. Setakat manakah sijil Halal JAKIM diterima pakai di Malaysia? Setakat manakah pemakaiannya diiktiraf oleh rakyat kita sendiri? Adakah rakyat kita berpuas hati dengan keadaan sijil Halal?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Tangga Batu nak minta penjelasan.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Sila, sila Tangga Batu.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Saya terpaksa berdiri awal kerana Yang Berhormat telah memberi satu kenyataan yang saya kira amat kritikal, iaitu Malaysia belum bersedia untuk menjadi halal hub. Tuan Yang di-Pertua, saya berminat dengan jawapan Setiausaha Parlimen semalam Yang Berhormat Petra Jaya. Satu minit sahaja.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebut tentang keselamatan dan kebersihan. Tetapi pada saya di atas segala-galanya adalah kesucian. Dan kesucian ini mempunyai maksudnya yang tersendiri. Yang Berhormat Petra Jaya, selain daripada produk makanan, kita ada juga produk bukan makanan, umpamanya produk dandanan dan juga kosmetik Tuan Yang di-Pertua. Dan hari ini, produk dandanan dan kosmetik yang paling popular digunakan oleh kaum wanita kita ialah pewarna rambut yang mempunyai logo halal sama ada dari JAKIM ataupun tidak, saya kurang periksa.

Yang Berhormat bagi Petra Jaya, bolehkah Yang Berhormat berikan sedikit gambaran apakah kedudukan logo halal ini, mungkinkah telah mencetuskan kekeliruan di kalangan pengguna-pengguna. Apabila mereka menggunakan produk ini, mereka kata ini halal, kita boleh pakai. Ataupun dari segi, Ketereh, syariat peribadatan? Dari segi keperluan ibadah? Contohnya, adakah pewarna tadi itu, membentuk satu lapisan apabila digunakan di rambut yang boleh menghalang air daripada kena kepada rambut asli kita? Dan ini mungkin akan menjejaskan ketika kita mengambil wudhu' umpamanya. Atau ketika kita mandi hadas besar, umpamanya. Boleh Yang Berhormat *elaborate* sikit, kembangkan sikit tajuk ini supaya menjadi tajuk perbahasan untuk Dewan yang mulia ini. [Menyampuk] Sila, Yang Berhormat terima kasih.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Apabila saya katakan tadi kita belum bersedia. Inilah satu kekeliruan yang masih berada dalam minda masyarakat kita. Orang Islam sendiri masih ragu tentang pemprosesan halal ataupun pentakrifan halal dalam negara kita. Jadi di sinilah, kalau kita hendak menjadi *world standard* dengan izin *certification of* halal di dunia ini, kita terlebih dahulu mesti memartabatkan pensijilan halal dalam negara kita. Maknanya kita telah *put into test* dengan izin pensijilan halal itu yang diterima pakai dan diiktiraf serta memberi kepuasan kepada rakyat negara kita sendiri. Jadi inilah usaha yang harus kita fokuskan. Di samping apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi, kekeliruan-kekeliruan penjelasan-penjelasan ini yang belum disampaikan sepenuhnya kepada rakyat kita banyak lagi keraguan-keraguan yang dibangkitkan oleh Persatuan Pengguna Muslim misalnya dan inilah yang saya katakan tadi kita masih belum bersedia. Usaha sudah ada, tetapi untuk kita memartabatkan untuk membawa ke peringkat yang lebih besar, kita kena merapatkan lagi.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** [Bangun]

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ketereh dan Yang Berhormat bagi Dungun bangun.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Yang Berhormat bagi Dungun saya kena bagi Yang Berhormat bagi Ketereh dahulu sebab dia bangun dahulu, terima kasih.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Petra Jaya sahabatku. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana sebut namaku. Pasal halal dan tidak halal, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Petra Jaya apabila Yang Berhormat kata ada keraguan sebab untuk menjadikan negara ini negara halal, dia mesti banyak, dia kena logo itu bukan logo halal. Logonya adalah logo tidak halal. Iaitu apabila orang itu datang ke negara ini, semuanya halal kecuali yang ada logo tidak halal. Sekarang ini terbalik, semuanya macam tidak halal, kecuali yang ada logo halal. So, yang mana satu sebenarnya. Sebab itu daripada tahun lepas saya sebut, logo ini bukan logo halal, mesti logo tidak halal sebab dalam negara ini semuanya boleh makan di kedai kerana halal, kerana tidak payah ada tanda sebab dia halal, kecuali kedai-kedai yang tidak halal. Jadi, tidak payah kita. 90% halal, 10% yang tidak halal. Sekarang ini macam terbalik itu barulah kita jadi halal hub. Bolehkah Yang Berhormat bersetuju? Maaf kuat sedikit

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, lebih baik simpan untuk sebagai bahan ucapan Yang Berhormat nanti.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tidak, saya tidak sebut halal.

[Ketawa]

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Ini adalah persoalan dasar yang harus dipertimbangkan oleh kerajaan, tetapi saya mempunyai pandangan yang berbeza. Untuk kita membawa pensijilan halal, kita bukan sahaja melihat dalam konteks dunia kita Malaysia, tetapi kita melihat juga di luar negara. Jadi standard ataupun spesifikasi di peringkat antarabangsa memerlukan kita mengadakan sijil halal.

Jadi sebab itu, saya bersetuju dengan apa yang telah dirancang oleh kerajaan untuk mengadakan pensijilan halal supaya ianya dapat diguna pakai juga di peringkat antarabangsa dan usaha untuk memartabatkan ataupun membangunkan standard halal yang lebih komprehensif di peringkat kerajaan adalah satu langkah yang baik yang saya rasa boleh kita kembangkan pensijilan halal ini sebagai suatu *business*. Misal kata kalau kita melihat ISO yang dibuat di luar negara kini diguna pakai di seluruh dunia di mana kita dapat menjadikan pensijilan ini satu *business*. Kita dapat melatih mendidik pelatih-pelatih untuk menjadi pelatih bagi *certification* ISO itu dibuat menjadi konsultan dan sebagainya. Itulah yang saya tengok peluang untuk kita mewujudkan pensijilan di naik taraf dan dapat diguna pakai di Malaysia dan juga diiktiraf di peringkat dunia supaya ia dikembangkan sebagai suatu bidang perkembangan ekonomi bagi negara kita. Sila Yang Berhormat bagi Dungun.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih sahabat saya, Tuan Yang di-Pertua. Tahun lepas pun kita ada membicarakan tentang masalah halal ini dan saya sendiri telah mencadangkan kepada kerajaan, kerana nampaknya hala tuju kita untuk menjadikan sebagai suatu halal hub untuk negara kita ini, nampaknya kita hanya meletakkan kepada JAKIM yang seolah-olah, bukan saya mempertikaikan kewibawaan JAKIM tentang isu-isu yang berkaitan dengan agama, tetapi saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi dan saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat bagi Petra Jaya bahawa apakah apabila kita bercakap tentang halal ini, ia mempunyai falsafah yang tinggi yang berkaitan dengan macam tadi, *biologi, bio-engineering* dari segi falsafah kimianya dan ianya mestilah berorientasikan kepada produk yang amat baik, bermutu disukai oleh semua orang.

Cadangan saya tahun lepas bahawa supaya kerajaan bukan sahaja meletakkan JAKIM sebagai *lead agency* tetapi untuk menubuhkan sebuah lembaga yang mempunyai *authority* umpamanya Lembaga Halal Malaysia yang kita gabungkan di antara beberapa pakar di dalam negara kita yang berkaitan dengan mungkin MITI mungkin Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan sebagainya dan *lead agency* yang membicarakan tentang halal ini, mestilah ditubuhkan sebuah lembaga yang kita namakan Lembaga Halal Malaysia.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Petra Jaya, apakah ke arah yang lebih tersasar yang lebih fokus ke arah untuk mengangkat kedudukan pendekatan halal ini supaya kita akan lebih tersusun dan lebih strategik dari segi perancangan kita. Sebelum saya duduk saya bagi pihak rakan-rakan dari Parlimen Barisan Nasional ingin mengalu-alukan kedatangan rakan-rakan pejuang, para guru, aktivis yang menyokong kerajaan dari Terengganu. Saya ingat hari ini lebih daripada 80 orang, terima kasih.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini tidak bererti yang lain kita tidak mengalu-alukan kedatangan mereka, baik teruskan Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun mengalu-alukan pelajar-pelajar sekolah ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apalah, ini tidak payah sebut. Semua alu-alukanlah.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Semualah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi Yang Berhormat bagi Dungun, saya kira kerajaan harus mengambil berat akan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Dungun untuk dipertimbangkan supaya kita dapat memartabatkan proses pensijilan halal kita dan ini adalah satu langkah untuk kita memartabatkan Malaysia sebagai halal hub dunia. Jadi, kekhuatiran saya tadi, balik kepada apa yang saya katakan, mengapa saya menimbulkan kekhuatiran ini dari dalam proses dalaman kita, dalam negeri kita. Kalau kita belum cukup bersedia dan dengan kita berhasrat untuk mengadakan forum halal sedunia, maka saya kluatir pada masa forum dunia diadakan nanti akan timbul masalah di mana isu persijilan halal dalam negeri ini ditimbulkan. Jadi ini akan memberi imej yang tidak baik kepada negara kita. Sebab itu kita pertama sekali harus memberi tumpuan dalam pemprosesan sijil halal di dalam negara kita dulu sebelum kita membawa keluar. Ya, Yang Berhormat bagi Muar.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Terima kasih saya minat tentang perkara ini, cumanya saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Yang Berhormat ada menyatakan tadi tentang komersial *value*, nilai perdagangan, imej negara jika persijilan ini tidak dilaksanakan dengan baik Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya ingin membawa setingkat lagi atas.

Saya risau begini, apa pandangan Yang Berhormat kalau kegagalan ini berlaku ia bukan sahaja menjejaskan imej negara tetapi yang lebih penting pada saya imej Islam. Apabila produk itu dikatakan produk halal, ianya suci lagi bersih tidak seperti selama ini kita tahu barang-barang yang disediakan dari negara kita bersih. Orang tahu, produk Malaysia bersih dan baik. Tetapi apabila kita mengatakan dia halal. Dia bukan sekadar bersih dari

penyediaan, tetapi dia suci. Tetapi kalau penyediaan itu pelaksanaan itu tidak terlaksana dengan baik, saya kluatir yang akan terjejas adalah agama Islam. Kita tidak mahu dalam kita mengejar komersial *value* nilai keuntungan semata-mata sehingga kesannya nanti terhadap agama kita akan berlaku. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Saya sangat bersetuju, Yang Berhormat bagi Muar. Sebab itu bila saya katakan imej tadi kita membawa imej sebagai Pengerusi OIC, sebagai ketua kepada negara-negara Islam dan kitalah yang menjaga bukan sahaja nama negara kita malahan imej agama kita. Jadi, saya sangat bersetuju Yang Berhormat bagi Muar.

Jadi kalau kita lihat dalam persijilan, apa yang kita katakan persijilan tadi saya setuju langkah komprehensif telah diambil tetapi kita harus menetapkan bilakah satu persijilan yang komprehensif ini dapat kita laksanakan. Sebab banyak kekeliruan, berapa ramai yang telah memohon sijil persijilan halal di Malaysia? Kita perlu mendapat data ini dan berapa lama proses persijilan ini dapat dikeluarkan? Ini penting dan setakat mana promosi kita untuk memberi sijil menggalakkan orang memohon sijil halal.

Kalau kita lihat di hotel-hotel misal kata masih persoalan. Adakah hotel kita *kitchen* ataupun bahagian dapurnya telah dianugerahkan sijil halal dan setakat mana, berapa banyak hotel di Malaysia ini, terutama di Lembah Klang telah diberikan persijilan halal dan apakah langkah kita untuk menggalakkan orang memohon? Sebab kalau orang tidak memohon sijil halal dari segi perundangan, kita tidak boleh mengambil tindakan, tiada tindakan yang kita boleh ambil. Kita hanya boleh mengambil tindakan terhadap:

- (i) orang yang telah ada sijil dan melanggar syarat sijil tersebut;
- (ii) orang tidak ada sijil tetapi meletakkan sijil halal maknanya menyalahgunakan persijilan halal;
- (iii) orang yang menguar-uarkan dia mengeluarkan produk halal tetapi sebenarnya produk itu tidak halal.

Jadi, ini yang kita kena buat sebab kalau kita tidak melaporkan ini maka kayu pengukur sama ada sijil halal kita diguna pakai di dalam negara kita akan dibandingkan di luar negara. Setakat mana kita di Malaysia sendiri telah dapat mempromosikan persijilan halal JAKIM kita? Jadi, ini persoalan yang ingin saya bangkitkan.

Dan, keduanya, adakah kerajaan bersedia ataupun kementerian bersedia supaya menggalakkan orang memohon sijil halal. Kita mengasingkan mana-mana produk yang telah diberi sijil halal, baik dalam *supermarket* ataupun di mana-mana, mesti diasingkan. Ini adalah produk yang disahkan ada sijil halal dan ada produk tidak ada sijil halal mesti diasingkan. Dengan sendirinya akan menggalakkan orang memohon sijil halal sebab *market*nya lebih besar, terutamanya di Malaysia ini, dalam konteks kita di Malaysia *market*nya akan lebih besar. Jadi, setakat mana usaha ini kita sudah buat?

Ketiga, dari segi pemantauan. Kita masih melihat banyak laporan-laporan dan yang peliknya kita akan hanya dapat gambaran, tindakan, bila adanya dikeluarkan di akhbar-akhbar baru kita mula mengambil tindakan menyiasat dan seterusnya mengambil tindakan. Tetapi kalau kita berjalan sekarang ini di Kuala Lumpur sahaja begitu banyak sijil, ada sijil JAKIM tetapi tidak ada nombor. Jadi, apakah standard spesifikasi sijil halal kita? Setakat mana kita memberitahu kepada orang? Apakah sijil yang sah? Jadi, ini harus dilipatgandakan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** [Bangun]

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Ya Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya sedikit boleh Yang Berhormat, penjelasan. Itu sijil yang dikeluarkan oleh JAKIM dalam negara kita tetapi sedarkah Yang Berhormat ada juga produk-produk yang dipamerkan oleh setengah pengusaha sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama daripada negara jiran. Ini juga seolah-olah dibolehkan. Ini juga secara tidak langsung telah mengelirukan lagi tentang kesahihan sijil yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kita. Apa pandangan Yang Berhormat tentang masalah ini?

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Ini harus dipertimbangkan juga oleh pihak kerajaan. Satu ialah persijilan sebab saya tahu yang kita ada perjanjian dengan negara-negara luar di mana negara luar melalui persatuan dan melalui agensi-agensi tertentu boleh mengeluarkan sijil halal yang diiktiraf oleh kita. Malangnya kalau kita lihat tahun lepas pernah berlaku di Sarawak daging khinzir yang di cincang ada logo halal dicapkan. Daging khinzir dalam tin ada logo halal jadi ini berlaku yang dilaporkan tahun lepas. Di sinilah yang saya katakan tadi bila kita memantau.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Bila kita memantau bukan sahaja dari segi apa yang ada di luar sana, keseluruhan proses ini hendaklah kita pantau supaya ini tidak akan menimbulkan keraguan bukan sahaja pada pengguna kita tetapi di peringkat antarabangsa nanti. Kalau kita hendak menuju kepada peringkat dunia kita kena mulakan dalam negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua sebelum saya menggulung yang terakhir sekali ialah bahagian penguatkuasaan. Bahagian penguatkuasaan kalau kita lihat setakat mana penguatkuasaan bergantung dengan kerjasama kita dengan Kementerian Hal Ehwal dan Perdagangan Dalam Negeri, merekalah yang mempunyai penguatkuasaan. Sering kali berlaku berkaitan dengan persoalan syarak ialah kita merujuk kepada JAKIM dan bersama-sama akan pergi untuk menguatkuasakan perihal halal ini. Jadi, kemampuan setakat ini masih dipersoalkan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Saya sebenarnya diarahkan untuk menggulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Saya kena menggulung, minta maaf Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Ini harus juga kita pertingkatkan, janganlah tunggu bila ada laporan baru kita hendak menguatkuasakan tetapi harus dilihat sebagai proaktif sebab kita kena menjaga berkaitan dengan persoalan halal ini ianya berkaitan dengan tuntutan dunia dan juga tuntutan akhirat. Di mana kita semua bertanggungjawab dan persoalan dasar inilah yang harus kita jaga daripada persijilan, pemantauan dan juga penguatkuasaan. Untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ketereh sila.

**11.57 pagi**

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Alhamdulillah akhirnya saya boleh bercakap tetapi saya tidak akan bercakap panjang jadi kawan-kawan yang hendak bercakap selepas ini sila bersiap sedia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Memang sangat-sangat dialukan. Jangan panjang sangat.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Termasuk yang di luar, saya minta masuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ringkaskan supaya peluang kawan-kawan lain.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tajuk saya yang pertama ialah mengenai akidah. Nabi Lukman memberitahu anaknya *[Membaca dalam sepotong ayat]* itulah asas kepada orang Islam. Dia tidak pesan anak dia jadi baik, dia tidak pesan anak dia yang lain-lain tetapi dia pesan, *"Hendaklah kamu jangan jadi syirik."*

Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dalam para 29, ucapannya juga mengatakan bahawa beberapa gejala sosial termasuk ajaran sesat telah menimbulkan banyak masalah. Sebuah negara yang telah kita isytiharkan sebagai sebuah negara Islam yang mana penduduk majoritinya adalah Islam dan penduduk-penduduk yang beragama lain menerima Islam sebagai agama rasmi dan menerima amalan Islam menjadi amalan rasmi, termasuk bacaan doa pada tiap-tiap pagi dan perkara-perkara lain.

Maka adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mempertahankan akidah orang Islam ini. Dan, itulah sebenarnya di antara sebab saya memilih UMNO sebagai perjuangan saya kerana dalam Perlembagaan UMNO ada mengatakan bahawa kita mesti mempertahankan, mengembang dan mengekalkan ajaran Islam ini kepada orang Melayu kerana ada itulah maknanya saya bersama dengan UMNO. Kalau tidak ada itu saya tidak akan masuk sebab pada saya, kepada orang Islam asas utama dalam hidup ialah mesti mempertahankan akidah, mesti menjaga akidah. Dan, ini menjadi *duty bound*, menjadi tanggungjawab kepada kerajaan bukan sahaja kepada Jabatan Kemajuan Islam. Tanggungjawab Kerajaan Malaysia untuk mempertahankan akidah orang Islam ini supaya terpancar nur Islam ini terus ke serata dunia.

Saya hendak mencadangkan kepada kerajaan, hendak tanya dahulu kerajaan apakah kita buat perkara ini? Saya hendak minta Menteri supaya serius dalam hal ini kerana sekarang ini kehilangan kepercayaan akidah ini datang dalam berbagai-bagai bentuk. Selain daripada kepercayaan-kepercayaan karut datang dalam bentuk ajaran sesat dan dalam bentuk fahaman-fahaman baru, datang dalam bentuk perkara-perkara yang boleh kononnya atas dasar mempertahankan *human rights*, atas dasar mempertahankan kebebasan beragama maka akhirnya '*faith*', '*faith*'. Kepercayaan yang datang dari Allah ini akhirnya tergunat dan tidak dipertahankan.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** *[Bangun]*

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Mohon penjelasan, Kuala Terengganu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada dua sana, Setiu sama Kuala Terengganu.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *Let me*, boleh saya ..... saya tengah naik ini sebenarnya, habis hendak turun semula *[Dewan riuh]*.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Saya hendak suruh semakin naik. Yang Berhormat tadi sebut bahawa kegembiraan Yang Berhormat duduk dalam UMNO dan juga mendaulkan dan juga memperkukuhkan soal akidah. Saya hendak tanya Yang Berhormat kejayaan UMNO Terengganu mengetepikan dan menolak dan sekarang ini meletakkan Ayah Pin dalam keadaan pelarian dan juga kesengsaraannya. Apakah ini juga merupakan satu kebanggaan bahawa kita telah mendaulkan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *Mabrur* kerajaan Terengganu, tahniah, *mabrur* bahasa Arab maksudnya tahniah, *congratulations*. Ya, saya gembira kerana apabila khalifah yang pertama dalam Islam Abu As-Siddiq naik takhta ataupun jadi khalifah, sekarang dia kata naik takhta. Perkara pertama yang beliau lakukan ialah memerangi golongan "*arridah*", golongan yang murtad. Tetapi apakah dalam negara kita ini yang kita kata sebuah negara Islam di mana saya menjadi anggota Dewan yang mulia ini untuk mempertahankan agama saya, apakah kita berusaha ke arah itu?

Sebenarnya perkara agama ialah perkara yang sangat sensitif tetapi ianya sensitif kalau kita tidak berani mengemukakannya. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kota Bharu semalam, bukan sahaja soal agama, soal perkara-perkara lain tetapi *duty bound* kita yang pertama sebagai orang Islam mesti mempertahankan akidah ini, jangan biarkan ajaran-ajaran sesat dan orang murtad terus bermaharajalela di negara ini.

Tetapi kita tidak ada perundangan yang sedemikian, apa jadi pada Ayah Pin? Apa jadi kepada ustazah yang belajar di Mesir yang mengikuti Ayah Pin? Mengaku dirinya sudah murtad.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Setiu.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Orang Terengganu, terima kasih, sila.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Terima kasih Yang Berhormat Ketereh, cukup bersemangat. Kita melihat di Malaysia kita ini ramai yang menganut fahaman akidahnya ialah dalam Mazhab Ahli Sunah Waljamaah. Tetapi saya melihat kalau kita kaji dalam-dalam sejauh manakah pemahaman orang Islam Melayu kita ini benar-benar memahami pemahaman Ahli Sunah Waljamaah. Kerana kalau kata-kata kita tidak perlu berterima kasih kepada manusia, kita perlu berterima kasih kepada Allah, saya nampak ini seolah-olah sudah tergelincir daripada fahaman Ahli Sunah Waljamaah. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ketereh.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Saya minta penjelasan itu datang daripada JAKIM [*Dewan riu*].

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan mesyuarat**]

Sebenarnya soal akidah ini, soal Islam ini adalah satu agama yang besar, soal dia Ahli Sunah Waljamaah, apa sekalipun pada saya yang penting ialah soal akidah Islam itu. [*membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Itu yang asasnya, fahaman-fahaman lain itu, kita kena terbuka asalkan ianya tidak masuk dalam golongan yang dikatakan oleh Rasulullah menentang aku, yang lain itu jangan kita sempitkan lagi perjuangan Islam ini kepada satu benda yang sempit sebab Islam itu luas.

Islam ini lahir [*membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Diutuskan Muhammad itu untuk memberi rahmat kepada seluruh alam, bukan kepada orang Melayu, bukan kepada orang Cina, kepada seluruh alam, pokok, binatang, alam ini harus mendapat rahmat daripada lahirnya Muhammad, lahirnya nabi-nabi yang terdahulu. Maka saya nak minta JAKIM buat yang itu, itu tajuk yang pertama.

Tajuk yang kedua, nasib orang Islam bila kita tak pertahankan perkara asas ini, oh ya saya terlupa bukan sahaja ajaran Ayah Pin, ajaran *Qadiyani*, saya terkejut melihat NTV7 dua minggu lepas. Di bawah satu ruangan "*Bongkar*", diceritakan bahawa bagaimana ajaran *Qadiyani* yang berpusat di Kampung Nakhoda dibiarkan begitu sahaja sedangkan fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam negara kita telah memberi fatwa bahawa *Qadiyani* adalah di luar ajaran Islam bahkan ada fatwa mengatakan bahawa orang yang mengangkut fahaman *Qadiyani* tidak boleh ditanam di kubur orang Islam tetapi tidak ada tindakan.

Tolonglah, perkara ini, menjaga *faith*, menjaga akidah ini adalah merupakan tanggungjawab kita bersama, pasal orang Islam. Dalam Al-Quran ada sebut, ada menyatakan satu golongan dia kata Surah An-Nahli, ayat 75. Saya terjemahkan sahajalah sebab saya tengok dalam *Hansard*, selalu tak boleh tulis ayat Quran, ditulis "membaca bahasa Arab". Saya pun kadang-kadang sedih juga sebab saya tak tahu tak boleh tulis padahal *tape* itu boleh sebutlah ayat Quran, apa salah? Saya terjemahkan sahaja.

"Abdi yang tidak berdaya apa-apa menunggu untuk dimamah, dihinakan". Saya *better*, baik baca dengan betul-betullah. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Apakah itu nasib orang Islam hari ini? Sebagai satu hamba abdi yang menunggu untuk dimamah oleh kuasa asing, apa jadi pada Patani? Apa jadi pada Iraq? Apa jadi pada Chechen? Nasib umat Islam jadi begitu kenapa? Kenapa persoalannya kenapa kita jadi begitu sedangkan kita adalah agama [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Kita tidak bermusuh dengan sesiapa, PAS tidak perlu bermusuh dengan UMNO, UMNO tidak bermusuh dengan PAS. Orang Islam tidak perlu bermusuh, kita mesti bersama-sama membina kekuatan bangsa kita supaya menjadi bangsa yang perkasa, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Kita bersama, bekerjasama dalam soal-soal yang memberi ketakwaan kepada kita.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kubang Kerian hendak berkawan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Saya tahu Yang Berhormat bagi Kubang Kerian nak menyokong cadangan saya, terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih sahabat saya daripada Ketereh. Saya tadi di atas mendengar ucapan Yang Berhormat Ketereh, saya turun ke bawah untuk memberikan satu pandangan tentang murtad tadi Yang Berhormat Ketereh. Bersetuju atau tidak Yang Berhormat bahawa murtad ini kalau datang dia tidak kira PAS atau UMNO. Dia akan datang untuk meruntuhkan suatu integriti, suatu keyakinan dan akidah umat Islam yang akan datang dan menyerang kita semua.

Oleh itu saya ingin menyatakan dengan tegas pada Dewan ini bahawa kepada barang siapa dan mana-mana pihak yang cuba untuk menjalankan sesuatu aktiviti konspirasi, perancangan untuk memurtadkan umat Islam dalam negara kita ini, kita akan sama-sama menentang tidak kira PAS atau UMNO. Ini satu yang mesti kita bersatu seutuhnya sebagai umat Islam supaya tidak terjadi suatu perkara dalam negara kita ada percubaan untuk memurtadkan umat Islam dalam negara kita. Setuju atau tidak Yang Berhormat?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, tidak ada orang Islam yang tidak akan bersetuju dengan saranan yang sedemikian, tentu sekali saya setuju. Tetapi soal PAS, soal UMNO sudah jadi kecil bila kita membicarakan soal Islam, sudah jadi kecil. Ianya hanya merupakan kelompok-kelompok kecil yang cuba mengutarakan sesuatu bagi pihak orang Islam, itu sahaja. Tetapi sebenarnya kita mesti berada lebih daripada itu, itu yang jadi masalah kepada negara kita apabila pemimpin suatu kumpulan, dia hanya mahu jadi juara kumpulannya. Bila dia pemimpin kepada orang Melayu, dia hanya mahu jadi juara kepada orang Melayu, bila dia pemimpin kepada orang Cina, dia hanya mahu jadi juara kepada orang Cina, bila dia pemimpin kepada orang India, dia hanya mahu jadi juara kepada orang India.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun].**

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Duduk dulu. Ini harus kita perhatikan bersama, Kota Bharu sebut semalam, kita mesti mempunyai sifat yang terbuka, Islam menerima apa-apa sahaja agama lain yang duduk bersama dengan kita. Nabi Muhammad SAW makan bersama, tidur bersama, duduk serumah dengan orang kafir, bapa saudaranya Abu Talip bukan Islam. Dia boleh duduk serumah, boleh makan bersama, kenapa kita ada perkara yang menyebabkan kita tidak boleh duduk bersama, sebab kita menjuarai agama kita hanya sebagai agama kita sahaja, tidak boleh.

Yang penting rakyat negara ini telah bersetuju daripada awal kemerdekaan negara ini bahawa agama Islam adalah agama rasmi, agama lain bebas untuk melakukannya. Tetapi dalam waktu yang sama seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, ada benda yang boleh diperkatakan di hadapan ramai, ada benda yang tidak boleh diperkatakan di hadapan ramai. Bukit Mertajam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya, ya memang kita semua boleh duduk bersama di Dewan ini. Tapi saya ada satu kes yang hendakkan pendapat daripada Yang Berhormat bagi Ketereh. Ada satu kes di mana suami isteri telah tukar ke Islam daripada mereka adalah Hindu dan telah mempunyai tiga anak. Anak dia pun jadi orang Islam kerana ibu bapanya orang Islam sejak dilahirkan. Tetapi mereka tak pernah mengamalkan kehidupan orang Islam, mereka di rumah panggil nama Hindu lagi, dan beragama Hindu lagi. Sekarang tiga anak ini sudah berumur 25, 27, 28 tahun, mereka tidak ada kad pengenalan, mengapa? Kerana kalau mereka memohon kad pengenalan, mereka akan dalam KP dia, akan dinyatakan mereka ini orang Islam tetapi mereka tidak ....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Lari tajuk apa Ketereh cakaplah Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Jadi saya hendak tanya kalau dalam kes ini adakah bagaimana bolehkah mereka memohon untuk dikeluarkan dari Islam?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tolong tanya itu di Mahkamah Syariah. Saya di sini hendak berucap soal pokok, soal asas, soal perkara yang ranting-ranting ini selesaikanlah di institusi-institusi yang ada.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Okey, penjelasan.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Kami semua warga Malaysia, kami semua menghormati Perlembagaan yang begitu jelas menyatakan di dalam Perkara 3, agama rasmi negara ini ialah agama Islam. Tiada mana-mana pihak termasuk pihak kami di sini mencabar bahawa Islam ialah agama rasmi negara ini. Saya pohon penjelasan Yang Berhormat bagi Ketereh yang pihak kami dan ramai yang di luar, *consultative council*, mereka risau. Kerisauan yang mereka bangkitkan bukanlah untuk mencabar agama Islam sebagai agama rasmi negara ini. Tetapi adalah segelintir individu, saya bagi contoh di mana sekelompok yang telah menjejaskan...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Boleh Yang Berhormat masuk dalam ucapan Yang Berhormat nanti?

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ya, saya pohon penjelasan.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Ha, jelas cepat.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang menjejaskan nama baik Islam. Apakah pandangan Yang Berhormat di mana arahan Ketua Polis Negara mewajibkan bukan Islam memakai tudung semasa acara rasmi? Adakah ini tanggungjawab setiap individu...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Ini Yang Berhormat...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** ...yang menganut agama Islam dan perlu mempertahankan...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Ini yang saya sebut daripada awal tadi.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ini telah menjejaskan.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Yang saya sebut daripada awal tadi inilah dia.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** ... yang baik ini terbuka. Jadi saya pohon penjelasan Yang Berhormat bagi Ketereh...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *You* minta penjelasan atau hendak berucap ini?

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya pohon penjelasan Yang Berhormat berkenaan segelintir ini yang telah...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Sudah tiga kali, sudah tiga kali.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** .. menjejaskan imej agama Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah, cukuplah.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan. Ha, duduk, saya berdiri atas Peraturan Mesyuarat. *You* kena faham ini Peraturan Mesyuarat 37(2), *you* mengganggu ucapan. *You* kena duduk. Dia kena beransur, baru *you* boleh bangun, *floor* dia, takkan *you* tidak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Kita tengah sedap dengar dia cakap. Jadi kita dengar dahulu dia cakap. Dia cerita fasal pokok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Jangan cerita masalah....

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Inilah perkara yang saya sebut daripada awal. Tengok, Ketua Polis Negara bagi satu arahan, okey. Tiba-tiba Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sebut dalam soalan tambahan, orang yang mendengar di luar akan terasa satu macam. Dia *multiply effect* daripada arahan, daripada *reaction* dan daripada kepelbagaian. Sebab itu saya sebut daripada awal tadi ialah kita mesti berada dalam satu keadaan *above all these*. Ahli Parlimen mesti berada di atas. Jangan kita menjuarai satu perkara.

Saya hendak bagi contoh dalam Dewan ini, saya pernah tengok dua orang bukan Islam, pegawai dari Dewan ini datang memakai tudung – satu orang Cina, satu orang India. Dia datang sini berbulan-bulan, tidak ada masalah padanya dan dia menerima. Tetapi akhirnya saya lupa siapa membangkitkan perkara ini dan akhirnya kedua-dua orang itu sudah malu untuk pakai. Padahal pemakaian itu tidak dipaksa, terpulung kepadanya.

Saya pergi Bosnia, kita pergi ke Eropah, ramai orang Yahudi pakai skarf. Kenapa hendak panggil ianya tudung? *You can call it scarf. There are so many people in Australia, dengan izin, yang memakai skarf. Yang non Muslim pun pakai skarf, tidak ada masalah. Kenapa isu begini hendak ditimbulkan? Ini ayat saya yang pertama tadi yang mengatakan kadang-kadang kita terlupa kita berada dalam sebuah negara seperti ini, maka kita timbulkan perkara ini. Kenapa? Kerana kita mahu jadi juara.*

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Pohon penjelasan.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Saya pun boleh jadi juara.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Pohon penjelasan.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Saya tidak akan bagi peluang apa-apa pun sebab saya ada banyak lagi hendak bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi peluang, Yang Berhormat. Sila duduk.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Dalam Islam tidak ada paksaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, dia tidak bagi peluang.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tengok, tengok ayat yang digunakan. Tengok ayat yang digunakan dalam Islam tidak ada paksaan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Bukan dia kata tidak paksa ahli baru dalam Islam kata...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Yes, Ketua Pembangkang.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain duduk.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah, cukup.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukankah sebenarnya isu pokok ialah paksaan atau tidak paksaan. Dalam perkara yang ada disebut adalah suasana atau keadaan ada sifat paksaan. Kalau ini terpulung kepada sesiapa sama ada mahu atau tidak mahu, bukan masalah, tetapi masalahnya ialah semacam arahan daripada Ketua Polis Negara itu ialah paksaan, perlu, tidak ada *optional*. Bukankah ini menunjukkan bahawa kita

sudah lari daripada landasan negara kita yang berbilang kaum, sensitif kepada semua agama dan *social contract* negara kita.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tengok, sekali lagi kita tengok juara ini bercakap. Ini yang saya maksudkan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Apa itu juara? Dia sendiri mahu menjadi juara.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Juaralah itu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dia sendiri mahu menjadi juara. Itulah, itu masalah.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Ini yang saya maksudkan. Cuba kita tengok sikap Ketua Pembangkang kita. Cuba tengok sikap pembangkang. Bila saya cuba membawa satu gambaran menyeluruh kepada negara ini, mereka dengan segera membawa racun-racun dan jarum-jarum ini supaya ianya tercucuk. Saya cuba membawa satu gambaran umum.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Gambaran umum.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini melanggar Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Saya tidak bagi peluang, duduk, duduk.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Duduk, duduk.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *You* duduk.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *You* duduk, Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Buat peraturan. *What* peraturan?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** 36(6).

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Saya serah kepada Speaker.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *You* duduk.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Saya serah kepada Speaker.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Panggil dia duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Okey, okey, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya berdiri atas Peraturan Mesyuarat, dia perlu duduk. Dia tanam *ill will* antara kaum. Apa itu racun? Kita kata jangan paksa. Adakah seruan jangan paksa inilah *ill will*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Inilah sikap sempit yang begitu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat kata tadi Peraturan Mesyuarat sahaja.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Habislah, sudah cakap fasal peraturan, habislah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** .... sempit yang melanggar Peraturan Mesyuarat yang tidak baik untuk negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *You are contributing to national deformity. You are not...*

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *You are doing it, you are doing it. You are doing it all along.*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *You have been doing it now and then.*

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *Yes, you have been doing it.*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *You are doing it all along.*

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *You have been doing it all along, daripada muda sampai ke tua, daripada dulu sampai sekarang.*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *You have never been do it, standing by rakyat Malaysia...*

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Dari dulu sampai sekarang, itulah kerja dia. Daripada dulu sampai sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Point of Order*, Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *You sit down.*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Masalahnya ialah Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Jangan cakap meracun. Saya mahu tahu kalau racun, apa itu racun?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Duduk, duduk.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya mahu tahu apa itu racun?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Duduk, *you sit down.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Duduk, duduk.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Minta dia tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Apa racun itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Apa racun?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Okey, saya cakap apa itu racun. *Sit down! Who knows what is racun?*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *Extremist, extremist!*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, silalah duduk.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah. Siapa yang... *[Disampuk]* Cukuplah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ini Islam Hadharikah?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Saya sebut dalam ucapan saya bagaimana Rasulullah S.A.W sendiri, Nabi Muhammad boleh tidur sebantol, boleh makan, boleh duduk serumah, boleh berkongsi, boleh makan bersama Abu Talib...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Kerana apa? Kerana keduanya menghormati satu sama lain. Abu Talib menghormati Muhammad, Muhammad menghormati Abu Talib. Itu yang penting. Bila saya sebut racun ialah saya hendak beritahunya, saya sebut ayat saya tadi, dua orang yang pakai tudung itu tidak ada masalah pun.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Dia tidak ada masalah pun. Kemudiannya bila dia datang jumpa...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Boleh tanya dia tak? Tanya merekalah.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Oh yes, saya tanya.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah yang lain, dengarlah dia bercakap.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tanya merekalah.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Siapa yang jadi juara?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Siapa dia untuk bercakap masalah mereka?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Duduk, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Siapa dia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia pun Ahli Parlimen juga, Yang Berhormat. Dia ada hak untuk bercakap.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Siapa dia untuk bercakap bagi mereka?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, yang lain dengarlah dia cakap. Teruskan Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Mengenai... Inilah dia sikap pemimpin kita. Dia tidak faham pun. Arahan PDRM itu ialah kepada orang yang bukan Islam sahaja.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Penjelasan. Saya ada satu laporan penjelasan...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Itu arahan sahaja. Kalau hendak pakai, pakailah. Kalau tidak hendak pakai, tidak hendak pakailah. Itu arahannya.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Pohon penjelasan. Jangan memesongkan Dewan.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tetapi pada saya, kalau ia arahan kepada bukan Islam sekalipun, itu adalah arahan polis kepada anggotanya.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Kalau *you* ada masalah....

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ketereh tadi kata bahawa arahan PDRM adalah hanya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Peraturan Mesyuarat apa itu, Yang Berhormat? Yang itu Yang Berhormat minta penjelasan.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Peraturan apa ini?

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tidak tahu Peraturan Mesyuaratkah? Memesongkan Dewan dan cuba membangkitkan perkara yang tidak benar di mana *circular*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tanyalah dia.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, *no, no, no*. Dia tadi telah memesongkan Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ini saya ada *circular* yang jelas menyatakan yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Negara, bahawa diwajibkan bagi semua pegawai kanan dan anggota polis wanita tanpa mengira bangsa atau agama yang dianuti untuk memakai tudung.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah, cukuplah.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jadi ini dia tidak bagi fakta yang betul, memesongkan Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jadi, saya pohonlah Yang Berhormat bagi Ketereh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** ... tarik balik.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tetapi saya tidak akan tarik balik.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jangan memesongkan Dewan kalau tidak ada fakta yang betul.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *No, sit down.*

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jangan bohong dalam Dewan.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *Sit down.*

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya ada *circular*.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Saya sudah dengar, duduk.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya pohon keputusan daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yalah. Yang Berhormat sudah beritahu dia.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Sekurang-kurangnya bagi amaran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yalah, Yang Berhormat sudah beritahu dia, cukuplah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Gunakan 26(1)(b).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Terpujulah kepada dia untuk menjawab.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Boleh saya terus berucap?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan Yang Berhormat

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Walaupun arahan yang dikatakan itu betul tetapi saya diberitahu oleh polis bahawa kalau orang bukan Islam ini tidak mahu memakai tudung tindakan tidak akan diambil terhadapnya. Bila tindakan tidak diambil kepadanya, apa makna. Tidak pakai pun tidak apa. Itu pun tidak faham, itu yang kita maksudkan racun. Itu yang saya maksudkan, tidak akan diambil tindakan kalau tidak memakai walaupun disuruh pakai, tidak pakai tidak apa.

Apa makna itu, maknanya tidak apa. Yang kita hendak cucuk, yang kita hendak bubuh racun, yang kita hendak naikkan *statement* kenapa? Itu persoalannya, sebab saya kata hendak jadi juara. *It .... to what I say..* cuba hendak jadi juara. Begitulah juga dua orang pegawai yang ada di sini dahulu. Saya tanya kedua-duanya dia kata dia tidak ada masalah hendak pakai, sebab itu dia pakai.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tetapi sekarang dia jumpa speaker, speaker kata tidak payah pakai dia pun tidak pakai. Maksudnya pada saya masa pakai dia tidak ada masalah, masa tidak pakai pun dia tidak ada masalah, yang orang lain hendak cuba hendak naik-naikkan kenapa? Itu yang jadi soalnya

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang jadi masalah pembangkang.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Ini yang saya hendak sebut, yang ada masalah ialah minda.. fikiran tu...

**Seorang Ahli:** Pembangkang tiada isu, cari isu murah.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Pada saya *let me say my stand*, kepada saya... kepada rakyat negara ini ...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Mengapa awak?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Perbahasan tadi contoh terbaik, pembangkang tadi salah.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** ...kepada orang bukan Islam, kepada orang Cina, kepada orang India. Dia hendak makan babi sepuluh ekor, dia hendak makan babi dua puluh ekor, dia hendak makan babi dengan ekor-ekor terserahlah kepada mereka...tidak menjadi masalah kepada saya, tapi yang menjadi masalah kepada saya ialah kalau babi itu disembelih depan masjid itu. ada masalah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tapi dia pakai tudung...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Dia hendak pakai ceongsam, dia hendak pakai baju kurung, dia hendak pakai tudung, itu terpujang kepada dia. Dia tidak mahu pakai apa-apa pun terpujang kepada dia!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kalau dia tidak pakai dia punya salah.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Jangan jadi racun, itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat ...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Dalam negara ini saya tengok beberapa orang Timbalan Menteri daripada kaum bukan Melayu, bukan Islam, pakai baju kurung tiada masalah dan ianya tidak menjadi orang Melayu...kalau Bukit Mertajam petang ini pakai skarf, tidak payah pakai tudung la, pakai skarf, tidak menjadikan dia orang Islam. Orang itu hanya menjadi orang Islam...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ada upacara rasmi...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Itu memang betul. Tetapi jangan paksa... itu punya isunya.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Akui percaya kepada Allah. Tiada orang yang hendak paksa siapa-siapa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mertajam, sila duduk, sila duduk.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau acara rasmi...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Itu betul, tapi jangan beri paksaan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Menteri-menteri bukan Islam pakai songkok, tidak ada masalah..

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Jangan paksa...

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** ...yang ada masalah...ah! di sana. Setujukah tidak?

**Beberapa Ahli: [Menyampuk] [Dewan terlalu bising]**

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Ya, saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan.. sekali lagi saya hendak sebut...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kita gulung, ya Yang Berhormat.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Belum gulung, baru satu tajuk. Tengok betapa demokrasinya ahli daripada Parlimen Barisan Nasional.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Mana suara? Mana suara? Barisan Nasional bukan UMNO! Adakah ini semua pendirian...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Semua, semua...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** MCA....berdiri sana diam-diam...

**Beberapa Ahli: [Menyampuk] [Dewan terlalu bising]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, yang lain sila duduk, sila duduk tidak payah bergaduh. Tidak payahlah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** MCA, Gerakan mana semua? mana?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Kita tidak perlu sahut cabaran daripada pembangkang..saya mewakili, kita demokrasi...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Eh, jadi *champion* pula...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ini UMNO bukan Barisan Nasional...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Hari ini Ketua Pembangkang cuba jadi *champion* terlompat-lompat. Bila saya kata semua Ahli Parlimen Barisan Nasional mempunyai sikap demokrasi yang tinggi dan bersedia untuk berdebat di mana-mana sahaja, bila-bila masa, atas tajuk apa. Kita bersedia tengok dalam TV RTM kita bagi peluang...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima tudung lah...ah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tengok perangai lebih daripada sarkas. Hendak bercakap, cakap soal isunya yang penting...cuba tengok Timbalan Menteri yang masuk...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Timbalan Menteri Kewangan, cukup cantik...nga!..nga!..

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Apakah...nak, apakah dengar? terima. Apakah ini menjadikan ia bukan Ng Yen Yen lagi? [*Ketawa*]. ..tidak..ia masih kekal sebagai wakil MCA, dia masih kekal sebagai orang Cina.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...dan dia pun cantik!

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Dan dia dengan agamanya dan dia diterima. Betapa indah ianya pula cantik, kalaulah yang diletakkan di atas itu... ini pun sama juga... ada, ada... atas bahu juga.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ketereh, Ketereh, paksa dia pakai tudung la...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tak kira!...itu pilihan dia

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Paksa dia...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pakai tudung pun cantik. apa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Paksa dia, paksa dia...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Apa yang sensitif sangat dengan tudung ini? Apa yang sensitif sangat dengan tudung ini?

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*] [*Dewan terlalu bising*]

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Makanan ditudung, benda-benda busuk ditudung, benda-benda tidak elok ditudung, yang sensitif sangat dengan tudung ini fasal apa? Paderi Kristian pun pakai tudung, ini orang Melayu... *You* pergi ke India, pergi ke Pakistan, orang Hindu ada skarfnnya tidak payah pakai tudung...di Malaysia pakai itu dikatakan tudung, yang sensitif sangat ini sebab... hendak jadi juara.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*] [*Dewan terlalu bising*]

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Hendak jadi hero, hendak jadi racun. Yang ini pengundi sudah tolak sudah, sebab itu tinggal berapa orang sahaja. Ada yang keluar masuk, ada yang kitar semula, masuk tempat pelupusan sampah, masuk balik, samalah.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*] [*Dewan terlalu bising*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung Yang Berhormat.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Akhirnya saya hendak, oleh sebab saya tidak dapat bercakap lebih panjang dengan sikap demokrasi saya yang membenarkan kawan-kawan kita untuk bersama dengan saya, menyatakan satu hasrat bahawa kita mesti bersama-sama memelihara keamanan negara ini, kesejahteraan negara ini, kebaikan di antara satu kaum dengan yang lain, toleransi di antara agama yang ada di negara ini.

Saya gunakan perkataan toleransi, sebab Islam bersedia untuk *tolerate* apa sahaja, tetapi...tetapi kita tidak akan berkompromi. *No* kompromi tetapi toleransi, perkataannya adalah toleransi. Kawan baik saya *it is not one way, It's two way..* sebab dia orang ini mata iblis...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** UMNO 'suwey'... UMNO 'suwe'.....

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** ...mata dajal, mata satu, dia nampak satu sahajalah. Saya hendak mencadangkan satu perkara, akhir ucapan saya ini,

saya hendak mencadangkan beberapa perkara sebab saya tidak sempat hendak olah dengan lebih panjang saya hendak cadangkan. Yang pertama, hubungan antara kaum. Saya hendak minta pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, pemimpin-pemimpin Parti Pembangkang, mulai daripada hari ini kita bertemu dengan orang kita bukalah dengan sikap yang terbuka, tujuan kita ada pelbagai parti di negara kita ini ialah supaya kita ini mengetahui perkara-perkara yang sensitif yang kita tidak tahu.

Dahulu, saya makan dengan *chop stick* sebelum saya pergi ke Maktab Tentera Diraja, pada saya satu perkara yang haram. Bila saya tanya Almarhum bapa saya, dia kata makan pakai apa pun tidak apa yang tidak bolehnya *chop stick* itu dibuat daripada benda haram. Makan benda haram, sekarang saya pakai *chop stick* sama baik dengan orang Cina, sama baik dengan Batu Gajah sahaja. Kalau Batu Gajah duduk bersama dengan saya satu rumah, sama-sama pandai pakai *chop stick* la, saya dengan dia. Tapi sayangnya dia pilih orang lain hendak buat macam mana.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Dewan terlalu bising]*

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Saya hendak sebut dua perkara yang lain, saya hendak ubah tajuk ya..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** ...mengenai tentera, tidak..saya hendak cadang saya tidak bagi peluang lagi sudah bukan kerana tidak demokrasi tapi kerana masa terhad sebab saya bersedia ucapan saya sebenarnya saya sedia untuk tiga jam setengah tapi saya diberi peluang dua puluh lima minit pun sudah terima kasih tidak apa!

Pertama mengenai tentera, tentera kita ini pencen umur 40 tahun. Kenapa kita biarkan tentera kita ini membanjiri pasaran pengangguran? 40 tahun muda belia, tengok saya, saya 50 tahun nampak macam 25 tahun *[Dewan riuh dengan ketawa]* rasa macam 27, kehebatan macam 40. Kenapa kita biarkan mereka pencen umur 40? Umur 40 ini anak baru umur 2 tahun, banyak.. 8 tahun.

Bagilah mereka pencen sampai umur 50 tahun baru kita tidak akan membanjiri, saya ada data anggota kita yang sudah pencen 167,000 yang sudah pencen, begitu ramai. Saya hendak Kementerian Pertahanan supaya naikkan pencen ini tidak 40 tetapi kepada 50. Dia pencen bukan pencen pun, berhenti daripada angkatan tentera, ada masalah sebab anak masih kecil, rumah tidak ada, kereta tidak ada, apa-apa pun tidak ada, yang ada tubuh yang sasa perkasa. Kemudian di luar sana tidak dapat apa pekerjaan, mereka ini akan berasa marah kepada kerajaan, itu yang pertama. Yang kedua ini fasal MTUC....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Berapa lama Yang Berhormat, berapa banyak Yang Berhormat. Kalau ada 10 lama itu Yang Berhormat ...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Sedikit sahaja, hendak gulung juga ini. Dalam proses menggulunglah ini, sebab gulung-gulung itu panjang. MTUC baru ini bagi ugutan kepada kerajaan, kenapa MTUC bagi ugutan begitu kepada kerajaan? Kerana harga naik, bukan MTUC sahaja banyak institusi yang lain. Ada demonstrasi sana, demonstrasi sini, seolah-olahlah demokrasi di negara ini mati. Saudara, bila giliran saudara yang bercakap nanti daripada pembangkang, saudara cakaplah.. apa hendak cakap pun, kerajaan terima.

Soal hendak buat tidak buat kita tengok keadaan sesuai atau tidak. Janganlah mendesak kerajaan sehingga membuat demonstrasi siang dan malam, mendesak kerajaan mesti berjumpa dengan mereka dahulu baru boleh naikkan lagi minyak. Apa punya sistem ini? Saya minta kerajaan jangan layan perkara-perkara yang sedemikian dan peruntukan undang-undang mesti diambil kepada mereka.

Yang ketiga saya hendak cadangkan, ini soal *road tax*, hari ini bagus sedikit kita baca surat khabar, Alhamdulillah kita baca surat khabar kereta akan jadi dengan murah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat ....

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Saya hendak gulungnya begini...kita punya sistem di negara ini kesilapannya ialah.. kita subsidi kepada harga apa

namanya..ini harian, bukan *capital cost*. Tetapi, sepatutnya kita bagi subsidi kepada *capital cost*, bukan kepada *operation cost*. Kita bagi subsidi kepada minyak, kepada semua orang. Semua orang akan dapat subsidi minyak. Sepatutnya kita balikkan. Macam di Thailand, harga kereta murah. Minyaknya sama dengan negara lain. Pada saya, kita mesti bagi subsidi kepada *capital*. Kita bagi kail, tetapi kita tidak boleh bagi umpan. Umpan kamu hendak mengail, kamu pergilah cari sendiri. Ini tidak, kita bagi umpan. Umpan itu pula sama dengan benda yang kita hendak kailkan. Akhirnya semua makan umpan. Tidak payah pergi mengail lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat. Saya tahu Yang Berhormat pandai bercakap. Tetapi kena ikut peraturan jugalah.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Bukan pandai bercakap Yang Berhormat. Tidak apalah. Saya memang seorang yang patuh tetapi akhirnya saya hendak tutup ucapan saya ini dengan suatu ayat, bukan surah.

**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Ha! Tengok, racun lagi. [Ketawa]. Seolah-olah orang Islam ini hanya pandai bersurah. Bukan! Saya pandai bersyarah, bukan bersurah. Saya hendak minta pemimpin negara ini sekali lagi, baik dari DAP, dari PAS, dari UMNO, dari MCA, dari Gerakan atau apa sahaja Parti Dayak, apabila kita bercakap sesuatu, kita mesti jadi pemimpin Malaysia. Kita jadi pemimpin negara, bukan pemimpin kawan kita.

Bila kita bercakap soal isu, misalnya saya. Saya mesti bercakap soal orang Cina juga. Saya pernah terjumpa seorang perempuan Cina yang meminta sedekah dekat *Giant*. Saya teringat emak saya, saya menangis. Saya bawa perempuan Cina masuk dalam kereta saya, kerana saya tahu sama ada Cina, Melayu atau India, kalau miskin mereka tetap miskin.

Kita mesti jadi pemimpin antarabangsa, bukan juara kaum kita sahaja. Kalau semua orang boleh berbuat demikian, tengok perangai pet, pet, pet, pet ini.

**Beberapa Ahli Pembangkang: [Bercakap sesama mereka]**

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Apa yang tidak cukup, saya tidak tahu. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat. Habiskan Yang Berhormat, ya.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Kita mesti jadi pemimpin kepada semua bangsa, kepada semua agama dalam negara kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Tanjong.

## 12.32 tgh.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan untuk memberi ucapan membahas Usul Terima Kasih Ke Atas Titah Diraja Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri pada hari ini menghadapi pelbagai tekanan ke atas kewibawaannya sebagai pemimpin utama parti pemerintahan dan pentadbiran negara. Beliau memenangi pilihan raya umum tahun 2004 dengan sokongan yang begitu kuat kerana beliau mendapat kepercayaan rakyat. Akan tetapi selepas dua tahun, beliau menerajui kerajaan yang baru, Perdana Menteri kini menghadapi *political seize* daripada pelbagai pihak.

Sepanjang perbahasan di Dewan Rakyat ke atas usul terima kasih kepada Titah Diraja. Apa yang diperdengarkan adalah suara-suara lantang daripada ahli-ahli dari UMNO menentang hasrat Perdana Menteri untuk menubuhkan *Independent Police Complaints* dan

*Misconduct Commission* (IPCMC). Gelombang suara ini menandakan Perdana Menteri tidak lagi menikmati keyakinan daripada orang sendiri, mungkin hasil pergolakan dalaman.

Apakah alasan yang digunakan oleh pihak atasan polis untuk *turn over* para Ahli Parlimen Barisan Nasional sehingga mereka sanggup membelakangkan hasrat dan sokongan Perdana Menteri terhadap penubuhan IPCMC? Mungkinkah perasaan perkauman digunakan memandangkan persepsi rakyat, PDRM kebanyakan terdiri dari satu kelompok etnik dan sebarang usaha menubuhkan IPCMC dianggap sebagai tindakan menentang kepentingan kumpulan etnik ini? Kalau ini benar, Tuan Yang di-Pertua, ianya satu kebenaran yang amat menyedihkan dan serius implikasinya.

Dalam sistem demokrasi berparlimen, Tuan Yang di-Pertua, apabila seorang Perdana Menteri menghadapi satu keadaan di mana keyakinan yang beliau nikmati telah mula dihakis, ia akan terpaksa membuktikan ia masih menikmati keyakinan ini. Beliau boleh membawa satu usul di Parlimen untuk membuktikan bahawa beliau masih ada kewibawaan untuk terus menerajui kerajaannya. Kewibawaan ini amat penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana tanpanya seorang pemimpin tidak lagi mempunyai hak untuk terus memegang kuasa.

Kewibawaan Perdana Menteri juga turut terjejas sebelum ini apabila beliau menggunakan *prerogativenya* untuk merombak semula Kabinet yang tidak diyakini oleh rakyat jelata. Tamparan yang paling hebat kepada Perdana Menteri iaitu apabila kerajaan gagal meyakinkan rakyat atas dasar mengurangkan subsidi minyak sehingga beliau membidas rakyat dan menyuruh rakyat supaya berhenti menyoalkan niat kerajaan menggunakan penjimatan sebanyak RM4.4 bilion untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam.

Seorang penganalisa politik memerhatikan imej Perdana Menteri sudah menjunam apabila dia meminta rakyat menutup mulut mereka. Nampaknya personaliti Perdana Menteri kini nampak jauh berbeza dengan masa awalan beliau menjadi Perdana Menteri, di mana beliau meminta rakyat untuk mengutarakan kebenaran kepadanya dan bekerja bersama dengannya. Perdana Menteri harus sedar bahawa rakyat amat menderita kerana kesan-kesan negatif kenaikan harga minyak dan kenaikan harga barangan merata-rata.

Rakyat juga kurang yakin dengan tindakan kerajaan menggunakan dana awam untuk menyelamatkan syarikat berkaitan kerajaan. Saya juga amat kecewa dengan sikap yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri apabila beliau mengarahkan memorandum mengenai permasalahan kebebasan agama yang disampaikan oleh 9 orang menteri bukan agama Islam ditarik balik. Tindakan seperti ini tidak akan menyebabkan isu-isu kebebasan agama hilang begitu sahaja. Malah, ia akan menggugat ketenteraman apabila isu ini diketepikan.

Saya mohon sikap keterbukaan untuk mendengar suara hati rakyat dari bukan agama Islam dan kerajaan bertanggungjawab untuk memberikan penyelesaian kepada permasalahan agama ini. Kontroversi yang dicituskan oleh kes *Moorthy* dan kes *Shamala* dan kes-kes sebelumnya, menuntut pihak kerajaan memberi perhatian serius. Sehingga hari ini, Tuan Yang di-Pertua, Parlimen masih belum berjaya menyediakan satu *remedy* kepada rakyat bukan agama Islam yang menghadapi penghakisan hak-hak asasi dan mungkin terjejas hak-hak mereka kerana sesuatu keputusan Mahkamah Syariah ataupun undang-undang dan peraturan-peraturan yang digubal atas pertimbangan agama.

Perlembagaan Malaysia yang ditakrifkan sebagai *supreme law of the land*, Tuan Yang di-Pertua, memberi hak sama rata kepada setiap rakyat. Akan tetapi semangat ini sudah pun dihakiskan dan sekiranya tidak dicegah, penghakisan ini akan terus berlaku dan membawa implikasi yang serius kepada proses pembinaan negara dan integrasi rakyat yang majmuk. Kerajaan harus memberi perhatian dan juga cuba memahami kebimbangan rakyat bukan agama Islam bahawa Perlembagaan Malaysia, dengan izin, *is silently being rewritten, given way to Syariah Law to become the supreme law of the land*. Walaupun kita rasa kecewa dengan kepimpinan dan prestasi Perdana Menteri yang masih belum berhasil apa-apa, tetapi rakyat masih menaruh harapan. Keazaman Perdana Menteri dapat diperkukuhkan untuk menyampaikan keputusan yang memuaskan kepada inisiatif-inisiatif yang diambil selama ini.

Kita masih memberi sokongan kepada Perdana Menteri untuk meneruskan agenda mengenai integriti, etika, *good governance* dan anti korupsi. Sokongan luar dan dari rakyat amat penting pada masa kini apabila Perdana Menteri tidak dapat sokongan dalaman yang diharap-harapkan. Pemimpin politik kita merasa seluruh negara Malaysia, baik pun dari Perdana Menteri sehingga rakyat biasa, tahu bahawa kita perlu berhadapan dengan masalah korupsi dan integriti.

Soalan pokoknya, Tuan Yang di-Pertua ialah apakah teras keprihatinan kita ini adalah sama ada kerajaan dan rakyat mempunyai keazaman politik yang tulen untuk menangani masalah korupsi dan keruntuhan etika dan integriti dalam ruangan awam negara ini. Walaupun kita pernah merasa sinis terhadap inisiatif-inisiatif memerangi rasuah dalam negara ini, tetapi kita juga sedia memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri untuk membersihkan Malaysia dari masalah rasuah kerana kita ingin lihat Malaysia berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, kami menegaskan bahawa keazaman politik yang tulen menjadi faktor terpenting untuk menjayakan inisiatif-inisiatif Perdana Menteri sebab negara kita tidak kurang apa pun, baik dari segi pengetahuan mahupun keupayaan untuk memerangi korupsi. Cuma, yang tidak cukup ialah keazaman politik yang diperlukan kerana jika melakukan apa yang bagus ataupun mengambil langkah yang terbaik untuk menang dalam perjuangan ini, mungkin bermakna kita sanggup mengorbankan dan membelakangkan kedudukan politik dan kepentingan peribadi demi meletakkan kepentingan negara ke tempat yang teratas.

Pemimpin negara amat tahu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa menstrukturkan semula sistem-sistem ekonomi, politik, sosial dan legal ini boleh menjadikan negara kita mengurangkan dan dapat mencegah korupsi dari berlaku. Tetapi mereka juga tahu bahawa penstrukturan semula landasan-landasan negara ini akan dan mungkin boleh menjejaskan kedudukan politik dan kepentingan peribadi mereka sebab inilah keazaman politik tidak dapat diperkukuhkan. Bukan kerajaan tidak tahu kajian fenomena korupsi menunjukkan bahawa korupsi ada kait rapat dengan bilangan peraturan yang ada dan kuasa '*discretion*' yang dipegang oleh pembuat keputusan dalam perkhidmatan awam dan swasta. Bukan kerajaan tidak tahu bahawa pelaksanaan dasar-dasar ekonomi tertentu menggalakkan korupsi kerana ia satu sumber *rent seeking*.

Misalnya banyak kepentingan dasar monopoli penswastaan, sekatan atas perdagangan asing, sistem subsidi, kawalan harga, pertukaran asing dan sebagainya adalah contohnya. Bukan pemimpin kerajaan tidak tahu bahawa korupsi akan mempengaruhi struktur ekonomi negara yang menimbulkan halangan yang amat besar kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi kerana ia akan melemahkan kadar persaingan negara.

Keazaman politik lagi susah ditunjukkan, Tuan Yang di-Pertua, apabila ia diperlukan untuk menstrukturkan semula sistem politik yang selama ini menggunakan kuasa dan kedudukan kepada pemimpin negara. Kesan-kesan korupsi atas struktur politik akan menyebabkan kemerosotan *credibility* dan *legitimacy* kerajaan dan sistem demokrasi. Kerajaan ada menyatakan bahawa transformasi ekonomi Malaysia telah menyebabkan hakisan kepada sistem nilai termasuk pemusnahan alam sekitar, tingkah laku sosial yang tidak bertanggungjawab dan sebagainya.

Kita mahukan sebuah masyarakat yang konstruktif tetapi Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya kita lihat sebuah masyarakat yang mempunyai rakyat yang negatif, yang cuma minat untuk mendapat faedah yang banyak sekali untuk dirinya, dan tidak peduli sangat apa yang berlaku kepada jiran, masyarakat am dan negaranya. Rakyat tidak mempunyai semangat *solidarity* kerana mereka sudah menjadi sinis dan *apathy* kerana mereka mempunyai persepsi bahawa kerajaan dan pemegang jawatan perkhidmatan awam dan ahli-ahli politik semuanya korup. Mungkin Perdana Menteri benar-benar mahu menunjukkan keazaman politiknya apabila dia setuju untuk menubuhkan IPCMC. Tetapi nampaknya dari pemuda UMNO, dari pegawai kanan Polis Diraja Malaysia sehingga beberapa hari kebelakangan ini Ahli-ahli Parlimen dari UMNO semua bantah ini satu ujian yang besar kepada Perdana Menteri sama ada kedudukan politiknya terancam.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Penjelasan.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Jika ingin teruskan dengan...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tanjong, minta penjelasan.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Keazaman politiknya untuk membaik pulih pasukan polis yang dilanda macam-macam kepincangan termasuk soal integriti dan soal rasuah. Silakan Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih sahabat saya Tanjong. Yang Berhormat bagi Tanjong kena ingat, itu adalah satu cadangan bukan lagi arahan, itu cuma cadangan apabila dicadangkan kita boleh memberi pendapat dan pandangan jadi cadangan boleh diadakan dengan perubahan-perubahan mengikut kesesuaian, kehendak pasukan polis dan juga kehendak masyarakat. Kita tidak boleh kata, kita menentang rakyat, itu salah kerana di sini kita memberi pandangan. Kalau bil-bil yang dimasukkan oleh kerajaan kalau kita kritik dan tegur kerajaan bermakna kita tidak sokong, tidak. Ini adalah pandangan kita dan pandangan rakyat dan kita beri pandangan ini dan diharap AG akan ambil pandangan-pandangan ini untuk diubahsuaikan untuk kesejahteraan rakyat dan juga pasukan polis.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Baiklah, kita faham.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Faham ya? Okey, Tanjong boleh faham?

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Pertama kali fahamlah. Faham pandangan Jerailah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [*bercakap dalam bahasa mandarin*]

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Pun menjadi satu tanggungjawab di sebelah sini untuk memberi suara yang dapat memberi keyakinan kepada Perdana Menteri bahawa *he is not alone* dalam perjuangan ini. [*Tepuk*]

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [*Menyampuk*]

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin banyak pihak telah mempersendakan inisiatif Perdana Menteri kerana belum nampak banyak kemajuan sejak ia melaungkan slogan pilihan raya memerangi rasuah. Ada yang khuatir sama ada beliau cukup kuasa politik. Saya harap apabila diperlukan Yang Berhormat bagi Jerai dapatlah beri sokongan juga untuk memperkukuhkan kuasa politik Perdana Menteri untuk menjayakan kempennya walaupun menghadapi tentangan dari banyak pihak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal National Health Financing Scheme kita ingin melihat integriti dan ketelusan dalam mengendalikan penswastaaan *health care* di negara ini tetapi apa yang kita nampak ialah kerajaan masih belum sedia untuk mengamalkan sikap ketelusan seperti berhubung dengan perlantikan juru perunding. Pada bulan Februari lalu, Economic Planning Unit (EPU) tidak mahu melayani satu permintaan untuk mendapat salinan *terms of reference* daripada *Coalition against health care privatisation* kononnya ada Akta Rahsia Rasmi. Apakah Perdana Menteri dan Menteri Kesihatan dapat memberi jaminan bahawa cadangan dan syor-syor daripada *coalition* ini akan dipertimbangkan dalam hal memilih juru perunding ataupun dalam melaksanakan National Health Financing Scheme. Sehubungan dengan ini apakah perlu disulitkan ataupun dirahsiakan maklumat dan saya ingin tahu apakah sebuah syarikat yang bernama Kausar Corporation Sdn Bhd yang tidak berpengalaman langsung mengenai Health Financing Scheme juga terlibat mendapat *business* sebanyak 10 bilion ringgit ini. Sama ada syarikat ini akan mengambil peranan dalam skim ini kita menuntut penjelasan daripada Kementerian Kesihatan dan juga Perdana Menteri.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan tentang Yang Berhormat ada sebut mengenai syarikat Kausar Corporation Sdn Bhd dan saya ada di sini ada *brochure*. Adakah Yang Berhormat bersetuju sebenarnya Kausar Corporation Sdn Bhd patut disenaraihitamkan, *black listed* dan bukan diberi lebih kontrak dan nilai berbilion bilion ringgit oleh kerana rekod Kausar Corporation Sdn Bhd dengan apabila diberi kontrak oleh year A, A Class Contractor diberi kontrak beratus-ratus juta ringgit sehingga jumlah lebih

dalam lebih berbilion-bilion ringgit bahawa tidak melaksanakan dengan tanggungjawab sama ada projek Port Dickson Army Living Quarters, Skudai Army Camp, Transit Camp Setapak di Kuala Lumpur, Muara Tuang Army Camp, Muadzam Shah Politeknik, UKM Bangi, Advance Technology Training Centre (ADTECH) Melaka, Malaysian Institute Chemical Engineering Technology (MIESET) Melaka dengan tanah-tanah yang ada diberi untuk melaksanakan projek semacam Tebrau City dan lain-lain dan di mana subkontraktor-subkontraktor tidak dibayar sehingga hutang berjuta-juta ringgit.

Kausar atau anak syarikat Kausar semacam VC Technologies, tidak mahu banyak. Sungguhpun kementerian dan Perbendaharaan ada keluar arahan patut bayarkah atau tidak mahu bayar, kenapa sekarang diberi kontrak yang berbilion-bilion ringgit untuk National Health Financing Scheme? Bukankah Yang Berhormat bagi Tanjong setuju bahawa bukan sahaja EPU, Perbendaharaan, kerajaan patut kaji semula sama ada Kausar patutlah disenaraihitamkan sehingga semua kontrak-kontrak dan jaminan untuk bayar subkontraktor khasnya untuk Muadzam Politeknik ditunaikan.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang kerana membawa maklumat-maklumat yang amat penting untuk perhatian kerajaan dan saya berharap bahawa kementerian berkenaan akan mengambil maklum tentang perkara-perkara yang dibangkitkan dan sekiranya prestasi semacam ini tidak haruslah diberikan ganjaran yang lebih tetapi sebaliknya diambil tindakan-tindakan sewajarnya.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak nyatakan yang terakhir Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa mungkin Kausar begitu berlagak oleh kerana mereka ada orang kuat politik dalam itu dan orang UMNO dari Wilayah Persekutuan di dalam sana. Di mana Managing Director Tuan Haji Baharin Ayob, Timbalan Managing Director Tuan Haji Tahari Ayob kita tidak mahu kronisme yang baru yang berlaku dalam zaman pentadbiran Yang Amat Berhormat yang baru.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih, nampaknya ini satu kes lagi yang menunjukkan peranan dan pertalian politik lebih penting teknologikal Kaowhow, di mana-mana syarikat dan sebab itulah kontraktor-kontraktor kelas F merungut. Kontraktor kelas A patut menolong mereka tetapi sapu semua.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [Ketawa]

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, cakap tentang integriti. Saya juga sedar Perdana Menteri memberi penjelasan berhubung dengan penjualan menara UMNO Pulau Pinang di Jalan Mc Alister George Town. Rakyat tidak faham bagaimana sebuah syarikat di bawah *Ministry of Finance Incorporated* melibatkan untuk membeli bangunan komersial itu daripada Amanah Capital Properties Sdn Bhd yang dibina atas tanah yang dimiliki oleh Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Mengapa bangunan itu dinamakan Menara UMNO Pulau Pinang? Apabila ia dimiliki oleh Amanah Capital Properties Sdn. Bhd. dan tanah pula di bawah jagaan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Mengapa tanah di bawah jagaan majlis agama boleh digunakan untuk membina pejabat parti-parti politik di negara ini. Apakah peranan yang dimainkan oleh Perdana Menteri memandangkan beliau juga Menteri Kewangan dan juga pengerusi perhubungan UMNO Pulau Pinang? ini perlulah satu penjelasan daripada Yang Amat Berhormat dan ini adalah satu ujian kecil kepada integriti Yang Amat Berhormat. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kota Melaka.

**12.54 tgh.**

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Tuan Yang di-Pertua, atas isu IPCMC saya menyokong penuh seperti mana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, IPCMC ini sebenarnya ia bukan merupakan satu perkara yang pelik di dunia ini kerana di dunia ini ada banyak negara lain. Negara-negara maju yang mempunyai

juga satu badan mekanisme yang sama seperti IPCMC. Seperti di Kanada mereka mempunyai polis *review commission* dan di Britain mereka mempunyai IPCC (*Independent Police Complaints Commission*) yang mana tanggungjawab utamanya ialah menerima aduan-aduan berkenaan dengan penyalahgunaan kuasa yang mungkin berlaku dalam badan-badan polis dalam negara-negara kita.

Dengan wujudnya IPCMC ini ia merupakan satu idea yang diasalusulkan oleh laporan Suruhanjaya Diraja Penambakan yang diketuai oleh Tun Mohd Dzaidin dalam tahun 2005. Sebenarnya fungsi utamanya bukan untuk memperkecilkan Polis Diraja Malaysia tetapi dia membantu Polis Diraja Malaysia kita supaya kita dapat mempelajari kesilapan yang telah berlaku. Sama-sama kita memaju ke satu hala tuju iaitu satu tahap kemajuan yang lebih tinggi yang lebih lagi dipercayai oleh rakyat kita.

Sebenarnya dalam pada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa mewujudkan IPCMC ini kita tidak mengabaikan sebenarnya dari prestasi yang telah pun ditunjukkan oleh Polis Diraja Malaysia kita sebenarnya hanya merupakan segelintir kecil sahaja yang membawa nama yang tidak baik kepada Polis Diraja Malaysia. Tetapi dari segi keupayaan Polis Diraja Malaysia untuk menyelesaikan kes-kes jenayah dalam negara kita, mereka telah pun mencapai tahap 40 peratus sampai ke 45 peratus.

Ini merupakan satu prestasi yang cukup baik jika dibandingkan dengan *benchmark* dengan izin yang diberikan oleh Interpol yang hanya 20 peratus sahaja tetapi apa yang kita harus lakukan sekarang, cabaran kita pada hari ini ialah kita haruslah mewujudkan satu institusi, satu mekanisme bukan sahaja dari dalam iaitu *self regulation* tetapi satu mekanisme yang bebas daripada Polis Diraja Malaysia dan baru-baru ini wujudnya satu laporan juga diberikan oleh laporan Suhakam di mana mereka memetik laporan daripada laporan suruhanjaya penambakan yang mengatakan bahawa dalam tempoh dari tahun 2000 sampai 2004. Orang yang mati dalam tahanan polis adalah 80 kematian Tuan Yang di-Pertua. Dari tahun 2000 sampai 2004 wujudnya 80 kematian orang dalam tahanan...

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Penjelasan.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Ya, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Kota Melaka. Beberapa pandangan daripada mereka yang menentang penubuhan IPCMC ini termasuk daripada persatuan-persatuan pelbagai *ranking* polis yang menyatakan bahawa negara ini sudah mempunyai SUHAKAM, negara ini sudah mempunyai biro-biro aduan awam dan beberapa agensi lain untuk memantau prestasi kerja-kerja polis. Dalam cadangan Yang Berhormat tadi, sokongan Yang Berhormat terhadap apakah IPCMC ini, adakah Yang Berhormat yakin dengan pandangan, pendirian atau di bawah pihak polis dan berbagai-bagai pihak yang mengatakan bahawa agensi-agensinya yang sedia ada ini memadai untuk memantau prestasi polis. Minta dan mohon penjelasan, terima kasih.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuaran yang memberikan percambahan fikiran kepada saya sebenarnya wujudnya SUHAKAM itu, SUHAKAM hanya merupakan satu badan, satu agensi bebas yang memberikan khidmat nasihat atas isu dan hak asasi manusia sahaja tetapi SUHAKAM sendiri tidak mempunyai satu kuasa pelaksanaan. Dia memang tidak ada kuasa untuk campur tangan ataupun dia tidak mempunyai kuasa untuk menerima aduan itu dan menyiasat, dia tidak ada. ia hanya merupakan satu badan yang memberikan khidmat nasihat kepada pihak kerajaan. Atas isu hak asasi manusia sahaja dan mereka telah pun diwajibkan untuk memberikan *annual report* iaitu *report* tahunan atau laporan tahunan mereka kepada parlimen, itu sahaja. Kita memerlukan satu mekanisme yang bebas daripada *think outside the box* seperti mana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat iaitu satu mekanisme di luar Polis Diraja Malaysia yang bebas daripada Polis Diraja Malaysia dan yang boleh memberikan satu kuasa pelaksanaan yang dalam pada itu pada masa kini, jika mekanisme yang sedia ada itu dia boleh memberikan ataupun dia dapat mengerjakan sesuatu tahap yang memuaskan hati rakyat kita.

Tidak perlunya kita mengadakan dan menubuhkan laporan suruhanjaya penambah baikkan dan juga laporan satu suruhanjaya yang kedua iaitu suruhanjaya berkenaan dengan ketuk ketampi baru-baru ini. Laporan yang dikemukakan oleh suruhanjaya-suruhanjaya ini telah pun jelas menunjukkan memang wujudnya satu keperluan kita untuk menubuhkan satu badan yang bebas seperti mana yang dicadangkan iaitu IPCMC. Tuan Yang di-Pertua, saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Yang Berhormat, sambung petang.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Ya Tuan Yang di-Pertua, boleh, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.05 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini bersidang semula. Yang Berhormat dari Kota Melaka sila sambung ucapan.

**2.32 ptg.**

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Atas isu IPCMC Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kadangkala mungkin telah pun tiba masanya apabila seolah-olah seorang wanita dalam bilik bersalin dia memerlukan ini - *last push*, ini satu daya tolakan supaya dia boleh melahirkan dan juga dalam negara kita, kita dapat menubuhkan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang kena tarik Yang Berhormat, dia pakai vakum ataupun *forceps*.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Kita terlalu drastik Tuan Yang di-Pertua, tapi saya lebih percaya dalam *natural delivery* dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, keazaman politik ini saya rasa, kita haruslah menegakkan keazaman ini kerana seperti mana yang saya katakan tadi wujudnya 80 kematian. Dalam tahun 2000 sampai 2004, mengikut laporan yang diberikan oleh SUHAKAM. Hanya lapan sahaja *inquest* yang telah pun diadakan dan lapan *inquest* ini kebanyakan daripada orang-orang yang mati dalam tahanan. Mereka sebenarnya orang-orang yang dalam 30-an, 40-an dan memang tidak ada rekod sejarah perubatan yang tidak baik mengikut ahli-ahli keluarga. Selain daripada itu bedah siasat, iaitu laporan bedah siasat ada kala mereka tidak diberikan satu salinan. Dan juga apabila mereka meminta, memohon supaya satu laporan bedah siasat diberikan ataupun laporan bedah siasat yang bebas diadakan maka telah pun ditolak rayuan itu. Saya rasa ini telah pun menunjukkan tidak wujudnya satu ketelusan yang sepatutnya ada dalam PDRM kita.

Selain daripada itu, mengikut laporan SUHAKAM juga wujudnya satu tindakan satu *habit* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, iaitu mereka suka melanjutkan masa di bawah Seksyen 117, Kanun Prosedur Jenayah. Di mana Seksyen 117 ini dipanggil "reman berantai". Iaitu mereka telah pun memohon satu masa yang lebih panjang daripada masa yang sebenarnya diperlukan untuk penyiasatan. Ini telah memanjangkan masa seseorang itu di dalam tahanan. Ini adalah satu perkara yang berleluasa dalam PDRM pada hari ini mengikut laporan daripada SUHAKAM.

Di samping itu, wujudnya satu kontroversi, yang mana kita telah pun memberi layanan yang kurang sopan pada warga-warga asing, lima orang warga asing tahun lalu. Di samping itu, wujud juga satu *video clip* mengatakan pihak PDRM telah pun menyuruh seseorang dalam tahanan membuat ketuk ketampi. Disebabkan itulah satu Suruhanjaya Diraja telah pun ditubuhkan di bawah *Commission of Inquiries Act 1950* yang mana daripada siasatan yang diadakan oleh Suruhanjaya tersebut, mereka telah pun membuat keputusan bahawa memang wujudnya satu perkara sebenarnya ketuk ketampi itu adalah tidak seharusnya diadakan dalam bilik tahanan. Mereka telah pun membuat beberapa syor kepada pihak kerajaan, dan dari situ kita dapat lihat bahawa wujudnya satu perkembangan yang positif daripada PDRM. Mereka kata mereka tidak akan menyuruh orang-orang dalam bilik tahanan untuk melakukan ketuk ketampi dan mereka akan mematuhi *order* iaitu IGSO "*Inspector General Standing Order*" ataupun syarat-syarat *Lockup Rules 1953*. Ini telah pun menunjukkan bahawa betapa pentingnya, wujudnya satu badan yang bebas daripada PDRM yang dapat memberi tahu selepas siasatan dibuat, memberi tahu kita bahawa memang wujudnya sesuatu yang tidak sepatutnya dilakukan dalam PDRM. Ini telah pun menunjukkan manfaat yang kita boleh dapat jika kita adakan ataupun kita tubuhkan satu badan yang bebas daripada PDRM yang dipanggil sebagai IPCMC.

Tuan Yang di-Pertua, PDRM selama ini merupakan kebanggaan kepada warga kita. Tetapi pada masa yang sama saya rasa dengan wujudnya IPCMC ini dia akan menjadi satu kebanggaan yang kedua kepada warganegara kita, kerana dia akan memberikan satu keyakinan yang besar dan dia membersihkan imej PDRM daripada apa-apa jua aduan-aduan berkenaan dengan penyalahgunaan kuasa ke ataupun aduan-aduan - *abuse of human rights*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, tapi pada masa yang sama saya rasa dalam cadangan yang diberikan oleh Suruhanjaya berkenaan dengan IPCMC ada dua tempat yang saya tidak begitu selesa. Yang pertama dia membuat cadangan, bahawa tidak seharusnya wujud mana-mana polis dalam IPCMC ini sebagai ahli panel.

Saya rasa ini tidak wajar kerana apabila kita cuba membuat siasatan ke atas satu badan seperti PDRM, kita seharusnya memberikan suara kepada PDRM supaya mereka mempunyai seorang wakil dalam panel ini yang terdiri daripada 7 orang panel IPCMC itu supaya mereka boleh memberikan satu pandangan yang bebas daripada suara-suara lain, supaya dia boleh memberikan satu pandangan dari perspektif PDRM, supaya kita dapat satu pandangan yang secara menyeluruh selain daripada 6 orang ahli panel itu bagi IPCMC. Dan juga keputusan dan juga siasatan yang telah pun dilakukan. Keputusan itu bukan sahaja dia kena buat dalam satu bentuk *annual report* iaitu laporan tahunan, tapi dia seharusnya juga memberikan syor-syornya kepada menteri supaya menteri boleh memberikan keputusan siasatan tersebut dan menyuruh PDRM untuk mengambil tindakan.

Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, ialah industri penternakan khinzir dalam negara kita. Di negeri Melaka terutama sekali di tempat-tempat yang berkenaan walaupun bukan dalam kawasan saya, tetapi dia berada di Melaka iaitu tempat-tempat Paya Mengkuang, Londang, Air Salak, Min Lok, Bukit Beruang, Kuala Sungai Baru dan sebagainya. Baru-baru ini dalam bulan dua belas 2005, penternak-penternak telah pun mendapat notis daripada pihak berkuasa tempatan, dikatakan tidak ada pelan bangunan, tidak ada pelan *layout*. Selepas itu mereka terima juga surat-surat daripada pejabat tanah yang mengatakan mereka tidak ada permohonan untuk tukar syarat. Saya difahamkan bahawa dalam bulan satu tahun ini yang mana kerajaan negeri, EXCO telah pun membuat satu keputusan bahawa jika mereka dapat menaiktarafkan sistem kumbahan berkenaan dan jika mereka dapat menyelesaikan masalah pencemaran alam sekitar, maka permit boleh dikeluarkan.

Saya juga difahamkan bahawa wujudnya satu konsep di peringkat Kabinet bahawa kita haruslah menyusun semula industri penternakan khinzir ini, dan juga kita haruslah mewujudkan satu pusat pengeluaran yang bersepadu iaitu pengeluaran berpusat bagi industri penternakan khinzir dalam negara kita.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang kita harus faham bahawa penternak-penternak merupakan pembayar cukai dalam negara kita. Mereka telah pun memberikan sumbangan kepada kerajaan dan kepada negara dari segi ekonomi kerana hasil-hasil ternakan mereka eksport ke luar negara seperti Singapura. Itu kita tidak dapat nafikan, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi pada masa yang sama kita rasa perlulah ada satu garis panduan yang jelas iaitu bagaimana kita dapat mengekalkan industri penternakan khinzir ini

dengan garis panduan yang jelas iaitu bagaimana kita dapat menaiktarafkan sistem kumbahan dan bagaimana memastikan kita dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar ke satu tahap yang dibenarkan oleh undang-undang.

Jika ada ladang-ladang yang disuruh untuk berpindah, maka apakah syarat-syarat pemindahan itu dan bagaimanakah mereka dapat mewujudkan satu ladang ternakan khinzir yang baru.

**Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob):** Seputeh bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Tunggu sekejap. Tunggu sekejap. Nanti saya bagi peluang.

Saya faham, Tuan Yang di-Pertua, di bawah Jadual 9, Perlembagaan Negara kita bahawa isu pertanian ini sebenarnya hak dan juga keistimewaan bagi bidang kuasa kerajaan negeri. Tetapi saya berharaplah supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dapat memberikan satu garis panduan yang jelas kerana walaupun ia merupakan satu bidang kuasa kerajaan negeri tetapi kementerian tetap mempunyai tanggungjawab untuk memberikan khidmat nasihat dan juga garis panduan yang jelas supaya penternak-penternak khinzir, terutama sekali baru-baru ini di negeri Melaka, mereka tahu apakah syarat-syarat yang tertentu supaya mereka boleh memenuhi syarat-syarat itu dan mereka dapat berkekalan dalam industri penternakan itu.

Silakan, Yang Berhormat bagi Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Sebenarnya kalau Kerajaan Negeri Melaka ingin mengumpulkan semua ladang penternakan babi ditempatkan dalam satu pusat, ia sepatutnya membina *facility* itu sebelum memindahkan penternak-penternak babi yang sekarang diarah tutup. Apa yang berlaku sekarang ialah sebanyak lapan buah ladang penternakan diarah untuk ditutup dan salah satu yang pertamanya diarah tutup adalah yang dipunyai oleh Pengerusi Persatuan Penternak-penternak Negeri Melaka, Chee Nam Yee. Pada minggu lepas Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan juga pemimpin DAP telah pergi melawat Ladang Penternak Babi Chee Nam Yee. Kami berpendapat bahawa ladang itu adalah begitu besar, bersih dan jarang kami menghidu najis binatang pun.

Kami juga lihat bahawa air najis yang kotor daripada kandang babi ataupun ayam tidak dialirkan ke sungai malah semuanya dalam *compound* ladang penternak sendiri. Kami juga ditunjukkan surat oleh Jabatan Alam Sekitar beberapa tahun lepas yang mana ladang ternakan babinya disifatkan sebagai model ladang ternakan babi yang harus dicontohi oleh ladang yang lain. Tetapi dia adalah yang pertama disuruh untuk ditutup dan dia mesti menutup ladang penternakan babi itu pada akhir bulan ini. Bukankah ini amat tidak adil kepada penternak-penternak babi yang mana telah pun beroperasi lebih daripada 20 tahun. Selalunya kita lihat isu penutupan ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob):** Cukup, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ....ladang penternakan babi itu berlaku di Melaka. Jadi, apakah ini juga merupakan satu bentuk diskriminasi terhadap peniaga dan juga pengusaha perladangan bukan Islam?

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa isu diskriminasi itu tidak wujud kerana saya rasa ini bukan satu soal agama dan ini bukan satu soal kaum. Ini satu soal kehidupan bagaimana kita dapat menaiktarafkan sesuatu tempat yang sebenarnya telah pun kita tidak dapat nafikan bahawa ia akan mendatangkan pencemaran alam sekitar. Saya rasa cabaran sekarang ialah bagaimana kita dapat mengekalkan penternakan ladang iaitu industri penternakan khinzir ini di samping kita dapat menaiktarafkan sistem kumbahan yang ada.

Kes di Ayer Salak, saya faham yang dirujukkan oleh Yang Berhormat tadi adalah berita terkini. Sebenarnya kes itu telah pun dirujukkan ke mahkamah dan sekarang ini ia *sub-judice*. Jadi saya tidak mahu bincangkan ini. *Sub-judice* bermaksud ia telah pun

menjadi satu tajuk yang akan diputuskan oleh pihak mahkamah. Jadi saya tidak mahu bincangkan dalam Parlimen, nanti *contempt of court* pula.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, perkara selanjutnya yang ingin saya bangkitkan ...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan lagi. Satu lagi.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Setengah minit sahaja kerana saya tidak ada masa lagi. Kalau hendak minta penjelasan setengah minit sahaja.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Okey, setengah minit. Saya juga hendak bertanya, penternak-penternak babi memberitahu kami bahawa mereka telah berpuluh-puluh tahun cuba memohon permit untuk operasi ladang babi mereka tetapi permohonan selalu ditolak atas alasan teknikal. Bukankah ini juga bagi mereka satu bentuk diskriminasi dari Kerajaan Negeri Melaka.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu kelihatan yang ladang penternakan babi di kawasan Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak menjaga kebajikan mereka.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti mana yang saya katakan tadi, jika wujudnya satu sistem kumbahan yang boleh mengelakkan masalah pencemaran alam sekitar, saya rasa kita dapat menyelesaikan perkara itu. Itulah sebabnya saya syorkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani supaya mewujudkan satu sistem, garis panduan yang jelas dan janganlah kita bagi surat meminta roboh sahaja dan ini akan hanya memarahkan penternak-penternak khinzir sahaja. Di samping itu kita tidak dapat menyelesaikan masalah ini. Itulah *point* saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob):** Gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Yang ketiga - saya tengah gulung. Perkara 121(1A) bagi Perlembagaan Negara kita, saya rasa ini memberikan satu kuasa pengasingan iaitu dari segi sistem undang-undang iaitu ia memberikan undang-undang yang eksklusif kepada Mahkamah Syariah dan tertakluk kepada hukum syarak. Saya rasa ini adalah cukup jelas.

Saya juga mengalu-alukan kenyataan yang diberikan oleh kementerian tempoh hari yang menyatakan kita akan memastikan dalam prosedur hendak *convert* ke dalam agama Islam mereka haruslah memberitahu ahli-ahli keluarga. Tetapi saya cuma hendak minta supaya bukan sahaja dia hendak memberitahu ahli-ahli keluarga tetapi dia haruslah menjadikan satu prasyarat (*pre-condition*) supaya dia mesti memberitahu ahli-ahli keluarga kerana *conversion* ini, Tuan Yang di-Pertua, ia merupakan satu perkara peribadi - keagamaan - *it is very personal*.

Saya rasa sekurang-kurangnya kita haruslah menjadikan *pre-condition* itu dengan dia mesti memberitahu ahli-ahli keluarga dahulu sebelum dia membuat keputusan untuk masuk ke dalam agama Islam kerana kita hendak mengelakkan daripada kes-kes yang telah pun berlaku yang mana apabila dia masuk ke dalam agama Islam secara senyap-senyap dan ahli-ahli keluarganya baru tahu apabila seseorang itu meninggal. Dalam kebanyakan kes ini telah pun menyebabkan kesengsaraan kepada ahli-ahli keluarga tersebut.

Cuma satu sahaja, iaitu Perkara 12(4) Perlembagaan kita yang mungkin kita kena pinda kerana kes Shamala yang telah pun berlaku dalam tahun 2004 yang mana suami beliau apabila telah *convert* ke dalam agama Islam, enam hari selepas itu dia telah pun membawa dua orang anak kecil itu masuk ke dalam agama Islam juga. Shamala telah pun membawa kes ini ke mahkamah. Pada masa itu hakim - Justice Faiza seorang hakim yang cukup senior - veteran dalam Mahkamah Tinggi telah pun memberikan satu saranan bahawa mungkin keadaan ini as far as, dengan izin, perkara 12(4) Perlembagaan ini mungkin kita kena tinjau di Parlimen kerana perkara 12(4) Perlembagaan ini menggunakan perkataan '*parent*'. Jika izinkan saya rujuk iaitu berbunyi:

*“For the purposes of Clause (3), the religion of a person under the age of eighteen years shall be decided by his parent or guidance.”*

ia menggunakan *singular* iaitu ‘parent’. Walaupun saya tidak bersetuju dengan tafsiran mahkamah tersebut kerana wujudnya di Jadual 11, dalam Perlembagaan Negara kita yang berbunyi:

*“Construction of singular or plural. Words in singular include the plural and words in the plural include the singular”.*

Walaupun ia berbunyi begini tetapi dua mahkamah dalam tahun 2004 .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila habiskan, Yang Berhormat.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** .....dan satu lagi dalam tahun 2003 telah pun mengatakan walaupun wujud Jadual 11 tetapi ....

**Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak tanya boleh atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat, ada minta penjelasan.

**Seorang Ahli:** Menteri bertanya minta penjelasan.

**Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat sebut tadi 121 berkenaan dengan agama Islam. Saya hendak bertanya apabila kita hendak mensyaratkan supaya penukaran agama mesti dimaklumkan kepada keluarga, apakah kalau penukaran kepada agama lain tidak perlu ataupun hanya yang bertukar kepada agama Islam sahaja yang kena beritahu.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Tidak, Yang Berhormat Menteri! Sebenarnya tujuan saya ialah kerana ini merupakan satu standard *procedure* yang bukan sahaja dari agama lain kepada agama Islam tetapi juga daripada mana-mana agama ke agama yang lain. Dan, saya tidak berniat untuk mengenakan apa-apa syarat hanya ke atas agama Islam, itu bukan tujuan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya gulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habiskan, Yang Berhormat.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Ya! Saya memohon supaya Parlimen haruslah meneliti semula. Dan perkataan *parent* itu haruslah digunakan *plural*, *parents* kerana jika kita hanya asyik sahaja bergantung kepada keputusan-keputusan mahkamah mungkin akan mengambil banyak masa kerana ini akan membawa kesengsaraan kepada ahli-ahli keluarga. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Batu Pahat.

## 2.54 ptg.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak menyentuh satu permasalahan sahaja, pendek sahaja iaitu berkenaan dengan masalah kemiskinan. Kemiskinan tegar ini sebenarnya didefinisikan sebagai isi rumah yang mempunyai pendapatan separuh daripada pendapatan garis kemiskinan. Golongan miskin tegar ini mempunyai pendapatan lebih kurang RM295 sebulan berbanding dengan pendapatan garis kemiskinan ataupun PGK sebanyak RM529 sebulan. Menurut Unit Perancangan Ekonomi jumlah kemiskinan tegar di luar bandar adalah sebanyak 2.3% berbanding dengan kemiskinan tegar di kawasan bandar berjumlah 0.4% ataupun 12.6 ribu orang.

Baru-baru ini pihak kerajaan telah menyatakan ia akan mengadakan kaedah baru untuk mengukur masalah kemiskinan negara. Kerajaan juga telah menyatakan hasrat

untuk memberikan perhatian yang khusus dalam isu kemiskinan. Kadar kemiskinan negara kita sebenarnya sudah berkurangan daripada 49% pada awal tahun 1970 kepada 10% pada masa ini.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** *[Bangun]*

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Sekejap. Hasil daripada program kerajaan seperti pembangunan tanah, tanaman semula, pengenalan teknologi yang telah dapat meningkatkan lagi produktiviti negara.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** *[Masih berdiri]*

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Baru mula dah tanya?

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Gombak.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Batu Pahat kerana memberi laluan kepada saya. Saya cuma hendak tanya sedikit sahaja. Bila dikatakan tadi kemiskinan tegas di bandar dan di luar bandar. Saya datang daripada bandar Gombak di mana 99.4% daripada Gombak itu didefinisikan dalam bandar. Dikatakan tadi bahawa kemiskinan di bandar cuma 0.3% dan di luar bandar 2.6%. Saya ingin bertanya adakah jumlah pendapatan yang sama digunakan di luar bandar dan di bandar di dalam mengeluarkan statistik ini kerana kita tahu bahawa kos kehidupan di bandar adalah jauh lebih tinggi daripada luar bandar. Jadi, kalau itu digunakan atas pendapatan seisi rumah yang sama digunakan saya rasa statistik ini adalah satu statistik yang salah.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak. Saya akan hadir dalam menjawabnya dalam ucapan ini nanti.

Jadi, masalah kemiskinan tadi ialah merupakan satu perkara yang dinamik yang bersabit dengan perubahan ekonomi dan perubahan sosial dalam sesuatu masyarakat dan juga memerlukan satu penelitian yang kemas kini ke arah yang berkaitan dengan masalah kemiskinan itu. Misalnya keperluan hidup dan corak perbelanjaan keluarga yang telah berubah dalam tempoh 30 tahun ini yang memerlukan kajian semula kepada satu pendapatan garis kemiskinan yang baru dan rupa bentuk masalah kemiskinan yang disebabkan oleh perubahan-perubahan semasa sebagai mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Gombak tadi, yang kita panggil sebagai *relative poverty* ataupun kemiskinan yang relatif yang bergantung kepada kedudukan, keluarga, tempat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin .....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Boleh?

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Silakan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih. Soal kemiskinan ini memang menjadi satu agenda kita dan kita tidak menafikan kajian, program-program yang telah dan akan dilaksanakan supaya menampakkan bahawa kita bukan lagi dalam negara membangun kerana kita hendak menjurus kepada negara yang lebih maju. Tetapi masalahnya walaupun program rumah murah, mesra rakyat, bantuan pelajaran, bantuan kebajikan yang menjadi masalahnya ialah yang sepatutnya layak sahaja yang dapat bantuan ini. Tetapi angka mereka yang miskin tegar ini semakin bertambah kerana kesempatan yang diambil oleh mereka yang tidak layak.

Juga mengatakan bahawa mereka juga sepatutnya dibanci sebagai mereka yang miskin. Ini patut kita lihat kerana mungkin masalah sosial yang berlaku, permohonan kerja, VSS yang semakin hari semakin bertambah. Apabila pengambilan sesetengah syarikat GLC dan sebagainya timbul VSS, pemberhentian kerja secara sukarela, hendak mengurangkan tenaga yang ada, kos yang berlebihan. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat terutama sekali dalam keadaan kita yang menghadapi suasana kenaikan harga minyak ini sedangkan ini bukan kenaikan harga, sebagai subsidi.

Apakah patutnya kita adakan satu slogan untuk mengelakkan supaya rakyat kita jangan hanya menjadi rakyat subsidi kerana ini akan menjadi satu gambaran yang tidak

baik sebab mereka akan mengambil kesempatan, sudah tentu punya. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini? Terima kasih.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Memang saya tidak menafikan sebab itu saya katakan bahawa kita kena menilai balik takrif kemiskinan ini. Dan, saya tidak menafikanlah bila kita bercakap berkenaan dengan kemiskinan tadi ia melibatkan beberapa faktor. Faktor-faktor tadi merupakan faktor yang akan saya cakapkan kemudian. Jadi. ...

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi Jasin, Yang Berhormat?

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Silakan. Tidak bagi nanti kena marah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Saya juga turut berkongsi apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Larut. Pengalaman kita di Melaka, kita telah jalankan *census*, kita hanya dapati yang ada miskin tegar lebih kurang 900 buah keluarga. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Melaka telah membina rumah PPRT berjumlah 1,200 buah dan pada hari ini kami masih lagi menerima permohonan-permohonan yang mengatakan dirinya miskin.

Jadi, sekarang ini di mana akhirnya kita ini kerana semakin banyak bantuan yang kita bagi semakin ramai yang mengatakan dirinya miskin. Inilah masalah kita. Sampai bila? Ataupun *benchmark* apa yang akan kita gunakan untuk mentakrifkan orang ini benar-benar miskin. Dan, satu lagi di Jasin di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua rancangan rumah awam yang tidak boleh dijual tetapi baru-baru ini kita buat tiga rancangan banglo lot, habis dijual di kawasan yang sama.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Orang Melaka sudah kaya, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tetapi masih ada lagi yang mengakui diri mereka miskin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, apakah *bench mark* yang kita hendak pakai? Terima kasih.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya tidak menafikan bahawa masalah yang timbul sekarang ini ialah berkenaan dengan mengenal pasti, hendak mengetahui terlebih dahulu apakah yang dimaksudkan dengan miskin. Cuma kadang-kadang kalau kita minta maklumat daripada jabatan-jabatan, contohnya yang menjaga kemiskinan di kawasan-kawasan. Kita minta maklumat daripada jabatan kebajikan masyarakat, pejabat daerah, pejabat pelajaran dan jabatan agama di mana mereka memberikan maklumat-maklumat yang berbeza-beza dan kemudian mereka juga membuat tafsiran-tafsiran yang berbeza-beza. Nilai kemiskinan yang diberi tidak sama. Mungkin dalam jabatan kebajikan masyarakat mereka menilaikan bawah daripada RM300 itu miskin, bawah daripada RM600 pun kadang-kadang miskin.

Definisi sebenarnya kita perlu mengenal pasti. Di sinilah kita perlu mengenal pasti terlebih dahulu berkenaan dengan populasi setempat. Kita perlu juga mendapat *data base* yang sepenuhnya. Saya ingin memberi cadangan kepada pihak kementerian kalau dapat diselaraskan dan digabungkan untuk kita membentuk satu *data base* yang khusus berkenaan dengan apa yang dimaksudkan, apa yang akan dikenal pasti sebagai rakyat termiskin dalam kawasan-kawasan tertentu.

Dalam kita juga hendak mengatasi masalah kemiskinan tadi kita juga mestilah mengenali....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh saya tambah sedikit Yang Berhormat bagi Batu Pahat? Sedikit sahaja. Contoh, saya bagi contoh.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung, gulung Yang Berhormat.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** .....masa saya berapa lama?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi jalankah tidak?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Sedikit sahaja. Saya bagi satu contoh ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Kita terima kasihlah alhamdulillah ekonomi kita baik. Dalam masa sambutan hari raya kadang-kadang kita sampai tidak percaya orang yang sama terima. Kebajikan pun bagi orang yang sama, NGO lain pun orang yang sama. Pejabat agama lagilah, pejabat agama asyik orang itu sahaja. Ini pun satu masalah Tuan Yang di-Pertua pejabat agama ini. Macam-macam kita bagi cadangan tidak diikutnya. Ini pun satu masalah.

Kita mintalah kalau boleh. Balik-balik orang yang sama, kita bimbang orang yang sama kenyang sampai mati. Kadang-kadang kita tidak mahu di negara kita ini mati kerana terlebih makan, terlebih bantuan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Itulah yang saya nyatakan tadi bahawa kita mestilah membentuk satu *data base*. Kita tidaklah melepaskan mengenal pasti ini mengikut kepada jabatan-jabatan. Saya memang menyokong juga pandangan daripada Yang Berhormat bagi Larut tadi. Ia berlaku di mana-mana kawasan, orang yang sama menerima. Saya tidak nafikan kadang-kadang kalau kita minta dengan pejabat daerah pun *data base* yang mereka ada tidak lengkap.

Saya rasa selain daripada kita hendak mengenal pasti juga kita juga hendaklah membuat sesuatu program bagi menjana pendapatan. Bukan hanya memberi dalam jangka masa yang pendek. Maksud saya dia minta kita bagi, dia minta kita kasi. Apa yang kita perlu ialah memikirkan dalam bentuk latihan, dalam bentuk kemahiran bagi memastikan setiap anggota, setiap ahli dalam satu keluarga yang kita definisikan sebagai miskin mendapat peluang pekerjaan.

Saya juga berharap dalam kita hendak membasmi kemiskinan tadi, kerjasama yang sepenuhnya daripada seluruh jabatan, seluruh pihak termasuk dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta serta NGO untuk memainkan peranan dalam membentuk dan meningkatkan lagi tahap hidup golongan miskin tanpa perlu ada diskriminasi.

Saya juga ingin memberi cadangan supaya agensi-agensi yang dipertanggungjawab memainkan peranan masing-masing dengan lebih berkesan dengan telus, dengan holistik dan berintegrasi dan golongan-golongan ini kadang-kadang datang mengadu kepada kita bahawa memang susah untuk mendapat bantuan, memang susah untuk mendapat sumbangan daripada jabatan-jabatan yang diberikan amanah untuk menyelesaikan masalah kemiskinan kerana berdasarkan kepada kerendah birokrasi.

Dalam kita hendak mengatasi masalah tadi, saya ingin mencadangkan sebab itu saya kata ucapan saya pendek sahaja. Saya hendak memberikan tujuh cadangan:

- (i) saya ingin mencadangkan supaya diwujudkan satu majlis pembasmian kemiskinan nasional ataupun negara bagi menentukan pencapaian sasaran rakyat termiskin dapat keluar daripada tahap kemiskinan;
- (ii) diwujudkan satu pendapatan garis kemiskinan yang baru yang berasaskan kepada keperluan hidup yang terkini berasaskan kepada tempat yang kita menilai sama ada di luar bandar atau di bandar dan tempat-tempat itu juga mesti berdasarkan di mana *localitynya*;

- (iii) masalah kemiskinan tegar perlu ditentukan dan diketengahkan untuk tujuan-tujuan atau program-program yang berkaitan;
- (iv) sebagaimana yang saya nyatakan tadi perlu diwujudkan satu penilaian yang baru, satu garis pendapatan kemiskinan yang baru berdasarkan kawasan walaupun di bandar bergantung sama ada bandar di Kuala Lumpur, di Langkawi, di Johor dan sebagainya;
- (v) pengiraan pendapatan garis kemiskinan juga perlu mengambil kira isu kemiskinan relatif dan juga kemiskinan tegar;
- (vi) kumpulan tertentu ataupun yang kurang berupaya perlu diambil kira sebagai kumpulan miskin. Mereka yang mempunyai masalah kesihatan mereka yang mempunyai masalah yang tidak dapat melakukan pekerjaan perlu dimasukkan di dalam kategori rakyat termiskin; dan
- (vii) perlulah memperkasakan sistem agihan pungutan zakat kerana ini juga merupakan salah satu cara ataupun satu mekanisme untuk membasmi kemiskinan terutama kepada golongan masyarakat Islam.

Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Penampang.

### 3.06 ptg.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbincangan untuk menjunjung kasih ke atas Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang satu perkara yang melibatkan amalan dagangan yang tidak beretika dan ketidakberkesanan pihak-pihak penguat kuasa negara kita yang tercinta ini. Saya telah berkali-kali di Dewan yang mulia ini berbahas dan telah berkali-kali memaklumkan Jabatan Kastam Diraja tentang aktiviti sebuah syarikat iaitu yang dinamakan Magnifine Industries Sdn. Bhd. di Tawau, Sabah di mana syarikat ini terlibat dalam *under declaration* dengan izin ke atas import *polypropylene woven fabric* dari Indonesia sejak sekurang-kurangnya tahun 2002.

Syarikat ini menggunakan kaedah *double invoicing* melalui satu lagi syarikat bernama Magnifine Trading (Sabah) Sdn. Bhd. Hingga 8 Jun 2005. Selepas itu ia menggunakan lagi sebuah syarikat bernama OTW Enterprise sehinggalah kini. Walaupun saya dimaklumkan bahawa syarikat Magnifine Industries Sdn. Bhd ini sedang disiasat, ia masih juga beroperasi dan masih juga menyebabkan satu *distortion* dalam sektor pembuatan dan penjualan *polypropylene woven bag* di negeri Sabah dan ini seterusnya menjejaskan sektor pembuatan di negeri Sabah.

Saya juga telah membawa seperti mana yang saya katakan tadi perkara ini dalam perbincangan di Dewan yang mulia ini pada 13 Oktober 2005 semasa sesi Parlimen yang lalu. Walaupun demikian, perkara ini tidak disentuh oleh Menteri dalam jawapannya. Di sini saya mengambil kesempatan sekali lagi apakah tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Kastam dalam perkara ini dan kenapakah siasatan mereka mengambil masa yang begitu lama. Saya sendiri boleh memberi mereka nombor inoivis-inoivis yang berkenaan dan harga-harga yang didiklarasikan oleh syarikat Magnifine Trading dan OTW Enterprise yang saya sebut tadi untuk tempoh 17 Julai 2002 hingga 24 Februari tahun ini 2006. Saya amat berharaplah Menteri akan menjawab pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang dokumen IMM 13. Saya tahu perkara ini kerap kali dibangkit dalam Dewan yang mulia ini. Ini adalah kerana satu perkara yang perlu diberi perhatian yang serius....

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit kepada Yang Berhormat bagi Penampang....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** .....berkenaan dengan Sirim tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Memang saya tahu Yang Berhormat telah bangkitkan dua tiga kali. Yang saya hendak tahu adakah ia menjejaskan pemasaran beg-beg ini di Sabah oleh kaum-kaum ini kerana dalam segi menjadi *trading nation* ini kadangkala kerajaan terpaksa beri sedikit kelonggaran.

Kita tengok di Singapore. Di Singapore tidak ada langsung kayu balak tetapi dia membeli dan mendapatkan kayu balak daripada Indonesia secara seludup *re-export* ke negara lain sehinggakan *certificate* yang diperlukan di pasaran antarabangsa dikeluarkan oleh kerajaan Singapura. Begitu juga dengan kisah nanas kita. Pokok nanas tidak bertanam di Singapura. Dia beli daripada kita, dia *repack* balik lepas itu dia boleh buat *produce of Singapore*.

Jadi ini dunia perniagaan Yang Berhormat. Itu sebab saya hendak tanya tadi Yang Berhormat bercakap fasal ini kadangkala kalau menguntungkan kita, dengan cara apa orang berniaga, faham sahaja Yang Berhormat tetapi kalau cara perbuatan dia itu merugikan orang lain, merugikan negara saya akan sokong Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Terima kasih Yang Berhormat dari Jasin. Kalau menjejaskan itu tetap menjejaskan. Di Sabah ini ada empat syarikat yang membuat *polypropylene* atau *poly bag* ini dan salah satu daripada syarikat itu telah pun berhenti operasinya dan kerugian di antara satu hingga dua juta, kerana aktiviti *Magnifine Industries Sdn. Bhd.* ini. Mengenai harga-harga beg ini dengan izin, *its really distorting the market in Sabah*. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Penampang boleh berehat sekejap? Sila duduk. Ahli Yang Berhormat, kita ada tetamu pada hari ini. Dewan ini mengalu-alukan kedatangan *H.E. Dr. Premysl Sobotka, President of the Senate of Czech Republic* serta delegasi. *We welcome you, dengan izin and we hope you and your delegation will learn something from your visit to this Parliament.* Teruskan.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan isu dokumen IMM 13 tadi. Tuan Yang di-Pertua pada Isnin yang lalu iaitu 20 Mac 2006, seorang wanita telah ditangkap oleh pihak polis di Kampung Tebobon, Menggatal Sabah kerana mengeluarkan dan menjual dokumen IMM 13 yang palsu. Hasilnya dalam penjualan IMM 13 palsu ini dianggarkan sejumlah RM800 sehari. Dalam pemalsuan dokumen tersebut, wanita itu cuma mengguna sebuah komputer, sebuah *printer* dan *scanner*.

Jadi saya tidak memanjangkan lagi isu ini sebab banyak dibangkit oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain. Jadi soalan ringkas saya kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah, apakah langkah yang akan diambil sama ada mengganti dokumen ini kepada yang mempunyai ciri-ciri keselamatan ataupun kaedah yang lain untuk memastikan kedaulatan negara kita tidak terjejas, tertindas kerana jumlah dokumen IMM 13 ini Tuan Yang di-Pertua, IMM 13 palsu ini sudah berleluasa di negara ini khususnya di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini berterima kasih atas pewujudan Program Rumah Mesra Rakyat di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad, SPNB. Ia adalah satu program yang amat memberangsangkan dan yang sungguh prihatin kepada rakyat sejahtera. Ini amat selaras dengan usaha kerajaan.....

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi Tuan Yang di-Pertua. Baru teringat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat hendak bagi jalan?

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Sila.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ini berkenaan apa yang Penampang sebut tadi tentang pemegang IMM 13 ini, kita dimaklumi bahawa mereka ini adalah pelarian-pelarian perang di Philippine yang lari ke negara kita sejak tahun 80-an dan kita lihat daripada gambar-gambar, televisyen dan juga akhbar-akhbar seolah-olah mereka ini terbiar, terpapar, terdampar di Sabah. Saya tengok pada hari ini pun kita banyak menggunakan tenaga kerja asing daripada India, daripada Vietnam, daripada Indonesia dan orang-orang ini saya kira kalau hantar balik hari ini pun besok datang balik ke Sabah.

Mengapa tidak kita carikan satu mekanisme membolehkan mereka ini diserapkan di dalam pasaran kerja kita, dan saya penuh yakin dan percaya kalau dia dapat pendapatan, dia tidak hantar balik ke negara dia. Hari ini satu tahun, pekerja asing yang bekerja dekat negara kita mengirimi balik menghantar balik duit negara tidak kurang daripada RM5 bilion satu tahun. Kalau kita pergi ambil mereka yang pegang IMM 13 ini, mereka akan berbelanja di dalam negara kita dan dia tidak akan balik, dia belanja balik. Jadi pengaliran wang kita tidak keluar ke negara lain, Bangladesh, India. Yang Berhormat boleh sokong tidak saranan saya ini, saya hendak tanya Yang Berhormat? Mengapa tidak 60 ribu ini kita serapkan di dalam pasaran buruh negara kita. Kalau mereka tidak ada kemahiran kita bagi dia *training*, ajar dia. Bagaimana Yang Berhormat?

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat bagi Jasin. Sebenarnya ada beberapa jenis pelawat ke negara kita ini. Ada yang dipanggilkan PATI, pendatang tanpa izin, ada yang memegang dokumen IMM 13 ini. Ada juga yang bekerja di negara kita ini dengan permit-permit tertentu. Jadi masalah IMM 13 ini, yang memegang IMM 13 palsu ini adalah masalah yang berbangkit kepada pendatang tanpa izin. Cadangan Yang Berhormat tadi itu saya setuju, tetapi sebelum cadangan itu boleh dipertimbangkan saya rasa kita perlu membentuk satu polisi yang konsisten tentang "pelawat-pelawat" kita ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

Jadi saya mengucapkan terima kasihlah kepada kerajaan kerana mengadakan satu Skim Rumah Mesra Rakyat. Seperti mana yang saya katakan tadi amat selaras dengan usaha kerajaan memberi perhatian khas kepada golongan rakyat yang kurang berkemampuan dengan membantu mereka untuk meningkatkan kualiti hidup mereka. Program RMR ini sedang berjalan lancar di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, dan saya sedia maklum bahawa ada permohonan-permohonan yang ditolak atas sebab-sebab yang tertentu iaitu 70% daripadanya adalah kerana masalah tanah.....

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** [Bangun]

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Sekejap-sekejap, 20% adalah kerana pendapatan isi rumah pemohon yang lebih daripada RM1,000 dan 10% pula adalah atas sebab tidak mematuhi syarat-syarat permohonan yang lain. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Penampang. Namanya Rumah Mesra Rakyat tetapi di Sabak Bernam, dia sudah tidak berapa mesra rakyat. Masalahnya ialah masalah kontraktor. Saya kembali ke belakang, waktu hendak raya, maka rumah yang telah lama yang buruk, yang telah diruntuhkan itu digantikan dengan Rumah Mesra Rakyat. Jadi nampaknya ada dua kontraktor, kontraktor buat bangunan dengan kontraktor yang *supply* bumbung ini berbeza. Jadi oleh sebab itulah siap sudah rangka rumah tetapi bumbung tidak ada sampai selepas raya.

Jadi oleh sebab itu saya hendak mencadangkan, apa pandangan Yang Berhormat supaya kontraktor-kontraktor seperti ini, dikaji, disiasat dan kemudian di *blacklist* oleh kementerian dan dipaparkan supaya ia menjadi satu contoh dan teladan kepada orang lain. Sebenarnya saya memang setuju dengan Yang Berhormat bahawa rumah ini boleh menjadi Rumah Mesra Rakyat yang mendekati rakyat dengan kerajaan kita yang baik ini. Terima kasih.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat setuju, Yang Berhormat, ada juga masalah seperti itu di kawasan saya dan

saya amat bersetuju atas cadangan Yang Berhormat dan kita berharap kementerian akan mempertimbangkan. Tentang penolakan ini, apa yang saya kurang puas hati adalah sebab-sebab penolakan yang tidak munasabah seperti abang atau bapa pemohon itu adalah orang yang berkemampuan atau orang yang kaya atau atas sebab ada orang yang membuat aduan tentang sesebuah keluarga tanpa membuat apa-apa siasatan yang terperinci, pegawai SPNB sewenang-wenangnya menolak permohonan-permohonan yang tertentu.

Sebagai satu contoh seorang yang berkeluarga ditolak permohonannya atas aduan bahawa bapanya ini adalah seorang yang “*ada addah*,” kami kata di Sabah yang berkemampuan. Fakta bahawa rumah permohonan yang asal telah dilanda kebakaran dan pemohon serta keluarganya terpaksa tinggal di sebuah stor kecil di rumah kakaknya, diabaikan dan tidak diambil kira oleh pegawai SPNB tersebut. Setahu saya tidak ada syarat SPNB yang menyatakan ibu bapa atau abang adik pemohon mesti juga miskin.

Justeru saya amat berharap bahawa program yang indah ini tidak terjejas atas ketidakprihatinan pegawai-pegawai SPNB dan saya berharap pegawai-pegawai ini dapat dilatih supaya mereka bersopan-santun, profesional dan cekap dalam menjalankan tugas mereka. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh tentang pendidikan sedikit, tentang pendidikan di negara ini.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Lips.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Wah, laku saya hari ini.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Penampang. Ini berkaitan dengan rumah mesra rakyat juga. Jadi rumah mesra rakyat ini memanglah bagus tetapi dengan harga yang ada sekaranglah, dengan yang ditawarkan sekarang kepada kontraktor untuk membuat rasa saya tidak ramai kontraktor yang hendak buat. Mungkin masalah di Sabak Bernam tadi berlainan tetapi masalah di tempat saya pula kerana perjalanannya jauh. Jadi walaupun tawaran yang diberi ramai orang memohon tetapi kontraktor yang hendak buat itu rasa keberatan kerana harganya dan kesan daripada kenaikan kos dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Ya Yang Berhormat, saya setuju kerana kalau kita tengok margin dalam membangunkan rumah ini, margin keuntungannya amat kecil sekali. Saya menganggapkan program RMR ini bukan sahaja menolong keluarga-keluarga yang tidak mampu tetapi juga menolong kontraktor-kontraktor F kita. Tetapi apabila marginnya terlalu kecil seperti dikatakan oleh Yang Berhormat tadi itu, tidak banyak kontraktor-kontraktor yang mampulah. Jadi kita mahu cadanglah bersama kepada kerajaan supaya membantu kontraktor-kontraktor kita ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gombak, habis?

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Ada lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat sudah habis?

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Belum lagi, *relax*. Tuan Yang di-Pertua, pencapaian keputusan peperiksaan murid-murid kita di negara ini amatlah membanggakan dan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua murid-murid, ibu bapa-ibu bapa serta juga guru-guru ke atas kejayaan yang kian tahun kian meningkat ini. Ini sekurang-kurangnya akan memastikan masa depan negara kita terjamin dalam tangan generasi yang bijaksana serta berpendidikan. Walaupun begitu, dalam kita terangsang atas kejayaan murid-murid kita yang mendapat keputusan yang cemerlang seperti 10A hingga 151A, janganlah kita lupa kepada yang majoriti, kepada yang gagal dan yang mendapat kelulusan yang rendah atau sederhana.

Lazimnya ibu bapa menganggap keputusan anak-anak mereka dalam peperiksaan sebagai petunjuk kepada kegagalan atau kejayaan di masa depan anak-anak mereka. Oleh itu ibu bapa-ibu bapa termasuk juga guru-guru, memainkan peranan dalam memberi

penekanan kepada kanak-kanak ini bahawa hanya keputusan yang cemerlang sahaja yang akan memastikan kejayaan dalam hidup dan jika gagal pula mereka akan menghadapi masa depan yang gelap. Saya rasa amatlah penting bagi kita sebagai ibu bapa untuk menyediakan anak-anak kita menghadapi kegagalan. Bagaimana untuk menangani atau mengatasinya dan seterusnya berusaha untuk mencari kejayaan.

Sebenarnya kegagalan tidak bermakna berakhir semuanya. Ia harus dianggap sebagai satu pengalaman yang mengajar, kegagalan dalam satu bidang tidak bermakna kegagalan dalam semuanya. Dalam dunia yang sangat kompetitif ini kita haruslah sedar apakah batas keupayaan anak-anak kita dalam mendorong mereka untuk mendapat kecemerlangan dalam sekolah. Justeru itu saya amat berharap Kementerian Pelajaran akan menggubal satu sistem alternatif kepada sistem pendidikan yang sedia wujud yang terlalu bergantung pada peperiksaan dan ujian untuk menilai prestasi dan pencapaian pelajar.

Mungkin input atau sumbangan idea yang lebih terperinci dari golongan akademik dan daripada pihak-pihak sektor industri dan perniagaan akan dapat membantu kementerian dalam menyelidik satu sistem di mana kita mengenal pasti di peringkat awal melalui kombinasi, pemerhatian, kaunseling dan peperiksaan, apakah keupayaan dan kecenderungan seseorang pelajar itu. Mungkin juga kita dapat mengadakan satu *careers day* di sekolah-sekolah menengah kita di mana pihak-pihak industri, pihak-pihak perniagaan, pihak-pihak profesion boleh datang ke sekolah itu dan kanak-kanak kita dapat berjumpa dengan mereka dan mendapat nasihat atas *career choice* mereka dengan izin.

Ini sekurang-kurangnya akan membantu dalam memfokuskan pelajar kita pada pilihan kerjaya masa depannya dan seterusnya mengambil kursus yang relevan di peringkat pengajian tinggi dan dengan penglibatan sektor industri dan perniagaan, *employability* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, pelajar itu akan meningkat selepas tempoh pendidikannya. Saya percaya sistem seperti ini akan membantu dalam mengurangkan graduan yang menganggur dan memastikan modal insan yang berkualiti di negara ini. Dengan kata-kata sedemikian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Gombak.

### 3.25 ptg.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi kebenaran untuk saya terlibat dalam perbahasan Titah Diraja. Hubungan luar amat penting bagi negara untuk kepentingan ekonomi, politik, keselamatan, budaya, pendidikan dan lain-lain. Dasar luar negara di samping memastikan kedaulatan negara sentiasa ditempatkan di tempat yang teratas harus juga mesra, *friendly* dan berasaskan konsep menang-menang, *win-win situation* tetapi tidak sekali-kali di atas pertimbangan emosi, ataupun perasaan marah.

Malaysia mempunyai tuntutan bertindih dengan negara-negara jiran. Misalnya kita mempunyai tuntutan bertindih dengan Singapura, kita mempunyai tuntutan bertindih dengan Filipina, kita mempunyai tuntutan bertindih dengan Indonesia, kita mempunyai tuntutan bertindih dengan Thailand, kita mempunyai tuntutan bertindih dengan Vietnam dan kita juga mempunyai tuntutan bertindih dengan China. Jadi kalau dasar luar kita banyak dipengaruhi oleh emosi dan perasaan mungkin kita akan berperang dengan semua negara-negara jiran. Jadi dalam hal yang ini, pendekatan yang telah dibuat oleh kepimpinan kita pada saya adalah pendekatan yang sungguh bijak yang mana pendekatan mesra, berhemah dan juga melalui perundingan tanpa sekali-kali kita berkompromi dalam hal-hal yang berkaitan dengan kedaulatan negara.

Misalnya kalau kita lihat hubungan Malaysia dan Singapura, hubungan Malaysia dan Singapura seperti air di pantai, ada masa air pasang, ada masa air surut dan apa pun seperti mana yang saya katakan tadi dalam hubungan kita dengan Singapura, harus yang teratas, haruslah berpaksikan kepada kedaulatan negara dan harus juga kita pastikan bahawa dalam hubungan ini kita juga menghadapi situasi *win-win* ataupun menang-menang, jangan kita sahaja sentiasa beralah dan sebagainya.

Kita juga mesti ingat bahawa pelaburan kita dengan Singapura bahawa 70% daripada pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia adalah terdiri daripada warganegara Singapura dan kita juga harus ingat bahawa pelabur yang terbesar di negara kita adalah juga dari Singapura. Maka justeru itu hubungan mesra seperti mana yang saya katakan tadi adalah amat penting untuk kedua-dua buah negara. Kita harus memberi kepercayaan sepenuhnya kepada Kementerian Luar, kepada kerajaan dan pasukannya di dalam menyelesaikan kesemua isu-isu dua hala, terutama isu-isu dua hala yang masih lagi diperbincangkan ataupun isu-isu dua hala yang tertunggak di antara kedua-dua belah negara terutama soal sekarang yang sedang hangat diperbincangkan iaitu soal yang berkaitan dengan jambatan yang hendak dibina sama ada jambatan yang berbentuk bengkok, jambatan yang senget kah, ataupun jambatan yang lurus?

Saya harap kita semua janganlah terlalu banyak dipengaruhi oleh emosi kerana kita takut bahawa kalau kita terlalu banyak dipengaruhi oleh emosi dan perasaan dan ataupun dipengaruhi oleh rasa nostalgia, dalam perundingan dua hala kedua-dua buah negara ini kita akan mengalami kerugian. Jadi kita harus memberi kepercayaan yang sepenuhnya kepada Menteri Luar dan pasukannya dan kita tahu mereka itu adalah orang yang patriotisme kepada negara dan mereka juga orang yang pakar di dalam hubungan luar dan tahu di mana pokok atau asanya ialah kedaulatan negara tidak akan digadaikan dan dalam masa yang sama memastikan bahawa perundingan ini juga harus memberi kemenangan ataupun keuntungan kepada Malaysia.

Saya ingin sentuh sedikit tentang karikatur penghinaan terhadap Nabi Muhammad s.a.w. Kita tahu bahawa karikatur ini telahpun dikeluarkan di salah sebuah akhbar di Denmark pada September 2005. Dan, kita lihat reaksi terhadap isu tersebut menjadi ganas dan menjadi sudah tidak terkawal pada bulan Januari dan Februari sehingga ramai yang mati. Misal kata di Libya, di Pakistan, dan sebagainya.

Yang ingin saya persoalkan, mengapakan OIC yang dipimpin oleh Malaysia lambat bertindak dalam hal ini? Kalau karikatur itu dikeluarkan dalam bulan September, mengapa kita harus tunggu reaksi yang ganas? Mengapa kita harus tunggu ada lagi timbul publikasi di tempat yang lain, baru kita ingin bertindak? Mengapa tidak ada inisiatif, proaktif, daripada OIC untuk membincangkan dengan negara-negara yang terbabit? Mengapa tidak ada inisiatif proaktif daripada OIC contohnya untuk berbincang juga dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu?

Seharusnya, ada perundingan memastikan institusi menghalang daripada isu tersebut menjadi tidak terkawal. Soalnya fenomena terhadap penghinaan Nabi Muhammad s.a.w. dan Islam ini menjadi semakin berleluasa di Barat. Yang ingin kita tanyakan adakah fenomena ini disebabkan oleh perasaan *ignorance* ataupun perasaan kerana rasa tidak tahu? Atau adakah penghinaan terhadap Nabi Muhammad s.a.w, mahupun Islam, adakah disebabkan oleh perasaan prejudis? Yang ini pada saya amat penting kita tahu. Bahawa pada saya, kalau perasaan *ignorance* itu lebih mudah dihadapi daripada kalau penghinaan itu atas dasar prejudis.

Jadi, pada saya OIC harus memainkan peranan yang amat penting untuk mencari punca bagaimana pertembungan di antara Islam dan Barat ini berlaku, dan bagaimana harus dilakukan bahawa pertembungan ini bukan satu bentuk pertembungan yang konfrontasi. Pada saya, kalau perasaan prejudis Barat terhadap Islam, mahupun perasaan prejudis Islam terhadap Barat berterusan, maka saya rasa pertembungan ini akan menghasilkan pertembungan yang *destructive*. Bukannya satu bentuk kerjasama yang *constructive*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang perkara yang berkaitan dengan penyediaan perubatan. Kita tahu bahawa negara harus menghasilkan lebih banyak doktor oleh kerana nisbah di antara bilangan doktor dan juga penduduk masih lagi tidak sampai kepada *target* ataupun objektif yang ingin dicapai oleh negara, sesuai dengan kedudukan sebagai sebuah negara maju. Tapi persoalannya, adakah pemantauan dibuat terhadap universiti-universiti, fakulti-fakulti perubatan, yang mengeluarkan graduan-graduan perubatan, sama ada IPTA, Institusi Pengajian Tinggi Awam, ataupun IPTS.

Saya bagi contoh satu kes IPTA. Contohnya Universiti Malaysia Sabah, Fakulti Perubatan, Universiti Malaysia Sabah, yang mana pelajarinya sudahpun sampai kepada tahun klinikal. Tahun yang mana mereka harus masuk ke hospital dan melakukan praktikal.

Didapati bahawa tidak ada satu rancangan yang tersusun. Mereka bukan sahaja melakukan praktikal ataupun latihan klinikal ini di hospital swasta, tanpa pengawasan yang begitu baik, tetapi juga mengalami banyak kekurangan dari segi kelengkapan pengajaran dan sebagainya.

Jadi, saya harap, Kementerian Pengajian Tinggi harus melihat ini dengan serius. Kita tidak mahu bahawa graduan-graduan perubatan yang dihasilkan nanti bukan sahaja graduan perubatan yang tidak boleh bertanding di tahap antara bangsa, tetapi graduan-graduan perubatan yang tidak selamat untuk merawat manusia. Begitu juga kalau kita lihat contohnya di IPTS. Pemantauan harus dibuat dengan lebih rapi terutama IPTS-IPTS yang mengajar perubatan.

Kerana yang kita hasilkan ini ialah mereka yang akan jadi mekanik kepada manusia. Bukannya menjadi mekanik kepada kereta. Kalau mereka menjadi mekanik kepada manusia, kesilapan itu boleh menyebabkan maut. Jadi pada saya, ini amat penting. Kita harus lihat bahawa IPTS ini mempunyai kemudahan-kemudahan yang cukup untuk pengajaran perubatan. Kita mesti pastikan bahawa *entrance qualification*nya merupakan *entrance qualification* yang cukup mantap, sesuai untuk seseorang pelajar itu mengikuti kursus perubatan. Jiran saya ingin bertanya, saya beri laluan.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih, sahabat saya daripada Gombak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Gombak oleh kerana bukan sahaja beliau merupakan bekas pelajar perubatan, tetapi sudahpun menjadi pakar, pakar penyakit. Tahniah kepada beliau. Adakah perkara ini berlaku, yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi adalah kerana kekangan kita untuk mendapat doktor ataupun pegawai perubatan yang lebih banyak? Sehingga kita kompromi kepada syarat-syarat yang sepatutnya dipenuhi oleh tiap-tiap universiti itu.

Umpamanya dari segi bilangan nisbah tenaga pengajar dengan pelajar, misalnya, dan juga tentang kemudahan latihan klinikal ini. Adakah ini berlaku kerana kita kompromi untuk melahirkan ramai doktor, ramai pegawai perubatan bagi mengatasi kekurangan yang sedia ada ini, maka ini menyebabkan keadaan-keadaan yang Yang Berhormat sebutkan tadi? Terima kasih.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih jiran saya Yang Berhormat bagi Parit. Itulah saya katakan tadi ada keghairahan untuk mengurangkan nisbah di antara bilangan doktor dengan bilangan penduduk. Dan juga ada banyak keghairahan di kalangan ibu bapa untuk memastikan bahawa anak-anak mereka mengikuti jurusan profesional terutamanya bidang kedokteran kerana di dalam banyak keluarga mengikuti jurusan kedokteran ini, merupakan satu simbol kejayaan seseorang itu di dalam pencapaian akademik.

Saya rasa ini adalah faktor-faktor yang menyebabkan bahawa fakulti-fakulti perubatan sama ada di IPTA ataupun di IPTS begitu mendapat sambutan yang begitu hangat terutamanya di IPTA begitu kompetitif. Seinggakan di IPTA di Malaysia ini kalau seseorang itu mendapat kurang daripada *grade point average* 4.0, tidak akan layak untuk memasuki fakulti perubatan. Jadi, begitulah kompetitifnya untuk memasuki fakulti perubatan.

Saya harap, yang saya suarakan ini adalah suatu perkara yang realiti oleh kerana ini telah dibangkitkan sendiri oleh Ketua Pengarah Kesihatan. Ketua Pengarah Kesihatannya dalam satu kenyataan baru-baru lalu, beliau cukup kkuatir dengan kualiti graduan-graduan perubatan terutamanya yang keluar daripada IPTS yang semakin lama semakin menurun. Jadi ini pada saya bukan sahaja boleh menjadi satu kekhuatiran kepada kerajaan, tetapi juga harus menjadi kekhuatiran kepada rakyat.

Saya harap Kementerian Pengajian Tinggi harus bertegas dalam hal ini. Kalau mereka tidak menepati kriteria-kriteria yang telah dibuat, batalkan sahaja lesen mereka. Kerana kita tidak mahu berkompromi tentang kualiti graduan perubatan ataupun doktor-doktor yang kita hasilkan. Pada saya, kita jangan mengorak langkah ke belakang. Seharusnya ada universiti, terutama universiti yang mengajar perubatan di negara kita ini,

menjadi universiti yang ulung, bukan sahaja dari segi pengajaran perubatan tetapi juga dari segi penyelidikan perubatan. Yang kita lihat ini tidak berlaku, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini.

Satu lagi yang ingin saya sentuh ialah dasar yang dibuat oleh sama ada JPA ataupun MARA. Yang kita lihat JPA ataupun MARA menghantar terutama pelajar-pelajar bumiputera yang *cream, the top student, the top two hundred student* dihantarnya ke luar negara. Tetapi yang dihantarnya ke luar negara ialah dihantar ke Rusia, dihantar ke Indonesia. Pada saya ini adalah satu kerugian, pada saya pelajar-pelajar yang baik ini yang mendapat 10A, 11A ataupun matrikulasinya mendapat 4.0, kalau hendak hantar, hantar mereka ke fakulti perubatan yang tersohor di dunia sama ada hantar di Australia, hantar di Amerika ataupun hantar di UK.

Kalau tidak pun pastikan mereka belajar di universiti tempatan barulah mereka itu kompetitif. Kalau kita lihat pelajar yang dihantar ke universiti tempatan ini ialah pelajar-pelajar yang grednya ialah di pertengahan. Oleh itu pelajar bumiputera di fakulti perubatan di sini tidak boleh bertanding dengan bangsa asing kerana bangsa asing selain daripada bumiputera yang tinggal di sini ialah *the cream* tetapi bumiputera yang ada di sini ialah minta maaf saya katakan ialah bukan *the cream*, yang *the cream* telah dihantar ke Rusia, telah dihantar ke Indonesia pada saya ini satu kerugian. Lebih baik yang keputusannya tidak berapa baik ini kalau hantar, hantar ke Rusia atau hantar ke Indonesia, yang *cream* ini harus bertanding kerana *facility* kita di IPTA di sini sama ada Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia lebih baik daripada negara-negara yang saya sebutkan tadi.

Saya harap pihak JPA, pihak MARA harus berbincang dengan terutama dengan badan-badan profesional dengan doktor untuk mendapatkan input-input ini. Jangan kita rasakan bahawa kita sudah hantar mereka ke negara-negara ke luar negara tetapi pelaburan itu pada saya adalah satu kerugian yang sungguh besar kerana apabila mereka pulang bukan sahaja setengah mereka ijazah mereka tidak diiktiraf tetapi sukar untuk mereka untuk menjadi lebih cemerlang di dalam melakukan kepakaran selepas mendapat ijazah yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin sentuh sedikit soal yang berkaitan dengan Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan. Perkara ini memang telah banyak diperkatakan. Kita mendengar skim ini secara bermusim, walaupun perkara ini telah dibincangkan semenjak dalam tahun 1985 kita ingin tahu apakah kemajuan kajian pelaksanaan di Malaysia seperti mana tadi yang disentuh oleh Yang Berhormat Tanjong kita dengar benda ini telah dilantik berbagai-bagai perunding tetapi kita mahu tahu apakah status kajian pelaksanaan. Masih lagi di peringkat kajian sudah lebih 20 tahun masih lagi di peringkat kajian.

Kita mahu tahu bilakah SIKK ini Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan ingin dilaksanakan? Kita dengar sekali-sekali kenyataan dari Menteri, sekali-sekali ada kenyataan daripada Ketua Pengarah Kesihatan, apakah permasalahan utama sehingga pelaksanaan ini sehingga sekarang tidak dapat dijalankan? Adakah sistem ini tidak sesuai? Kita tahu kajian demi kajian telah dijalankan kita mahu diberitahu, adakah sistem ini tidak sesuai di negara ini? Adakah sistem ini dijalankan di negara lain gagal, jadi kita mahu tahu, apakah sebenarnya ataupun adakah pakar perunding yang telah dilantik tidak menjalankan kerjanya dengan baik. Kerana di dalam pengetahuan saya melalui sistem SIKK ini rakyat mempunyai pilihan sama ada mendapatkan rawatan di hospital kerajaan ataupun mendapatkan rawatan di hospital swasta.

Pada saya ini adalah satu opsyen yang sungguh baik kerana pada masa sekarang kalau kita lihat sedikit sebanyak terdapat diskriminasi. Kalau seseorang itu Tuan Yang di-Pertua mempunyai wang kalau kena telah di *diagnose* oleh doktor harus melakukan pintasan jantung kalau mempunyai wang esok pagi pintasan jantung itu boleh dijalankan tetapi kalau seseorang itu rakyat biasa yang mungkin tidak mempunyai wang dia pergi ke hospital kerajaan harus mengikut baris dan mungkin enam bulan atau setahun kemudian baru operasi ataupun pembedahan dijalankan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Kita dapati bahawa ada wujud tidak wujud sistem yang tidak berapa adil di sini. Yang kedua kita tahu bahawa oleh kerana

begitu *lucrative* begitu tarikannya begitu hebat banyak doktor-doktor pakar yang senior yang berpengalaman pergi ke pihak swasta. Melalui sistem ini SIKK ini Tuan Yang di-Pertua mungkin perkara ini dapat dikurangkan. Selain daripada itu kita lihat mungkin perkara yang berkaitan dengan tabung bantuan perubatan ini mungkin kalau adanya sistem ataupun pilihan rakyat untuk pergi sama ada hospital awam ataupun swasta mungkin tabung bantuan perubatan ini Tuan Yang di-Pertua tidak berapa perlu. Kerana setengah-setengah rakyat itu yang mengalami penyakit kronik ingin mendapatkan rawatan di hospital kerajaan tetapi tidak boleh kerana mungkin tidak ada kepakaran yang cukup ataupun tidak mempunyai alat yang cukup tetapi pilihan ini ada di hospital swasta. Pada saya kerajaan harus melihat keperluan SIKK kalau pelaksanaannya tidak praktikal. Kalau pelaksanaannya itu tidak sesuai di negara ini kita mahu tahu apakah sebab ia tidak sesuai?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat masa cukup.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua boleh saya cakap satu subjek sahaja lagi. Pada saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Satu minitlah.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Dalam masa satu dua minit. Pada saya subjek ini penting. Kita tahu bahawa dunia menghadapi sekarang ini dalam ketakutan dari hal yang berkaitan dengan wabak selesema burung. Ini saya *mention* sedikit sahaja kerana saya rasa bersalah kerana dunia ini terlalu berbincang tentang wabak selesema burung dan saya mempunyai kepakaran dalam hal ini harus saya sebut sedikit berkenaan wabak selesema burung. Kita tahu bahawa kita semua kluatir bahawa H5N1 ini akan membunuh ramai manusia. Yang ingin kita tahu apakah persediaan kerajaan Malaysia di dalam menghadapi wabak yang dijangka boleh berlaku bila-bila masa. Kita tahu bahawa mengikut sejarah impak penyakit ini dalam tahun 1918 ialah *attack rate* ataupun kadar serangannya ialah 35%.

Kita melihat kalau kadar serangannya 35% berlaku di Malaysia hampir sembilan juta rakyat Malaysia akan masuk hospital dan sakit dan kes *fatality* ataupun kadar kematiannya ialah di antara satu peratus ke tiga peratus dan kalau ini berlaku hampir 300,000 rakyat Malaysia akan masuk. Apakah persediaan kita dari segi logistik, dari segi prasarana, dari segi komunikasi, apakah kita telah memberi komunikasi penerangan yang cukup kepada rakyat bawahan? Kita tahu dunia sedang membincangkan hal ini dan wabak selesema burung ini boleh berlaku bila-bila masa. Saya ingin mempertanyakan adakah *surveillance* atau pengawasan influenza manusia sudah rapi, sudah berapa banyakkah makmal yang boleh membuat diagnosis terhadap penyakit. Saya harap perkara-perkara ini Tuan Yang di-Pertua harus diperkemas.

Sudahkah kerajaan Malaysia membuat perjanjian dengan mana-mana vaksin *manufacturer* kalau berlakunya wabak supaya vaksin itu disalurkan ke Malaysia dahulu. Contohnya Singapura telah membuat perjanjian, New Zealand telah membuat perjanjian dengan contoh CSL, New Zealand mempunyai peruntukan sudah banyak empat juta telah membuat perjanjian sekiranya berlakunya wabak syarikat itu yang mengeluarkan vaksin itu harus memberi.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** ..... vaksin itu kepada New Zealand. Apakah persediaan kita? Adakah kita telah membuat perkara-perkara asasnya Tuan Yang di-Pertua. Sekian Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Segambut yang hadapan saya.

**3.48 ptg.**

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi saya ambil bahagian dalam usul

menyokong titah Diraja. Perkara nombor satu yang saya hendak sentuh tentang peranan GLC terutamanya MAS. Pada tanggal 27 Februari 2006 Syarikat Penerbangan Malaysia atau MAS telah mengumumkan kerugian bersih sebanyak RM1.3 bilion bagi tahun kewangan yang lalu. Pada masa yang sama pengurusan MAS juga telah mengumumkan pelan transformasi perniagaan. Jika kita mengimbas kembali pada era kegemilangan MAS pada tahun 1994 Pengerusi MAS ketika itu menyatakan bahawa MAS mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dengan dana tunai sebanyak RM3 bilion.

Tetapi kini 12 tahun kemudian, MAS dalam kedudukan kewangan yang begitu teruk. Operasi perniagaan telah merosot. Sebagai contoh selama 18 tahun, Tuan Yang di-Pertua, MAS masih menggunakan sistem penambahan berkomputer *abacus*. Persoalannya ialah bagaimana sebuah syarikat yang mempunyai hasil operasi RM8 bilion setahun boleh mencatatkan kerugian. Setiap ketua subsidiari MAS hanya memikirkan kepentingan subsidiari masing-masing iaitu tiap-tiap syarikat subsidiari mesti jaga mereka punya syarikat sebaik-baiknya.

Sebenarnya setiap bahagian atau subsidiari dari aspek kargo, *catering*, jualan atau pemasaran, kejuruteraan, jualan dan penerbangan mesti mempunyai sasaran masing-masing dari segi keuntungan bahagiannya. Kalau *target* tiap-tiap subsidiari lebih kurang RM100 bilion untuk setiap bahagian. Saya ingin menyarankan beberapa tindakan yang boleh membantu MAS. Pertama sekali, sistem penempahan berkomputer atau *abacus* perlu ditukarkan kepada sistem yang lebih canggih dan juga terkini. Kita juga perlu mencari orang yang paling sesuai untuk menerajui MAS, tidak kira bangsa Cina, India, Melayu atau jika perlu orang asing. Sebagai contohnya, Ketua BA atau *British Airway* adalah seorang warganegara Australia.

Dari segi operasi, MAS perlu tumpu kepada laluan penerbangan yang menguntungkan sahaja dengan menyetepikan isu lambang kemegahan negara dan politik. MAS juga perlu diberi kebebasan untuk membuat keputusan perniagaan yang tidak berdasarkan politik. MAS tidak harus diikat tangannya untuk membuat pilihan dan keputusan komersial. Berita terkini mengenai penyusunan semula laluan penerbangan domestik di antara MAS dan Air Asia amat dialu-alukan. Tetapi ianya tidak harus merugikan MAS, ini mungkin titik permulaan yang baik.

Seperkara lagi, MAS perlu menjalin kerjasama perniagaan dengan syarikat penerbangan yang lain di masa terdekat. Bila kita menyentuh isu pencapaian syarikat, kita tidak dapat lari daripada isu *accountability*. Pengurusan yang bertanggungjawab terhadap prestasi syarikat pengurusan dahulu MAS mestilah tunjuk sebab di dalam kes sebegini dan diambil tindakan undang-undang ke atas apa-apa kesalahan yang membawa MAS kepada kedudukan kewangan yang sekarang. Kerajaan harus menunjukkan bahawa ianya tidak akan berdiam diri terhadap pengurusan yang sengaja merugikan syarikat-syarikat berkaitan dengan kerajaan dan akan mengambil tindakan undang-undang.

Perkara kedua, Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Parlimen kawasan Kuala Lumpur iaitu kesesakan lalu lintas di bandar raya Kuala Lumpur. Saya ingin mengutarakan satu lagi isu yang lama telah jadi duri dalam daging warga kota Kuala Lumpur iaitu kesesakan lalu lintas di bandar raya Kuala Lumpur. Perkara ini kini telah menjadi lebih tenat baru-barunya, untuk contoh, adik saya kerja di Jalan Sultan Ismail. Dia kata kadang-kadang bila kesesakan kereta, bila dia balik lebih kurang pukul 6 petang, rumah dia di Kelana Jaya, mesti ambil satu jam setengah dari Jalan Sultan Ismail balik ke Kelana Jaya, satu jam setengah. Pergi balik tiga jam. Pihak kerajaan telah membelanjakan berbilion ringgit untuk membina, membangun dan menaik taraf banyak jalan raya di Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya.

Walau bagaimanapun, usaha kita tidak memadai kerana rakyat membeli kenderaan pada kadar yang begitu tinggi. Saya begitu kagum dan berpuas hati dengan pihak kerajaan yang telah mengambil langkah-langkah yang besar untuk memperbaiki dan menaik taraf sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur. Antara sistem pengangkutan umum yang baik ialah sistem Star, Putra LRT, Monorail dan juga KTM Komuter. Baru-baru ini Rapid telah melancarkan fasa kedua perkhidmatan bas untuk kawasan sekitar Kepong, Selayang, Gombak, Batu Caves dan Sentul. Ini adalah perkembangan yang sungguh baik dan amat dinantikan oleh warga kota.

Pengangkutan awam sememangnya lebih menyenangkan lagi dari segi kos hidup lebih-lebih lagi sejak kenaikan harga petrol dan diesel. Sebagai contoh, dengan hanya RM4 di dalam kocek, seseorang boleh menaiki Komuter untuk ke mana-mana lokasi di Klang Valley untuk satu hari sepenuhnya. Bukankah ini satu pencapaian yang amat disanjung rakyat? Walau bagaimanapun, untuk mempertingkatkan lagi mutu sistem pengangkutan di Kuala Lumpur, lebih-lebih lagi sistem bas Rapid, pihak kerajaan dan DBKL mesti mengambil langkah-langkah yang tegas untuk mengehendkan kemasukan kereta ke kawasan perniagaan utama iaitu dengan izin, *Central Business District*.

Perkara ini perlu dikaji dan dilaksanakan dengan cepat supaya sistem bas Rapid dapat memasuki kawasan perniagaan utama ini dengan mudah dan mengikut jadualnya, itu yang sangat penting, Tuan Yang di-Pertua. Kalau orang umum dipercayai sistem baru, ini mengikut jadualnya. Kalau janji 15 minit, mesti 15 minit. Ini akan menjadikan sistem ini diminati dan dipercayai ramai kerana jadualnya boleh diramal dengan cepat dan menjadi nadi utama yang menyambung kawasan persekitarannya ke kawasan perniagaan utama. Dengan pantas kita dapat menangani masalah kesesakan lalu lintas di kawasan perniagaan utama itu. Kebaiikannya bukan sahaja dapat mengurangkan kesesakan jalan raya tetapi juga dapat menggalakkan rakyat menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam.

Seperkara lagi saya juga selalu memerhatikan bahawa bas-bas antara bandar selalu menyebabkan .....

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Mohon izin, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]:** Ya, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Lipis sila.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Ini berkait dengan sistem pengangkutan awam yang ada di sekitar Kuala Lumpur, kita ada Komuter *train*, bas, dan LRT. Saya sebenarnya salah seorang daripada pengguna pengangkutan awam ini terutamanya Komuter dan LRT sampai sekarang. Ini kerana kalau saya hendak pergi ke bandar seorang, saya akan naik LRT atau Komuter. Masalah dengan Komuter *train* ini, satu, stesennya di sebelah sahaja, kalau di Serdang stesennya dekat sebelah *The Mines*, sebelah lagi satu, tidak ada. Jadi, kalau penduduk yang di sebelah lagi satu itu, bila dia hendak pergi, terpaksa pergi 5km atau 6km barulah sampai stesen. Jadi, ini tentulah menyebabkan tambang yang banyak.

Kemudian dari segi tandas pula, sekarang ini sudah dibayar, dulu percuma, sekarang ni kena bayar tapi macam lebih teruk daripada dulu tandasnya. Lagi satu dari segi tidak mesra pengguna, tidak ada *ramp*, dengan izin.

Kalau orang tualah, hendak naik tangga memang tidak boleh hendak pergi ke seberang jalan, *ramp* tidak ada. Sampai di mana-mana pun tidak ada saya lihat. Itu yang *commuter train*.

Kalau yang START LRT pula, tandas pun tidak ada. Tandas ada tetapi berkunci. Saya pernah sekali sakit perut sangat terpaksa berhenti, turun di stesen lain, selepas itu baru balik naik kereta api lambat. Jadi bagi saya, apa pun sistem yang hendak dibuat, penambahbaikan mesti mesra pengguna. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]:** Terima kasih atas komen-komen Ahli Yang Berhormat bagi Lipis. Saya sokong sepenuh-penuhnya. Kadang-kadang *planning* atau perancangan ini kurang baik. Saya bagi contoh di kawasan saya, Segambut. KTM *commuter* Segambut di jalan Segambut, dekat kilang Goh Ban Huat atau Tan Chong, tidak ada kawasan perumahan dekat sana, yang ada hanya tanah perkuburan dan bila saya bertanya apa sebab ada satu KTM *commuter station* di sana, jawapannya ialah pada zaman British ada satu *railway halt* di sana. So kita tetapkan sekarang satu *railway*, dengan izin. Saya pun tidak tahulah, mungkin Ahli Yang Berhormat bagi Lipis dan saya boleh buat perancangan yang lebih baik.

Bas-bas antara bandar selalu menyebabkan kesesakan lalu lintas di pusat bandar raya. Saya percaya anda semua selalu mendapati situasi yang amat kecoh di Jalan Pudu

berhampiran Puduraya di mana bas antara bandar yang ingin memasuki kompleks bas Puduraya atau yang ingin menurunkan penumpang di hadapan bangunan Maybank selalu menjadi punca utama kesesakan lalu lintas.

Selalunya pihak polis trafik terpaksa bertugas untuk mengawal keadaan pada waktu pagi dan selepas waktu pejabat. Perkara ini tidak boleh berterusan. Saya ingin menyeru agar lebih stesen bas alternatif digunakan sepenuhnya seperti stesen bas di Jalan Duta, Jalan Tun Razak dan juga Putra World Trade Center (PWTC). Selain daripada itu, masih ada banyak tanah kerajaan kita seperti di Jalan Cochrane dan Jalan Imbi perlulah dikaji agar dapat digunakan sebagai stesen perhentian bas alternatif untuk bas-bas antara bandar dari selatan. Saya menggesa agar pihak kerajaan tertentu mengambil tindakan yang sewajarnya dengan cepat.

Perkara yang ketiga ialah Skim Pembiayaan Penjagaan Kesihatan atau dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *National Health Financing Scheme (NHFS)*. Tadi kita dengar komen daripada rakan kita, Yang Berhormat bagi Gombak. Setiap orang harus memperoleh kemudahan untuk mendapatkan keperluan asasnya untuk menikmati kualiti kesihatan dalam kehidupan dan berupaya menikmati rawatan kesihatan bagi menjaga *spiritual* dan juga gaya hidup yang bersesuaian. Ini selaras dengan Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau United Nation.

Saya ingin ingatkan semua kepada Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, Perkara 25 yang menyatakan;

*“Setiap orang adalah berhak kepada suatu taraf hidup yang memadai bagi kesihatan dan kebajikan diri dan keluarganya termasuklah makanan, pakaian, perumahan dan pengawasan perubatan serta perkhidmatan sosial yang perlu dan berhak kepada perlindungan ketika berlakunya pengangguran, kesakitan, ketidakupayaan, keuzuran atau lain-lain kekurangan kehidupan dalam keadaan di luar kawalannya”*

Tuan Yang di-Pertua, dengan kos hidup dan kadar inflasi yang semakin meningkat, bukan sahaja di negara kita tetapi lain negara juga, ramai yang mengkhutiri bahawa kos perubatan juga akan meningkat, sejurusnya menjadi beban hidup mereka. Baru-baru ini Kementerian Kesihatan telah mengumumkan Skim Pembiayaan Penjagaan Kesihatan atau dengan izin, *National Health Financing Scheme* yang dipercayai akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Berikutan dengan perkembangan ini, saya ingin mengutarakan beberapa soalan yang saya harap telah dipertikaikan atau sedang dikaji buat masa ini.

- (i) Adakah pakar perunding telah dilantik untuk mengkaji semua aspek skim ini?
- (ii) Jika ya, bila kajian akan bermula dan bila kita akan mendapat laporan pakar runding?
- (iii) Apakah jaring keselamatan sosial untuk penduduk miskin, warga tua, ibu tunggal dan golongan lain?
- (iv) Di mana di Malaysia skim ini akan dilancarkan?
- (v) Apakah kadar kos yang mungkin akan diperkenalkan untuk pengguna atau pesakit?
- (vi) Adakah skim ini akan merangkumi pembedahan dan penyakit kronik seperti penyakit buah pinggang peringkat tenat, perubatan kanser dan sebagainya?

Saya berharap pihak Kementerian Kesihatan akan memberi penerangan yang memadai kepada rakyat dan mengadakan forum perbincangan serta dialog dengan kumpulan perubatan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]:** Ya. Satu minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]:** ...NGO dan persatuan pengguna. Langkah ini akan memastikan pandangan daripada kumpulan-kumpulan yang berkaitan ini dipertimbangkan sebelum skim ini dilancarkan sepenuhnya.

Dengan komen-komen itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya Usul Ucapan Titah Diraja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Seputeh.

#### 4.07 ptg.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat bagi kawasan Wangsa Maju yang dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan.

Walau bagaimanapun pada pandangan saya, cabaran terbesar bagi Menteri Wilayah Persekutuan yang baru ini ialah sama ada beliau boleh menjalankan tugasnya dengan mengikut undang-undang dan kebenaran tanpa melindungi kepentingan ahli-ahli parti ataupun kroni-kroni parti Barisan Nasional. Di sini saya ingin membangkitkan dua kes yang berlaku di kawasan saya yang menunjukkan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa komponen parti Barisan Nasional.

Kes pertama, bangunan setingkat UMNO Seputeh di Jalan Kuchai Lama. Bangunan setingkat UMNO Seputeh ini telah berada di tanah kerajaan selama beberapa tahun tetapi pihak DBKL dan kementerian tidak berani mengambil tindakan terhadap mereka hanya kerana bangunan itu Bangunan UMNO Seputeh, malah dibenarkan untuk membesarkan halaman semasa bekas Pengerusi UMNO Seputeh memegang jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menghairankan saya ialah Bangunan UMNO Seputeh sekarang telah menghalang pembinaan dua jejambat iaitu jejambat DBKL yang merentasi lampu trafik Jalan Kuchai Lama dan juga cadangan jejambat yang sepatutnya dibina oleh Road Builders yang menyambung Lebuhraya Sungai Besi ke New Pantai Expressway.

Jejambat DBKL sepatutnya siap pada bulan Jun tahun ini tetapi kedua-dua projek itu tidak dapat dijalankan kerana UMNO Seputeh enggan berpindah. Apakah kerajaan dan DBKL sanggup membenarkan UMNO Seputeh menghalang projek kerajaan? Sekiranya bangunan setingkat itu adalah bangunan DAP, apakah DBKL dan kementerian akan membenarkan DAP terus berbuat demikian?

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Bangunan UMNO Seputeh beroperasi di bawah nama Pusat Perkhidmatan Kawasan Parlimen Seputeh dan pihak Kementerian Wilayah Persekutuan ini ingin membina Bangunan UMNO Seputeh yang baru bagi mereka di Danau Desa di mana kerajaan membina dan membiayai bangunan baru bagi mereka. Bukankah ini *precedent* yang buruk sekali?

Pejabat saya dan pejabat kesemua Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan juga merupakan pusat perkhidmatan untuk rakyat di mana kawasan kami masing-masing. Apakah Kementerian Wilayah Persekutuan akan membina pusat perkhidmatan bagi kita semua? Tuan Yang di-Pertua, sekarang MCA juga mencontohi penyalahgunaan kuasa, UMNO Seputeh cuba mengalih halaman bangunan cawangan MCA, OUG yang terletak di Tanah Hijau ataupun *Green Belt* di Jalan Awan besar dengan merampas tempat letak kereta di sebelah bangunan OUG tersebut.

Pengerusi MCA di Wilayah Persekutuan, iaitu Yang Berhormat dari Bandar Tun Razak, telah datang ke tapak minta pekerja untuk memindah kontena pejabat MCA OUG ke tempat letak kereta di sebelahnya. Bukankah ini merupakan salah satu bentuk

penyalahgunaan kuasa. Apakah pendirian Kementerian Wilayah Persekutuan terhadap isu ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga tanya Menteri dan juga Timbalan Menteri Kementerian Wilayah Persekutuan, bilakah kerajaan akan menunaikan janjinya dengan membina rumah kos rendah untuk dijual kepada setinggan *KL Linear City*. Lebih kurang 200 keluarga setinggan ini masih menunggu rumah yang dijanjikan oleh bekas Menteri Wilayah Persekutuan dan juga Datuk Bandar pada tahun 2002.

Janji yang dibuat oleh mereka ialah kerajaan akan mencari tapak dan membina rumah kos rendah kepada mereka seperti apa yang termaktub dalam perjanjian jual beli yang dimeterai antara *KL Linear City* dengan para setinggan. Saya membangkitkan isu ini hampir tiap-tiap sidang pada 6 tahun yang lepas. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri yang baru ini boleh menyelesaikan masalah yang telah lama ini dan membuktikan kerajaan mengotai janji.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang lebuh raya KL – Putrajaya tengah dibina dengan jarak 2.3 meter daripada pinggir lebuh raya hingga ke rumah di Sri Petaling. Saya ingin tanya apakah dasar Kementerian Wilayah Persekutuan terhadap keperluan *set back* di antara lebuh raya bertingkat dengan rumah kediaman. Apakah Kementerian akan mengikut uniform building by-law (UBBL) secara membabi buta. Apakah yang UBBL ini hanya sesuai pada rumah kediaman sahaja. Apakah pendirian Kementerian Wilayah Persekutuan terhadap lebuh raya bertingkat dibina dengan jarak 2.3 meter dari rumah kediaman di Sri Petaling?

Apakah kelulusan rumah kediaman ini? Ia amat tidak adil kepada penduduk dan pembeli rumah yang membayar cukai pintu kepada DBKL. Kerana pihak kerajaan tempatan kelihatan tidak mempertahankan kepentingan mereka. Macam manakah Kementerian Wilayah Persekutuan mengelakkan perkara seperti ini daripada diulangi pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sekarang ingin mementingkan sektor pertanian. Ini dibayangkan dalam *budget* kita pada tahun ini dan juga tahun-tahun kebelakangan. Tetapi kesannya Kerajaan Negeri Melaka ini menutup 82 ladang penternakan babi, yang kebanyakannya telah beroperasi lebih daripada 20 lebih tahun di negeri Melaka, yang mana bercanggah dengan dasar Kerajaan Persekutuan.

Arahan penutupan ladang penternakan babi ini, bukan sahaja akan menjejaskan pekerjaan dan ekonomi lima ribu pekerja malah juga pengusaha ladang penternakan di negeri Melaka. Arahan daripada Kerajaan Negeri Melaka juga telah menyebabkan mereka menghadapi kesulitan untuk terus beroperasi. Para pengusaha ladang penternakan babi ini, menerima surat daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka tarikh 1 Mac tahun ini dan juga pihak berkuasa tempatan untuk menutup ladang penternakan babi mereka dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat mereka. Selepas notis ini dikeluarkan, Exco Negeri Melaka dari MCA Datuk Seah Kwi Tong mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Melaka akan melewatkan penutupan ladang penternakan babi, tetapi ladang penternakan babi yang diusahakan oleh Pengerusi Persatuan Penternak-penternak Negeri Melaka iaitu Chin Nam Yee, di Tanjung Minyak haruslah ditutup pada akhir bulan ini.

Selain itu para penternak babi ini juga amat kecewa terhadap kenyataan ADUN Datuk Seah Kwi Tong yang menuduh mereka tidak tahu bersyukur kepada MCA. Walhal MCA telah gagal mempertahankan ladang penternakan babi mereka. Pada minggu lepas Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan rombongan pemimpin DAP telah melawat ladang penternakan babi dan ayam yang diusahakan oleh Chin Nam Yee. Ladang penternakannya merupakan ladang penternakan yang terbesar dan yang amat mementingkan kebersihan dan kesihatan.

Air pembetulan di ladang babi dan ayam langsung tidak dialih ke sungai tetapi ia hanya di proses di halaman ladangnya. Bila kami berada di ladang penternakannya kami tidak menghidu bau binatang dan bau tahi babi kerana syarikat ini amat mementingkan pemeliharaan alam sekitar dan kebersihan di ladang penternakannya. Sehubungan dengan itu ladangnya juga diiktiraf sebagai ladang penternakan yang paling bersih dan yang paling patut dijadikan sebagai model ladang penternakan babi oleh Jabatan Alam Sekitar Melaka. Kenapakah Kerajaan Negeri Melaka begitu kuat ingin menutup ladang penternakannya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kota Melaka. Yang Berhormat ...

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi saya terdengar nama Datuk Seah Kwi Tong, dia Wakil Rakyat MCA. Sebenarnya tahu tidak Yang Berhormat, sudah banyak kali sebenarnya Datuk Seah Kwi Tong dia membantu bukan sahaja penternak di Ayer Salak. Tapi juga penternak-penternak khinzir di seluruh negeri Melaka.

Dan sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat ladang penternakan khinzir di Ayer Salak itu, tarikhnya telah pun ditangguhkan sehingga 30 April tahun ini. Daripada Mac sehingga 30 April dan jika tidak silap saya 30 April tahun ini. Dan itu adalah atas cadangan daripada Datuk Seah Kwi Tong. Jadi mengapa pula Yang Berhormat melontarkan kritikan ke atas Datuk Seah Kwi Tong pula? Minta penjelasan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Penjelasan saya ialah walaupun ia dilewatkan satu bulan tapi masih harus ditutup. Yang sekarang mereka tanya bagaimana mereka akan cari makan? Kerana mereka telah mengusahakan ladang penternakan babi selama 20 tahun lebih. Jadi haruslah mereka diberi kebenaran dan apakah Seah Kwi Tong yang perlu buat adalah memperjuangkan lesen kepada mereka untuk terus beroperasi khususnya ladang penternakan Chin Nam Yee.

Yang Berhormat Ketereh kalau Yang Berhormat Ketereh begitu liberal dan mengikut ucapannya pagi tadi Yang Berhormat Ketereh mungkin boleh mencadangkan yang semua ladang penternakan babi itu juga boleh dipindahkan kawasan Yang Berhormat. Itu saya akan puji Yang Berhormat Ketereh. Biar saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan babi bukan binatang halal dari sudut pandangan Islam.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ....

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Binatang ini memang telah menjadi industri dan makanan keperluan bagi masyarakat bukan Islam.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Dia tidak ada demokratik macam saya tadi, saya bagi ...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Okey, saya bagi....

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Sudah kena cabar dahulu baru bagi, jelas dia sikap penakut dalam diri. Dalam kawasan saya ada satu kampung Cina, Kampung Tokong namanya. Sekarang pun ada, dari kecil saya pergi ke kampung itu. Ada babi dekat situ, saya anak tok guru. Ayah saya tok guru, tok guru tahun 40. Saya naik pokok langsung bawah ada babi, saya naik pokok langsung. Sebab babi ini sebenarnya kita tidak boleh makan, tapi kalau bersentuh kita boleh samak, tiada masalah pun.

Sebab itu kata isu ini kadang-kadang hendak kena berhati-hati bila bercakap *by saying* dengan mengatakan kalau hendak berpindahlah ke Ketereh, apa maksud? Tempat saya tidak payah pindah pun memang sudah ada orang makan babi dekat situ. Makanlah kalau hendak makan dua puluh ekor ke, kaki ke, seratus ekor makanlah. Yang pentingnya ianya harus dikawal dengan baik dan jaga itu sahaja.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tadi yang dia kata pindah ke Seputeh, jadi saya cadangkan pindah ke Ketereh dan Ketereh juga ada penternakan babi. Itu sahaja, tapi saya berterima kasih saya rasa yang Ketua Menteri Negeri Melaka harus mencontohi sikap yang liberal Yang Berhormat Ketereh, ini kerana yang isu penutupan ladang penternakan babi di Melaka dibangkitkan sejak beberapa tahun. Jadi memang saya tidak faham kenapakah Kerajaan Negeri Melaka begitu tertutup fikiran mereka terhadap binatang yang juga diciptakannya oleh Tuhan ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kerajaan ingin membangunkan industri pertanian sama ada kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan pun harus mempunyai tanggungjawab untuk menghulurkan bantuan kepada para penternak babi kerana sektor penternakan telah menjana pekerjaan dan peluang ekonomi di negara kita. Selain itu babi di Malaysia juga di eksport ke Singapura, dan ini juga mendatangkan dana asing kepada

kita. Memandangkan para penternak babi dari Melaka telah menghantar memorandum kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya menyeru Perdana Menteri dan juga Kementerian Pertanian boleh memandang serius terhadap dilema penternak babi di Melaka yang kini menghadapi penindasan dan kesusahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa amat kesal terhadap siri kritikan yang dilemparkan oleh Ahli Yang Berhormat dari UMNO terhadap saya dalam isu klip MMS ketuk ketampi, dalam telefon bergerak dan juga bantahan mereka terhadap cadangan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Pasukan Polis dan Perdana Menteri untuk menubuhkan IPCMC. Saya juga amat kesal terhadap komen dan kritikan yang penuh bau perkauman oleh beberapa Ahli Parlimen dan Senator UMNO terhadap saya apabila mangsa perempuan dalam klip MMS ketuk ketampi itu didapati bukannya warga Cina tetapi gadis Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, isu klip MMS ketuk ketampi ini langsung tiada kaitan dengan kaum. Apabila saya bangkitkan perkara ini dalam sidang akhbar di lobi Parlimen, saya tidak pernah sebut yang gadis itu dari negeri China. Saya selalu berkata bahawa saya tidak kenal gadis dalam klip MMS, tetapi dia sudah tentu bukan salah seorang daripada empat warga Cina yang telah membuat laporan polis tentang penyalahgunaan polis di Sungai Buloh dalam tempoh cuti Hari Raya tahun yang lepas. Jadi tuduhan Yang Berhormat UMNO yang mengatakan saya memesongkan Kerajaan Malaysia dan China dalam hal ini adalah amat tidak bertanggungjawab. Sebenarnya mangsa gadis dalam klip MMS akhirnya didapati gadis Melayu menunjukkan orang yang menjadi mangsa penyalahgunaan kuasa polis merentasi semua kaum termasuk juga orang Melayu. Jadi kita sebagai Wakil Rakyat, sepatutnya mempertahankan hak dan maruah semua orang tanpa kira warna kulit.

Saya ingin tanya perasaan Yang Berhormat-Yang Berhormat UMNO yang mengkritik saya kerana membangkitkan isu ini. Sekiranya watak dalam klip MMS ketuk ketampi adalah isteri ataupun anak perempuan Yang Berhormat sendiri, apakah perasaan Yang Berhormat dan apakah Yang Berhormat masih membuat tuduhan terhadap saya?

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat dari UMNO berkata bahawa pasukan polis kita memang mempunyai mekanisme dalaman untuk mengendalikan masalah disiplin di PDRM. Tapi masalahnya mekanisme dalaman ini telah pun gagal kerana anggota polis dalam Unit Tatatertib memang menghadapi masalah untuk menjalankan siasatan terhadap rakan polis yang melakukan kesalahan dan rasuah. Saya ingin mengambil contoh-contoh penyalahgunaan kuasa polis yang telah saya bangkitkan dalam beberapa bulan yang lepas untuk membuktikan kenyataan saya. Misalnya kes empat warga Cina yang disalah tangkap oleh polis selama empat malam itu. Mereka telah membuat laporan polis, nombor laporan polis adalah Petaling Jaya/013617/05 dan telah membuat laporan kepada Bahagian Tatatertib di Bukit Aman. Mereka juga telah dipanggil untuk mengemukakan pegawai polis yang terlibat mengambil rasuah dan menyalahgunakan kuasa mereka semasa mereka di tahan.

Mereka telah banyak kali dipanggil oleh polis untuk rekod kenyataan. Tetapi akhirnya tiada apa-apa tindakan diambil oleh polis sehingga sekarang. Bila saya tanya perkara ini di Parlimen pada minggu lepas, jawapan yang saya terima ialah kes ini masih dalam siasatan polis. Apa lagi siasatan? Apakah polis perlu empat bulan untuk menyiasat kes yang begitu *simple* ini? Apakah ini menunjukkan bahawa pihak polis memang tidak ingin mengambil tindakan terhadap orang sendiri?

Begitu juga dengan beberapa kes lain yang berhubung dengan salah laku polis seperti kes Puan Norizan dan dua orang anak perempuannya. Laporan polis THSL/035409/05 dan THSL/035456/05 dan juga kes *transaction* Mumtaz laporan polis THSL/035456/05 dan juga kes dua orang Iran Murthisa dan Hamid laporan polis Subang Jaya/007908/05 dan juga Dang Wangi/036045/05. Kesemua kes yang pernah dibangkitkan oleh saya dalam beberapa bulan yang lepas langsung tidak diambil tindakan oleh polis selepas laporan polis, selepas laporan kepada Unit Tatatertib dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju bahawa PDRM telah membuat banyak sumbangan kepada negara dan juga rakyat dan juga gaji dan layanan yang mereka ada sekarang haruslah dipertingkatkan. Perkara ini telah pun banyak kali diperkatakan oleh saya dan rakan-rakan saya sama ada di parti pembangkang DAP ataupun DAPM. Tapi pihak polis tidak boleh memberi alasan bahawa IPCMC tidak harus ditubuhkan hanya

kerana gaji mereka rendah, ini adalah kerana dua perkara yang berbeza. Seorang yang miskin tidak berhak berkata mereka diberi lesen untuk melakukan jenayah hanya kerana dia miskin. Selain itu, golongan yang memberi sumbangan kepada negara dan masyarakat bukan terhad kepada polis sahaja. Macam mana dengan askar, tentera kita, macam mana dengan pegawai kerajaan kita dan juga kita sebagai wakil rakyat juga telah memberi banyak sumbangan kepada masyarakat dan negara, tetapi kita tidak dibenarkan menyalahgunakan kuasa kita sesuka hati hanya kerana kita telah memberi sumbangan kepada negara dan masyarakat. Sebagai wakil rakyat sekiranya kita melakukan kesalahan dan jenayah, kita akan dihukum oleh parti lawan dan rakyat dalam pilihan raya umum yang akan datang. Ini adalah mekanisme *check and balance* terhadap ahli politik. Masalah kita sekarang ialah tiada apa-apa mekanisme luaran yang boleh *check and balance* pasukan polis kita.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Seputeh boleh gulung.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya. Mekanisme luaran seperti BPR, Biro Pengaduan di JPM dan SUHAKAM memang jelas adalah 'harimau tanpa taring' yang langsung tiada kuasa penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan daripada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat UMNO bahawa DAP sebagai parti pembangkang yang membantah segala-gala cadangan dan dasar daripada BN. Sebenarnya kalau kita lihat ucapan dan kenyataan daripada ahli-ahli UMNO ini adalah jelas yang membelakangkan ikhtiar Presiden Parti UMNO dan Perdana Menteri adalah *back-benchers* UMNO sendiri. Tetapi sebaliknya orang yang menyokong agenda, reformasi dan pembaharuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah Ketua Pembangkang dan DAP. Apabila Perdana Menteri kata bahawa kerajaan ingin membanteras rasuah dan melicinkan sistem penghantaran di kalangan agensi kerajaan dan juga menubuhkan IPCMC, DAP menyokong semua cadangan Perdana Menteri, tetapi kesalnya yang membantah ialah *back-benchers* UMNO. Apakah ini menunjukkan Perdana Menteri kita adalah begitu *alone* dalam perjuangan politiknya kerana ahli-ahli politik UMNO mengecewakan tujuan dan menghalang agenda pembaharuannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tidak berpuas hati dengan tindakan *double standard* oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri terhadap China Press dalam isu klip MMS ketuk ketampi. Dua orang penyunting akhbar China Press dipaksa meletakkan jawatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat masa cukup.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya akan gulung. Dipaksa meletakkan jawatan kerana edisi dalam akhbar itu membuat kesilapan menceritakan watak dalam klip MMS isu ketuk ketampi itu adalah gadis dari negeri China. Isu sekarang ialah surat khabar kepunyaan UMNO, seperti The New Straits Times dan Utusan Malaysia juga membuat kesilapan yang sama pada 25 November 2005, tetapi tiada apa-apa tindakan diambil terhadap mereka.

Saya ingin tunjuk kepada Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah bukti, Utusan Malaysia dan ini *front page* muka hadapan "rakaman video rakyat Cina bogel hangatkan Parlimen". Ini keluar dalam Utusan Malaysia. Begitu juga dalam New Straits Times "*video clip of woman from China ordered to strip and ear-squat raises the ears of MPs*". Ini semua keluar tetapi kenapa tidak ada tindakan diambil terhadap mereka? Pada pandangan saya tiada tindakan yang harus diambil oleh kementerian terhadap kedua-dua akhbar ini begitu juga dengan terhadap China Press.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah yang terhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...kerana tindakan kerajaan yang *double standard* ini. Memang telah pun merosakkan imej Perdana Menteri yang menunjukkan beliau adalah liberal dan juga yang lebih liberal dan menyokong demokrasi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah cukup Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Akhirnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Berapa kali akhir?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Akhir...dua soalan sahaja. Hanya mengemukakan dua soalan sahaja. Saya tanya sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jangan baca.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Dua soalan kepada Presiden MCA dan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan:

- (i) Rang Undang-undang tentang *Building And Common Property (Maintenance and Management)* yang telah dibangkitkan oleh menteri sendiri selama 4 tahun. Macam manakah tentang Rang Undang-undang ini? Kenapakah masih tidak dibentangkan di Parlimen?
- (ii) Syarikat Perumahan Negara (SPN) ialah badan menyelamatkan projek perumahan yang diabaikan. Saya ingin minta kementerian memberi pecahan projek perumahan yang telah dipulihkan oleh SPN dan berapakah kos yang dibayar oleh SPN untuk menyelamatkan setiap projek perumahan yang terbengkalai?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bolehlah. Cukuplah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih atas kesabaran Tuan Yang di-Pertua kerana saya telah cuba sedaya upaya untuk memperjuangkan surat khabar kepunyaan MCA. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Yang Berhormat bagi Lipis cakap.

#### 4.27 ptg.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian dalam menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong....

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sabak Bernam hendak minta penjelasan?

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Belum lagi. Baru mula. Jadi perkara pertama yang disentuh rasa saya tentang sistem *delivery*. Jadi dalam konteks ini apa yang saya lihat antara perkara yang menyebabkan sistem *delivery* kerajaan menjadi kurang berkesan selain daripada ketidakfahaman terhadap dasar kerajaan itu sendiri ialah ketidakcukupan pegawai. Kalau kita tengok sekarang ini banyak jabatan yang memerlukan ataupun terpaksa menjalankan tugas penguatkuasaan tapi dalam kebanyakan jabatan rasa saya pegawai penguat kuasalah yang paling kurang sekali. Sebagai contohnya kalau kita lihat Jabatan Polis sendiri di Jabatan Narkotik dan Siasatan Jenayah daripada laporan akhbar terdapat 10 ribu anggota yang tidak cukup. Jadi kalau sudah ada anggota-anggota terpaksa menjalankan satu setengah atau dua kerja. Kerja sendiri kemudian terpaksa memangku pula kerja orang lain bagaimanakah sistem *delivery* ini hendak menjadi berkesan.

Kedua, berkaitan dengan sistem *delivery* juga terutamanya dalam bidang pertanian, saya lihat dasar pertanian selepas dua tahun, rasa saya bulan Mac ini sudah dua tahun, Parlimen Kesebelas, Dasar Pertanian Negara diumumkan dan banyak peruntukan telah diberi kepada pertanian. Tapi saya lihat orang kampung masih menunggu lagi tiada apa yang berlaku. Masih menunggu.

Jadi, saya lihat dasar ini dari segi pelaksanaannya macam kapal terbang yang tidak *landing*, berputar berlegar-legar hendak turun ke lapangan terbang tetapi tidak turun-

turun. Saya tidak tahulah sampai bila. Tunggu sampai minyaknya habis, jatuh sendiri. Itulah dia Dasar Pertanian Negara.

Kemudian, saya anggap juga dasar ini dari segi pelaksanaannya macam *spotlight* menyuluh ke atas. *Spotlight* menyuluh ke langit. Kita lihat daripada jauh, cantik. Yang Berhormat Menterinya banyak bercakap dan rasa banyak idea dan bersungguh-sungguh untuk melaksanakan Dasar Pertanian Negara, terutamanya untuk meningkatkan pendapatan bagi orang-orang kampung atau petani-petani di luar bandar. Tetapi bila kita dekat, pergi dekat dengan lampu atau *spot light* ini gelap. Tidak tahu apa hendak buat bahkan pegawai-pegawai pelaksana di peringkat akar umbi sendiri pun tidak tahu. Kadang-kadang bila kita tanya dia tidak tahu apa yang sepatutnya mereka buat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** [Bangun]

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Jadi, apa saya harapkan di sini satu penstrukturan semula atau satu perubahan besar mesti dibuat kepada agensi-agensi yang ada dalam jabatan atau dalam sektor pertanian ini. Sila.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Saya hendak merujuk kepada ucapan Yang Berhormat bagi Lipis tadi berkaitan dengan *delivery system*, dengan izin, khususnya di dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi bahawa apabila menteri mengumumkan dalam tahun 2006, ada lebih kurang RM2.8 bilion yang diperuntukkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi membangunkan sektor tersebut. Sudah tentulah rakyat khususnya di luar bandar, yang rata-rata menjadi petani dan nelayan mengharapkan sebahagian besar daripada peruntukan itu turun di kawasan luar bandar. Tetapi sedarkah Yang Berhormat, sebagai contoh, di kawasan Parlimen saya, kawasan Parlimen Parit dalam tahun 2005, bantuan yang disampaikan ataupun yang diterima oleh mereka yang berpendapatan rendah ini, khususnya yang miskin ini terlalu kecil.

Saya berikan contohnya di sini, Yang Berhormat. Bantuan lembu betina dalam Skim Bantuan Ternakan ini ada 15 ekor sahaja untuk penduduk yang berjumlah 80,000 tadi, mungkin semua tidak layak tetapi 15 ekor iaitu lembu jantan 5 ekor, kerbau betina 16 ekor, kambing jantan 2 ekor, kerbau jantan 5 ekor dan kerbau betina 20 ekor. Jadi apa pandangan Yang Berhormat, adakah ini menunjukkan kesungguhan kita untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan daripada pihak kerajaan khususnya dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Terima kasih.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Parit. Sebenarnya keadaan itu rasa saya bukan sahaja berlaku di dalam kawasan Parlimen Yang Berhormat, kawasan saya pun begitu dan saya rasa di kebanyakan kawasan yang terletak di luar bandar pun keadaan itu sama berlaku. Kalau tidak takkanlah apabila ada perjumpaan dan sebagainya banyak Ahli Parlimen yang menyuarakan tentang kelemahan sistem penyampaian yang ada dalam sektor pertanian ini.

Bagi saya, sekali lagi saya tekankan di sini, di samping menerangkan dengan jelas kepada pegawai-pegawai di peringkat akar umbi tentang dasar atau cara pelaksanaan yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Perdana Menteri tentang pertanian ini, perubahan dari segi sikap dan sebagainya, penstrukturan semula dari segi pegawai perlu dibuat secara bersungguh-sungguh. Kalau tidak saya rasa sektor pertanian kita ini tidak ke mana. Habis Parlimen Kesebelas pun, saya rasa macam itulah.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** [Bangun]

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Jadi, *spot light* yang saya katakan tadi, akhirnya dia padam sendiri mungkin kalau elektrik sudah habis. Terus gelap. Daripada gelap sekeliling terus gelap semua sekali. Kita mintalah pihak yang berwajib fikir-fikirlah perkara ini. Kalau hendak memastikan pertanian menjadi *the third growth*, dengan izin, dari segi ekonomi. Buatlah bersungguh-sungguh. Okay, sila Yang Berhormat bagi Sekijang.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Lipis. Saya tertarik hati dengan ucapan Yang Berhormat tadi tentang sistem *delivery* Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini.

Saya hendak bertanya pendapat Yang Berhormat sendiri, pada tahun 2005 yang lalu, Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sendiri telah pun meluluskan projek di kawasan saya sebanyak RM50,000. Selepas itu, dia minta kita *reply* balik, kita pun hantarliah balik. Lepas itu kita tunggu sekali lagi, bila kita tanya dia kata tidak terima. Dia minta kita hantar sekali lagi dan kita hantar sekali lagi sampai kepada hujung tahun, sampai hari ini kita tanya ibu pejabat, ibu pejabat kata negeri, negeri kata ibu pejabat, ibu pejabat kata negeri, sampai ke hari ini tidak sampai lagi. Dan, baru-baru ini sampai lagi satu surat kata hendak bagi sekali lagi.

Saya sudah *workout* dengan Jabatan Parit dan Saliran hendak buat kolam. Sudah janji dengan persatuan belia dengan apa, dan minta JPS mengurus dan sebagainya. Saya rasa malulah perkara ini. Jadi, apa pendapat Yang Berhormat mengenai sistem *delivery* kita ini?

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Yang ini pun saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Sekijang. Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pun pernah menghantar surat kepada jabatan kerajaan tentang projek dan sebagainya, mereka tidak terima. Selepas itu mereka beritahu saya bahawa saya tidak menghantar. Nasib baiklah sekarang ini saya buat sistem, kalau saya menghantar sendiri surat-surat itu, saya minta dia *sign* dan cop pada salinannya sebagai bukti bahawa saya ada hantar. Tetapi ini sepatutnya tidak berlaku dan inilah antara kelemahan yang terdapat dalam sistem *delivery* yang ada.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Saya hendak beralih ke satu tajuk yang lain iaitu dari segi...

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** [Bangun]

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Okey, saya bagi Yang Berhormat bagi Sabak Bernam dulu.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat bagi Lipis. Kita sebenarnya sudah banyak sangat bercakap mengenai *delivery system* yang memaparkan kelemahan-kelemahan pegawai kerajaan. Apa pandangan Yang Berhormat, kita minta pihak tertentu menulis sebuah buku kisah benar mengenai masalah *delivery system*.

Saya tengok setiap ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, dia ada kisah-kisah ini. Tetapi saya juga ingin menyatakan bahawa sebenarnya ini golongan yang kecil. Majoriti pegawai-pegawai ini adalah terdiri dari pegawai-pegawai yang baik. Saya boleh berikan banyak bukti tetapi dalam masa yang sama kita juga boleh membuktikan bahawa ada kumpulan tertentu ini yang merosakkan, kumpulan pegawai-pegawai yang baik ini. Oleh kerana itu saya ingin bertanya mereka ini yang jelas gagal dan menyeleweng sebenarnya mereka masih ada dalam perkhidmatan yang kumpulan ini dan mereka sering naik pangkat pula tu. Apakah pandangan Yang Berhormat terhadap kumpulan kecil ini supaya satu tindakan yang khusus dan drastik diambil perhatian supaya majoriti pegawai kerajaan yang melaksanakan amanah mereka dengan baik itu tidak tercemar nama mereka. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada 10 minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bagi kepada rakan saya Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Lipis. Sebenarnya saya pun hendak bercakap berkenaan dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam tadi. Memang ada sebilangan kecil sahaja. Contohnya di negeri Pahang di mana masalah pertanian ini berjalan dengan baik. Contohnya sekali surat sahaja sudah dapat menyelesaikan masalah-masalah. Jadi sebilangan kecil contohnya di Sekijang, Johor iaitu pertanian di Johor mengalami masalah tetapi tidak di negeri Pahang. Saya menyokong pendapat dari Yang Berhormat Sabak Bernam tadi berkenaan dengan *delivery system* yang mana di peringkat pertanian memang lancar di negeri Pahang. Terima kasih.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Kota dan Yang Berhormat Sabak Bernam. Sebenarnya memang kalau kita lihat, secara keseluruhannya tidaklah menjadi masalah sangat tetapi yang sikit-sikit ini lah kadang-kadang yang menyebabkan program tidak berjalan. Kalau surat tidak sampai, tentulah banyak implikasinya sebab kita ada *time frame* dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan sebagainya. Jadi sebab itulah rasa saya, keseluruhannya perlu dibetulkan barulah boleh sistem pertanian ini dapat berjalan dengan betul.

Saya ubah pada tajuk lain Tuan Yang di-Pertua iaitu dari segi keselamatan. Kalau kita lihat keselamatan negara kita tidak ada masalah, tip top. Ini kerana pasukan polis kita (PDRM) saya rasa sangat berkesan dalam jalankan tugas walaupun ada beberapa suara sumbang yang mengatakan itu dan ini tetapi secara keseluruhannya memang baik dan bagi saya tidak ada tolok bandingnya. Kalau tidak kita tidak boleh duduk di sini. Hendak berbahas pun tidak boleh kalau sistem Polis Diraja kita tidak baik. Tetapi ada satu lagi sistem pengawal keselamatan, Syarikat Kawalan Keselamatan di mana ini pun kita kena ambil perhatian kerana sekarang ini kalau kita tengok di pasar raya dan sebagainya kita tengok pengawal keselamatannya mukanya asing, tidak macam muka-muka yang biasa kita lihat iaitu muka-muka orang Malaysia. Lepas itu bila kita bertanya mereka pun tidak berapa pandai bercakap, bahasa Melayu tidak pandai bahasa Inggeris pandai sikit-sikit. Rupa-rupanya mereka ini orang-orang Nepal. Itulah pengawal keselamatan kita yang menjaga kedai, orang Nepal. Saya faham kerana dari segi psikologi dengan izin *psychology consideration* kita merasakan orang Nepal ni ialah orang Gurkha di mana orang Gurkha terkenal kerana kuat. Askar-askar bangsa Gurkha ini handal, setia dan sebagainya. Sebab itu kita ambil dia bekerja tetapi rasa saya...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** [Bangun]

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** ...sekejap ya, nanti saya bagi... rasa saya Nepal yang ada di Malaysia yang menjadi pengawal keselamatan itu hanya tinggal sejarah yang berbangsa Gurkha tu sekarang sudah tidak ada tentera Gurkha kalau ada pun mereka sudah berumur 70 tahun atau 80 tahun, dah tak dapat dah jadi pengawal keselamatan...yang ada sekarang ini hanyalah petani-petani daripada Nepal. Tetapi yang peliknya gaji yang diberikan kepada mereka dalam lingkungan RM1,000 ke RM1,100 mahal kalau pengawal keselamatan kita RM600 ke RM700 sahaja. Saya percaya kalau syarikat-syarikat keselamatan ini mengambil pengawal keselamatan daripada rakyat tempatan, macam saya dengar tadi tentera di mana ramai bekas tentera yang telah berhenti yang berumur 40 tahun, badan masih segar sedang mencari kerja. Kita tidak perlu orang Nepal ini dan mereka pula kelulusannya kalau rakyat Malaysia SPM atau PMR sekurang-kurangnya dan mereka cerdik dan cergas boleh bekerja kalau bagi gaji macam kita bagi kepada orang Nepal.

Jadi saya harap kementerian yang terlibat pastikanlah supaya pengambilan pengawal-pengawal keselamatan asing ini dikaji semula. Beri pada Yang Berhormat Ledang, silakan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih sahabat saya daripada Lipis. Satu minit sahaja tidak sampai pun. Satu aspek yang saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Lipis ialah tentang gaji. Di kawasan saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, saya menerima banyak aduan, kesalan, keluhan dan sebagainya daripada pengawal-pengawal keselamatan yang digajikan oleh syarikat-syarikat keselamatan ini dengan gaji yang amat rendah, bawah RM500 sebulan dan setiap hari kena bekerja selama 12 jam bukannya 8 jam. Pekerja biasa 8 jam. Saya berpendapat ini adalah satu layanan yang kejam. Bila saya *check* dengan kontraktor pembekal yang membekalkan pengawal keselamatan ini mereka menerima tender dengan harga rendah. Saya fikir ini kena kaji balik kalau mutu pengawal keselamatan hendak ditingkatkan tarafnya. Apa pandangan Yang Berhormat Lipis?

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Ledang. Itu memang saya bersetuju. Saya memang sangat setuju sebab sekarang ni bila tawaran tender yang diberi memang rendah. Saya bertanya kepada beberapa syarikat keselamatan rendah jadi tidak ada pilihan maka mereka terpaksa menerima, kalau tidak mereka tidak ada kerja pula. Kesannya syarikat ini akan beri pengawal keselamatan pun pengawal yang bermutu rendahlah. Ada yang sudah duduk

terutamanya kalau tengok di sekolah-sekolah, pengawal keselamatannya ada tetapi buat syarat sahaja. Ini macam hendak buat pertunjukan sahaja. Mata pun sudah pejam separuh kerana mengantuk, jadi pengawal keselamatan. Itu sebab kadang-kadang sistem itu menjadi tidak berkesan. Sebab itu kita berharap, Jabatan-jabatan yang terlibat dengan kawalan keselamatan dengan menyediakan kontrak, fikirlah. Sekarang ini menoreh getah pun lebih mahal dan lebih banyak dapat. Jadi macam mana kita hendak dapat pengawal keselamatan yang menyeluruh dan bermutu tinggi.

Saya hendak mengubah kepada satu lagi tajuk Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan sistem pengangkutan awam. Tadi saya telah mencelah sekali tetapi rasa belum habis lagi. Ini dari segi perancangan. Kalau saya lihat sebagai contoh yang paling baiklah dari segi perancangan yang tidak betul ini iaitu Stesen Sentral. Kita ada kereta api Komuter, kita ada LRT lepas tu kereta api laju semuanya duduk di bawah satu bumbung. Tetapi bagi Monorel penghujungnya di Jalan Brickfields, Jalan Tun Sambanthan. Jadi pengguna bila turun pada Komuter di Stesen Sentral terpaksa jauh berjalan kaki padahal masa dibuat Stesen Central itu sepatutnya Monorel itu dirancang bersama. Jadi sekarang tinggal sekerat. Bila hari hujan pengguna kena berjalan saya rasa hampir 500 meter untuk sampai. Ini memang tidak mesra pengguna langsung.

Jadi, saya rasa dengan adanya peruntukan RM4.4 bilion itu perkara-perkara ini harus diambil kira dan pastikanlah sistem pengangkutan awam yang ada di Malaysia ini benar-benar bermutu maka barulah kita boleh menggalakkan orang ramai meninggalkan kereta mereka dan menaiki pengangkutan awam yang ada.

Begitu juga dengan di stesen... ini berkaitan dengan teksi. Kita turun dari stesen kereta api kita hendak sampai ke rumah kita kena naik...kadang-kadang *feeder bus* nya tidak ada. Ada teksi, teksi pulak..saya pernah..pasal saya memang banyak menggunakan pengangkutan awam ini. Naik teksi tiga orang dia caj RM5, seorang RM5, dua orang pun RM5, kalau naik empat orang satu teksi pun.. RM5 dia tidak pakai meter.

Tambang patutnya kita menjadi murah tetapi menjadi semakin mahal kerana cara yang tidak betul. Saya hendak pergi lagi satu tajuk.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa cukup Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Masa cukup, ada satu lagi. Ini mengenai dengan dalam sektor pembinaan Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat pembinaan ini dari segi cukai pendapatan, pencukaian pendapatan pembinaan. Ini kata dia menurut kaedah yang disarankan iaitu kaedah MASB 7. MASB 7 saya rasa orang yang terlibat dengan pembinaan lebih tahu lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa mesej hendak disampaikan? Cepat sedikit.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Di sini, apa yang saya hendak sampaikan ialah kadang-kadang cukai yang dikenakan itu dilonggok sekali walaupun dia tidak mengira tentang duit yang dipaksa ditahankan *defect period* dan sebagainya jadi menyebabkan ada syarikat yang terpaksa membayar cukai yang banyak selonggok pada sesuatu masa, pada sesuatu tahun. Akhirnya sebab saya tengok Tuan Yang di-Pertua, minta cepat, jadi saya gulung saya tutup ucapan saya. Apa yang saya minta supaya perhatian yang serius harus diberi kepada sistem penyampaian tadi begitu juga dengan kawalan keselamatan. Syarikat-syarikat pengawalan keselamatan ini pastikanlah bahawa keutamaan ataupun kalau boleh tidak ada langsung orang luar menjadi pegawai keselamatan. Kita sanggup mempertaruhkan nyawa kita pada orang lain dan gaji mesti diberi gaji minimum dan sebagainya, sekian saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Parit.

**4.52 ptg**

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam menyampaikan ucapan terima kasih di atas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seperti yang diusulkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menyebut dalam usaha kita membangunkan negara, rakyat perlu meningkatkan keutuhan dan kewibawaan diri atau integriti dan perkara kedua yang disentuh oleh Seri Paduka Baginda

ialah usul yang penting untuk meningkatkan jati diri. Ia berkaitan dengan isu jati diri Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan kedudukan dan martabat bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak sesiapa pun di Dewan yang mulia ini boleh menafikan taraf bahasa Melayu yang telah termaktub di dalam Perlembagaan negara khususnya Artikel 152 yang menjadikan bahasa Melayu ini sebagai bahasa rasmi negara. Kedudukan yang dicapai setakat ini adalah merupakan satu daripada perkara yang diperjuangkan oleh pejuang-pejuang kemerdekaan dan nasionalis-nasionalis negara. Mereka telah berjaya meletakkan bahasa Melayu ini ke taraf yang dihormati lagi disegani. Daripada bahasa Melayu ini asalnya sebagai bahasa di sekolah atas ataupun sekolah rendah hingga menjadi bahasa pengantaraan di sekolah menengah dan akhirnya ke menara gading. Hasil perjuangan pejuang-pejuang bahasa ini, akhirnya telah menjadikan kerajaan meluluskan Akta Pelajaran 1991 yang menjadikan bahasa Melayu itu sebagai bahasa pengantar di sekolah.

Dalam hal ini kita haruslah menyanjung tinggi dan mengucapkan terima kasih kepada pejuang-pejuang bahasa, pemimpin-pemimpin politik, tokoh-tokoh pendidik yang begitu bersemangat yang begitu kasih dan sayang kepada bahasa Malaysia hingga sampai ke puncak yang saya sebutkan tadi. Kemuncak kepada perjuangan menjadikan bahasa Melayu ini sebagai bahasa yang berdaulat, ialah lahirnya Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1970 yang mana saya rasa ramai juga sebahagian daripada anggota Dewan ini yang merupakan siswazah ataupun graduan daripada universiti yang berkenaan, di mana di Universiti Kebangsaan di waktu itu menggunakan 100% bahasa Melayu sebagai bahasa pengantaraan. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi kebimbangan dan kerisauan saya sekarang ialah kedudukan bahasa Melayu pada hari ini nampaknya tidak benar-benar 100% di martabatkan sebagai bahasa utama negara.

Apabila menyebutkan soal kedudukan bahasa Melayu ini, saya tidak mempertikaikan tentang pentingnya bahasa lain dipelajari di negara kita, khususnya bahasa Inggeris yang merupakan bahasa antarabangsa yang digunakan di persidangan-persidangan antarabangsa, dalam perhubungan politik, perhubungan perniagaan dan apa sahaja. Begitu juga saya tidak mempertikaikan juga penggunaan bahasa Mandarin dan lain-lain bahasa.

Apa yang saya perhatikan ialah kedudukan pada hari ini seolah-olah bahasa utama negara ini tidak digilap dan dipelihara sepenuhnya dan dihormati sepenuhnya sebagai bahasa utama negara. Adakah bahasa ini merupakan bahasa yang diiktiraf sebagai bahasa ilmu 100% di IPTA dan IPTS di negara ini ataupun sudahkah ia diterima menjadi sebagai bahasa perdagangan dan teknologi atau bahasa yang dipakai di institusi-institusi kewangan dan perbankan negara atau bahasa yang menjadi kebanggaan semua orang.

Bertutur dengan megah sama ada dengan sesama kita mahupun pelancong yang datang ke negara kita, ini yang menjadi persoalan Tuan Yang di-Pertua. Sebaliknya apa yang kita perhatikan yang sedang berlaku ialah bahasa Melayu yang dahulunya begitu perkasa terutama di era kita menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia seperti yang saya sebutkan tadi sudah tidak seperkasa dahulu lagi. Martabat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang utama di IPTA sudah mula tercabar dan mula terhakis. Antara faktor yang menjadi dan perkara ini terhakis dan seolah-olah hilang kewibawaannya ialah pelaksanaan, pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris EPSMI di sekolah rendah dan sekolah menengah serta beberapa disiplin ilmu di IPTA menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya dan ini menyebabkan seolah-olah terhakisnya keunggulan bahasa Melayu di pusat-pusat pengajian tinggi.

Perkara lain yang sedang berlaku agak berleluasa ialah penggunaan bahasa rojak yang semakin meluas di media elektronik dan media cetak. Penggunaan bahasa rojak di media elektronik dan media cetak ini boleh menjatuhkan martabat dan nilai bahasa Melayu itu sendiri.

Saya tidak hairan misalnya kalau bahasa rojak ini digunakan di kedai-kedai kopi kerana itu tidak dipertontonkan di media elektronik. Tetapi hari ini kalau kita lihat program

televisyen misalnya, drama sama ada yang lebihnya drama di TV swasta, kita melihat kita tidak tahu drama ini drama yang menggunakan bahasa Melayukah atau drama yang menggunakan bahasa Inggeris? Saya tidak hairan, saya tidak runsing, kalau drama itu menggunakan 100% bahasa Inggeris kerana ini menunjukkan kita juga merupakan bangsa yang mahir berbahasa Inggeris. Tetapi yang menjadi kejanggalan kita ialah bercampur aduk. Saya amat malu misalnya kalau pendatang, pelancong daripada luar negeri bertanya ini drama apa? Drama bahasa Malaysia ke, drama bahasa Inggeris? Bercampur aduk, seolah-olah kita begitu megah bercakap bahasa rojak ini tidak berasa malu dan segan. Begitu juga peminjaman bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa Melayu dengan sewenang-wenangnya tanpa merujuk.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Minta laluan, Yang Berhormat bagi Kuala Krau.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Yang Berhormat bagi Kuala Krau sila.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih, saya ingin bertanya langkah RTM mengubahkan Infotainment kepada Inforia. Apakah pandangan Yang Berhormat terhadap perkataan "Inforia" itu, adakah bahasa Melayu atau campuran daripada bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris?

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Saya bukan pakar bahasa. Tetapi, setahu saya, perkataan "Info" itu berasal daripada bahasa Inggeris *information*. Jadi, informasi dijadikan bahasa Melayu. Jadi sekurang-kurangnya ia lebih baik daripada yang pertama itu tadi. Itu pandangan saya Infotainment. Inilah yang saya sebutkan Yang Berhormat bahawa kita dengan sewenang-wenangnya ikut selera kita menggunakan bahasa Inggeris seolah-olah tidak ada intilah dalam bahasa Melayu. Banyak lagi kita boleh sebut Tuan Yang di-Pertua. Jadi apa gunanya Dewan Bahasa dan Pustaka yang kita tubuhkan hampir 50 tahun dahulu. Bukankah ini tempat kita merujuk penggunaan istilah.

Apa guna Institut Terjemahan Negara yang dibangunkan untuk membangunkan bahasa Melayu memperluas dan mempermodenkan bahasa itu. Banyak lagi contoh, "advertensi", apa "advertensi"? *Advertisement* bahasa Inggeris, kenapa kita tidak pakai iklan? Apa bezanya iklan dan "advertensi" Yang Berhormat bagi Gerik? "Bajet". Apa beza "bajet" Tuan Yang di-Pertua dengan "belanjawan"? Saya tidak tahu. Kita suka menggunakan bahasa-bahasa ini dengan tidak mengambil kira jati diri kita dan dahulu ada Sure Heboh jadi apabila kita *complain* di Dewan Rakyat *complain* di kedai kopi *complain*, tukar. Ini menunjukkan kita tidak ada jati diri tidak ada semangat untuk mempertahankan bahasa kita. Ada lagi itu, hot fm, jadi apa benda hot fm, panas fm ke apa? 'Rakan cop' minta maaf kepada pihak polis. Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak minta sila? Seronok juga Yang Berhormat Timbalan Menteri minta laluan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Apa perkataan dengan Parlimen? Apa pandangan Yang Berhormat perkataan "Parlimen"?

[Ketawa]

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bijaksana, ada perkataan-perkataan yang memang tidak ada dalam *vocabulary* bahasa Melayu kerana institusi Parlimen itu satu yang asing dalam budaya Melayu, budaya Nusantara. Jadi kita boleh pinjam. Tetapi yang ada, yang saya pertikaikan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah yang ada. 'Rakan cop', kenapa tidak boleh pilih sahaja 'rakan polis'? Apakah *common* kita menggunakan rakan polis? Yang Berhormat bagi Tangga Batu hendak jadi pakar bahasa, sejak bila saya tidak tahu.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** [Bangun]

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Ya, Yang Berhormat, sila.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semenjak Yang Berhormat membahaskan usul ini saya tertarik kerana semua bahasan Yang Berhormat itu berkisar kepada penggunaan bahasa dan memartabatkan bahasa. Bahkan saya sendiri bersetuju terminologi atau penggunaan bahasa dan istilah yang diguna pakai. Dalam masa kita mempunyai istilah-istilah kita sendiri yang hala kita sendiri bunyi istilah kita sendiri, saya cukup bersetuju supaya jangan diguna pakai, istilah Eropah atau orang Putih. Jadi

umpamanya “bajet” Yang Berhormat sebut tadi. Baru ini sebenarnya dua tahun berturut-turut ini perkataan “bajet”, bahkan dalam perbahasan bajet yang lepas, saya tidak hendak menggunakan perkataan “bajet”, saya gunakan “belanjawan”.

“Belanjawan” telah digunakan berpuluh-puluh tahun. Jadi apa kata Yang Berhormat kita jemputkan orang Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memberi sedikit maklumat kepada Ahli Parlimen ini untuk memberi penjelasan, sebab saya berbincang dengan seorang pegawai kanan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka membawa cerita yang hampir sama dengan apa Yang Berhormat debat sekarang. Tiga minggu yang lepas, jawapannya ialah mengatakan setiap penggunaan bahasa yang hendak diguna pakai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka kata dia hendak dibincang oleh semua pihak termasuk ahli-ahli akademik daripada universiti-universiti sebelum digunakan dalam Dewan Bahasa dan Pustaka. Jadi dalam keadaan sedemikian, kenapa pula pihak akademia mengguna bahasa yang sepatutnya kita ada perkataan kita sendiri. Kalau tidak ada bahasa Melayu asli, sekurang-kurangnya daripada etnik-etnik dalam gugusan Malaysia ini mempunyai bahasa-bahasa yang mirip kepada bahasa asli kita, kenapa tidak dan kenapa menggunakan bahasa Inggeris ataupun bahasa lain?

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Inilah Yang Berhormat, yang menjadikan saya rusing dan tidak faham ini. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi bahawa kita di kepulauan Melayu, Kepulauan Nusantara ini inilah *root* kita. Inilah akar umbi kita. Jadi kita pinjam bahasa itu daripada kita mulakan bahasa Inggeris.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, siapakah yang bertanggungjawab mengawal penggunaan bahasa?

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Kalau mengikut yang saya faham Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga Kementerian Pelajaran. Jadi saya haraplah kepada pihak ini....

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Minta izin....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, orang lain, badan-badan lain tidak berhaklah untuk menggunakan sebarang bahasakah? Kalau begitu....

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Boleh mencadangkan Tuan Yang di-Pertua tetapi biar dihalusi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan Institut Terjemahan Negara. Kita telah belanja berjuta-juta ringgit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah, macam itulah sepatutnya.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Sila.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Parit. Saya tadi ke bilik air, tetapi apabila saya dengar perkataan “ITNM” itu Institut Terjemahan Negara Malaysia saya balik ke belakang. Sebab ITNM ini memang ditubuhkan selepas dia rasa pecahan daripada bahagian terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka buat ITNM Berhad - rasa saya. Jadi saya dengar cerita masa dia buat perjanjian ITNM ini sebagai syarikat kerajaan di bawah Kementerian Kewangan yang diperbadankan itu tidak ada satu perjanjian korporat. Jadi kesan dia sebagai sebuah syarikat kerajaan pula dia tidak dapat banyak kontrak-kontrak terjemahan ini daripada kementerian. Kementerian bagi kepada syarikat lain sedangkan rasa saya ITNM ini dari segi terjemahan setara, ini banyak terlibat dengan OIC, NAM dan lain-lain rasa saya boleh kita pergi. Lepas itu mereka mengadakan diploma dan sebagainya. Rasa saya macam mana ITNM ini hendak beroperasi kalau dia sendiri tidak ada wibawa, kewangan dia tidak cukup. Jadi macam mana itu Yang Berhormat bagi Parit?

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Pada pandangan saya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, apa sahaja institusi yang ditubuhkan mestilah berwibawa dan mesti diperkasakan. Kalau kita bersungguh-sungguh untuk melaksanakan matlamat dan hasrat penubuhan institusi tersebut. Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Lima minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Tuan Yang di-Pertua, jika perkara-perkara ini tidak dipandang serius, tidak dipantau dan dibendung, saya bimbang kesannya akan

membawa padah bahawa satu keyakinan rakyat terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara yang dahulu dihormati dan disanjung tinggi akan terhakis. Yang kedua bahasa Melayu juga akan terhakis daripada menjadi bahasa ilmu di IPTA lebih-lebih lagi di IPTS. Satu, boleh?

**Yang Berhormat Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat akan mencadangkan bukan sahaja Kementerian Pelajaran, bukan sahaja kementerian yang berkaitan dengan penguatkuasaan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kita ini, semua kementerian-kementerian lain supaya tidak menerima sebarang bentuk hubungan, saya hendak menyebut *correspondence* tadi...sebarang bentuk surat menyurat yang digunakan di dalam bahasa Inggeris. Adakah Yang Berhormat akan menyaran kepada kerajaan supaya tidak menerima langsung sama ada dari pihak swasta, NGO, ataupun sama-sama jabatan kerajaan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Itulah yang sewajarnya patut kita lakukan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh saya tambah sikit sebelum jawab? Sekali gus, terima kasih. Kita tahu bahawa sekarang ini kita hendak mendaulatkan bahasa Melayu, bahasa Malaysia. Perdana Menteri pun bercakap baru dua, tiga hari ini. Dan agensi kerajaan, RTM terutamanya, saya merasa hairan kita hari ini sedang menunggu, mendengar prestasi atlet kita di sukan Komanwel. Ini sebagai contoh. Ini adalah merupakan media rasmi kerajaan. Segala maklumat penyampaian melalui RTM,.. ya?

Yang menghairankan, pengulas sukan Komanwel di Kuala Lumpur, studio di Kuala Lumpur, yang kalau kita tengok sebelah pagi, sukan Komanwel yang sedang rancak berjalan ini, kalau kita hendak tahu perkembangan. Kita sudah dapat tiga pingat emas setakat ini, perak dan gangsa... dalam bahasa Inggeris! Sedangkan di studio, ulasan yang dibuat di Melbourne tengah malam pukul 12.00 malam, pukul 12.30, 1.30 pagi dalam bahasa Malaysia. Jadi bagaimana ini boleh berlaku sedangkan sepatutnya dibuat dalam bahasa Malaysia?

Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang dalam kita nak mendaulatkan bahasa ini? Jadi apakah patut RTM melihat perkara ini dengan lebih sensitif? Apakah ada arahan tentang ulasan yang dibuat itu? Terima kasih.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Yang Berhormat, saya harap Menteri Penerangan yang baru, mungkin dia terlepas pandang. Tapi kalau dia tanyakan sekarang agaknya mereka ini menghalakan penontonnya di Australia agaknya? Itulah jadinya. Jadi yang perkara akhir Tuan Yang di-Pertua, ialah penggunaan bahasa Melayu, penggunaan tulisan jawi. Saya menyanjung langkah yang dibuat oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ataupun KeKKWa, untuk membangunkan semula tulisan jawi. Kerana pada saya, tulisan jawi dan bahasa Melayu ini adalah sinonim, pinjam sikit bahasa Inggeris. [*Ketawa*]. Sama, sama seperti 'aur dengan tebing', seperti 'pokok dengan dahan'

Kerana asalnya Tuan Yang di-Pertua, bahasa Melayu ini ditulis dalam bahasa Jawi. Dia pinjam daripada bahasa Arab. Tetapi oleh kerana penjajah pada masa itu berminat untuk mengetahui budaya dan masyarakat Melayu, maka mereka belajar bahasa Melayu dan untuk memudahkan mereka, maka menulis dan memperkenalkan bahasa Melayu dalam tulisan rumi. Tulisan rumi untuk bahasa Melayu ini mula diperkenalkan dalam tahun 1800 kalau mengikut maklumat yang saya dapati.

Usaha menggunakan bahasa Melayu dengan menggunakan huruf rumi, huruf latin dibuat secara perseorangan oleh sarjana-sarjana Eropah yang tertarik kepada soal tata bahasa Melayu. Di antara orang Inggeris yang mula-mula sekali membincangkan soal ejaan bahasa Melayu ialah William Musdon dalam bukunya yang bernama "*A Grammar of the Malay Language*" yang diterbitkan di London, dalam tahun 1812. Daripada anggapan saya Tuan Yang di-Pertua, yang tidak membuat penyelidikan yang banyak ini, bahasa Melayu mula ditulis dalam tulisan rumi sekitar tahun yang berkenaan. Tapi akhirnya hari ini, tulisan jawi telah hampir terkubur. Nasib baiklah diselamatkan oleh Menteri KeKKWa yang cepat sedarnya tentang kehilangan bahasa Melayu ini.

Jadi saya mengalu-alukanlah sebelum terlambat supaya penggunaan bahasa Melayu ini diperluaskan dan kalau boleh pengajian mata pelajaran Agama Islam itu hendaklah menggunakan tulisan jawi, sama ada dalam peringkat sekolah rendah, sekolah menengah mahupun universiti. Itulah caranya kita boleh mengembangkan semula tulisan jawi ini ke dalam penggunaan yang meluas di negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, cukuplah. Yang Berhormat bagi Rembau.

#### 5.16 petang.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut sama membahaskan ucapan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda dan usulnya dibawa oleh Yang Berhormat daripada Kuala Pilah pada 14 Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin menyentuh satu, dua perkara iaitu soal memperluaskan akses prasekolah. Yang keduanya memperluaskan peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran selepas Sijil Pelajaran Malaysia.

Dalam Akta Pendidikan 1966, telah disebutkan bahawa Ilmu itu adalah penentu utama arah tujuan negara dan penyelamat bangsa. Dalam Akta tersebut juga, ada disebut bahawa pendidikan mempunyai peranan penting dalam menjayakan wawasan negara untuk mencapai taraf negara maju sepenuhnya dari segi kemajuan ekonomi, keadilan sosial dan kekuatan rohani, moral dan etika telah mewujudkan satu masyarakat yang bersepadu, demokratik, liberal dan dinamik. Jadi dalam hubungan ini, memperluaskan akses prasekolah sangat penting sebab satu kajian yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran Malaysia yang bertajuk dengan izin, "*The impact of pre-school intervention on primary pupils in Malaysia*", tahun 1996 menunjukkan bahawa ada perbezaan yang ketara, yang *significant* dari segi pencapaian kanak-kanak di Tahun 1 antara yang pernah mengikuti prasekolah dan yang tidak mengikuti prasekolah. Mereka yang pernah mengikuti prasekolah mendapat keputusan yang baik.

Persoalannya sekarang adalah akses kepada prasekolah ini, Kementerian Pelajaran Malaysia masih belum dapat memastikan akses ini kepada semua kanak-kanak dalam kumpulan umur lima tahun. Malah bilangan prasekolah yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia adalah kecil berbanding dengan prasekolah kendalian KEMAS, Jabatan Perpaduan Negara dan pihak swasta. Mendapatkan pendidikan prasekolah penting. Seperti yang saya sebutkan tadi, kesediaan pembelajaran '*learning readiness*' sangat mempengaruhi hak penguasaan 3M, 'Membaca, Menulis dan Mengira', murid-murid di sekolah rendah dan dengan mengikuti prasekolah yang berkualiti tinggi akan menyediakan kanak-kanak dengan asas kemahiran 3M, apabila memasuki Tahun Satu.

Selain dari itu pendidikan prasekolah dapat memenuhi keperluan sosial kanak-kanak dan impak positif pendidikan tersebut. Membantu kanak-kanak meningkatkan kecerdasan, membentuk personaliti dan memupuk kreativiti dan kemahiran social. Sebab seperti yang kita sedia maklum, matlamat utama prasekolah, tujuan prasekolah adalah untuk menyediakan asas yang kukuh sebelum pendidikan formal.

Kurikulum Kebangsaan prasekolah yang diwujudkan oleh kementerian akan membolehkan kanak-kanak berumur lima tahun mempunyai asas yang kukuh dalam kemahiran berkomunikasi sosial dan kemahiran-kemahiran lain sebagai persediaan ke sekolah rendah. Sementara pendidikan peringkat rendah seperti yang saya sebutkan tadi, adalah untuk menyediakan asas yang kukuh dalam kemahiran 3M. Mengira, kemahiran berfikir, konsep asas sains, seni dan rekreasi, selain daripada menulis dan membaca.

Jadi persoalannya sekarang seperti yang saya sebutkan tadi di bawah angka-angka yang ada setakat ini, pada tahun 2000 hanya kira-kira 5% sahaja atau 26,000 sahaja kanak-kanak tahun lima yang berpeluang memasuki prasekolah. Walau bagaimanapun, jika diambil kira mereka yang memasuki prasekolah di bawah Kemas Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional jumlah ini meningkat kepada kira-kira 64%. Tetapi ini masih lagi jauh jika dibandingkan dengan negara-negara maju seperti Britain, Amerika dan Germany yang mana kanak-kanak yang berusia dalam kohot ataupun kumpulan umur tadi melebihi 95% hingga 96%.

Jadi dalam hubungan ini saya menyarankan supaya Kementerian Pelajaran Malaysia menjadikan agenda utama untuk memperluaskan program prasekolah bagi memenuhi keperluan kanak-kanak terutama dari golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk mendapat pendidikan prasekolah, justeru mereka tidak terpinggir kerana tidak mampu membayar yuran prasekolah swasta yang agak mahal.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Bangun]*

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Sila, sahabat saya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Rembau. Kita ucap tahniah kepada Kementerian Pelajaran yang dengan segera memperkenalkan KIA2M apabila mendapati bahawa ramai pelajar-pelajar bukan puluhan ribu tetapi lebih daripada itu yang ada masalah 3M. Jadi KIA2M ini ialah Kelas Integrasi Akademik, 2M membaca dan menulis bukan mengira.

Jadi daripada gambaran apa Yang Berhormat bagi Rembau berikan, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ramainya pelajar-pelajar yang bermasalah dalam 3M pada ketika ini di sekolah rendah adalah kesan daripada mereka tidak mendapat pendidikan dalam prasekolah. Apakah satu kajian telah dibuat berkaitan perkara ini yang memungkinkannya gambaran itu telah berlaku. Terima kasih.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Ya, betul malah satu kajian yang dibuat oleh NUTP menunjukkan masih ada lagi pelajar-pelajar kita di peringkat menengah yang tidak boleh membaca, menulis dan mengira dengan baik. Sebab itulah saya sarankan terutama sekali di pinggir-pinggir bandar sebab kos untuk menghantar anak ke prasekolah swasta ini agak mahal RM80 ke RM100 malah RM200 sedangkan di bawah Kementerian Pelajaran kosnya cuma dalam RM10 hingga RM15 sahaja. Begitu juga di bawah Kemas dan juga Jabatan Perpaduan Negara. Apa yang saya maksudkan ialah kita perlu mengadakan lebih banyak lagi kelas. Misalnya di pinggir-pinggir bandar di kawasan saya di Paroi.

Di Paroi ini kebanyakan mereka berpendapatan rendah dan sederhana. Pendapatan RM1,000 hingga RM2,000 ke bawah dan kalau hendak kena bayar sewa rumah, hendak kena bayar ansuran rumah, hendak kena bayar ansuran kereta. Kalau gaji RM2,000 pun anak ada lima berapa lagi *take home pay* yang ada. Sebab itu saya sarankan kalau boleh mungkin 10% daripada penjimatan-penjimatan daripada subsidi minyak RM4.4 bilion tadi 10% RM400 juta kita gunakan untuk membina lebih banyak ataupun mengadakan lebih banyak lagi prasekolah khususnya di bandar-bandar dan juga luar bandar.

Dalam masa yang sama juga memandangkan betapa pentingnya pendidikan awal ini saya sarankan supaya diwujudkan satu jabatan prasekolah di bawah Kementerian Pelajaran, sudah sampai masanya. Jadi maknanya di bawah jabatan prasekolah ini dan kalau boleh semua prasekolah di bawah Kemas, di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, di bawah kementerian sendiri disatukan di bawah satu bumbung dengan mengadakan guru besarnya sendiri.

Maknanya prasekolah itu ada guru besarnya sendiri. Buat permulaan boleh digunakan mungkin premis yang sedia ada di sekolah-sekolah kebangsaan dan juga bangunan-bangunan yang sekarang ini disewa oleh Kemas sama ada balai raya dan sebagainya. Tapi jangka panjangnya perlu ada perancangan yang lebih tersusun supaya dengan itu lebih banyak *access* diberi kepada anak-anak kita khususnya di luar bandar dan juga di pinggir bandar untuk memasuki sekolah ini.

Dalam masa yang sama juga saya menyarankan supaya latihan guru-guru prasekolah ini diselaraskan. Sekarang ini guru-guru KEMAS ada diberi peluang. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memberi peluang kepada kakitangan Kemas mengikuti kursus diploma di Universiti Malaya dan juga di tempat-tempat lain. Tetapi saya rasa elok bila di bawah satu jabatan di bawah Kementerian Pelajaran supaya latihan itu lebih tersusun bukan sahaja di peringkat diploma mungkin di peringkat ijazah,

master dan juga Ph.D supaya dengan itu kurikulumnya penyampaian, impaknya akan lebih menyeluruh kepada anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya untuk jangka panjangnya prasekolah ini, jika boleh dari segi yurannya diseragamkan dan untuk memberi pilihan kepada ibu bapa yang prasekolah swasta nanti boleh terus wujud. Tetapi haruslah dikawal selia oleh jabatan yang baru diwujudkan itu.

Kemudian saya ingin beralih kepada peluang melanjutkan pelajaran selepas SPM. Kita sedia maklum pada tahun-tahun lepas seramai 438,000 anak-anak kita menduduki peperiksaan SPM. Tetapi dari jumlah ini hanya kira-kira 25,000 sahaja yang akan menduduki program matrikulasi anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai persediaan kepada pelajar-pelajar bumiputera untuk melayakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama dalam bidang sains, teknologi dan perakaunan.

Oleh kerana persaingan yang terlalu hebat dan kompetitif antara pelajar cemerlang untuk memasuki program matrikulasi, dijangka ramai pelajar yang akan gagal mendapatkan tempat dan bagi mereka yang mendapat keputusan yang baik tetapi tidak berminat untuk ke tingkatan enam mereka tidak ada banyak pilihan. Yang ada ialah pilihan ke politeknik. Tetapi masalahnya politeknik kita sekarang ini cuma ada 20 sahaja dalam seluruh negara dengan 80,000 pelajar. Kemudian tiap-tiap kali *intake* cuma 18,000 sahaja. Ada dua kali *intake* lebih kurang 30,000 setahun sedangkan kita tadi ada 438,000 dan pergi tingkatan enam lebih kurang 81,000, maktab perguruan 9,000, kolej komuniti 3,000 lebih. Jumlahnya 124,000 dan katalah yang pergi luar negara bagi yang mampu sedangkan yang kita perlu ambil kira yang tidak mampu tadi. Katalah pergi keluar negara 50,000. Jadi maknanya kalaupun 200,000 masih ada lagi 200,000 lebih pelajar kita yang tidak akan dapat ke mana-mana.

Jadi hendak pergi ke IPTS. Saya sudah semak beberapa tempat hendak pergi IPTS ini hendak buat kursus diploma sama ada bidang komunikasi massa, pengajian perniagaan satu semester sekurang-kurangnya RM3,000 hingga RM4,000 dengan tempat tinggal dan sebagainya RM5,000 hingga RM6,000 kalau duduk di Kuala Lumpur atau Petaling Jaya. Rata-rata tidak mampu dibiayai oleh pak-pak tani, nelayan di luar bandar. Walaupun ada pinjaman daripada PTPTN tapi tidak cukup sebab bagi saya hendak pergi IPTS hanyalah untuk mereka yang berpendapatan RM5,000 ke atas.

Sebab itulah saya sarankan kalau boleh politeknik kita ini juga diperluaskan. Kalau tidak boleh sekali ganda, dahulu saya difahamkan dalam soalan bertulis saya disebut akan dibina tiga sahaja tambahan politeknik dan empat lagi sambungan daripada Rancangan Malaysia Kelapan. Maknanya tujuh. Jadi itu tidak cukup sedangkan saya difahamkan kos satu politeknik ialah lebih kurang RM200 juta sahaja. Jadi saya sarankan kalau boleh, menjelang Rancangan Malaysia Kesembilan ini kalau tidak boleh tambah sekali ganda 20 lagi, sekurang-kurangnya 10 lagi supaya dengan itu lebih banyak lagi peluang diberi kepada anak-anak kita yang mendapat kelulusan yang baik. Yang mendapat lima kredit ke atas, yang mendapat dua tiga *distinction* tetapi tidak dapat masuk matrikulasi dan tidak berminat hendak masuk tingkatan enam.

Memang mungkin kita menyarankan mereka masuk ke kolej komuniti tetapi kolej komuniti ini banyak latihan berbentuk vokasional yang kelayakan masuknya agak rendah cuma lulus SPM sahaja. Jadi mungkin ramai anak kita tidak berminat. Sebab itulah saya sarankan di politeknik ini sebab bayarannya satu semester pun sangat murah cuma RM200 sahaja satu semester. Apa yang perlu dibuat sebagai langkah jangka pendek, jangka pertengahan ialah supaya 20 politeknik yang sedia ada tadi mungkin menambah 10% atau 20% *intakenya* pada tahun ini supaya dengan itu lebih ramai lagi anak-anak kita di luar bandar akan berpeluang melanjutkan pelajaran.

Seperkara lagi yang saya hendak sebut dari segi *marketability*. Didapati mengikut kajian yang dijalankan lebih 80% graduan sijil dan 81% graduan diploma Politeknik menyumbang kepada tenaga kerja di sektor swasta maka 12% lagi graduan diploma berkhidmat dalam sektor awam dan selebihnya dalam sektor lain seperti badan berkanun. Jadi maknanya dari segi *marketability* memang sangat tinggi dan sebab itulah saya sarankan supaya kalau pun tidak boleh tiap-tiap kawasan Parlimen pada jangka panjang ini sekurang-kurangnya satu daerah ada sekurang-kurangnya satu Politeknik.

Jadi akhir sekali saya hendak sebut tentang pembelajaran sepanjang hayat *live long learning*, Tuan Yang di-Pertua. Jadi konsep pembelajaran sepanjang hayat ini atau *live long learning* bukanlah merupakan satu konsep yang baru dalam sistem pendidikan negara. Namun begitu ekoran dari perubahan persekitaran baru di mana ekonomi berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi menjadi keutamaan konsep PSH telah diberikan penekanan dalam pembangunan negara. Konsep pembelajaran sepanjang hayat ini ialah satu proses pembelajaran seseorang secara berterusan sama ada bagi tujuan meningkat kemahiran atau membangunkan kerjaya dalam sesuatu bidang pekerjaan pada masa sekarang atau pada masa hadapan. Dan proses pembelajaran seseorang bagi meningkatkan ilmu pengetahuan tidak akan berakhir apabila seseorang itu meninggalkan alam persekolahan ianya adalah satu proses sepanjang hayat.

Walaupun banyak kemudahan misalnya melalui pendidikan jarak jauh, universiti terbuka kelas malam kursus di tempat kerja disediakan oleh kerajaan untuk pelajar-pelajar yang tercicir dan orang dewasa menyambung pelajaran meningkatkan pengetahuan. Namun secara keseluruhannya budaya belajar sepanjang hayat masih belum mantap berbanding dengan negara-negara maju. Kajian menunjukkan bahawa terdapat pelajar yang gagal peperiksaan dalam usia yang muda bekerja di kilang-kilang, mereka lebih suka bekerja di kilang-kilang yang terdapat di negara ini. Oleh kerana gagal dan kerana faktor kemiskinan merupakan satu-satunya sebab mereka tidak dapat meneruskan pelajaran adalah difikirkan wajar mereka diberi peluang bagi kali kedua untuk memperbaiki diri dan menambahkan pendapatan mereka melalui pendidikan.

Majoriti ingin melanjutkan pelajaran tetapi disebabkan masalah kewangan, ketiadaan masa, tanggungjawab ke atas keluarga, masalah pengangkutan menjadi *constraint* nya. Oleh yang demikian adalah dicadangkan supaya kerajaan memberi penekanan kepada pendidikan sepanjang hayat dan beri semua jenis sokongan termasuk bantuan kewangan dan kemudahan pinjaman kepada mereka yang ingin lanjut pelajaran bukan sahaja kepada lepasan sekolah tetapi kepada pekerja-pekerja tidak mahir sama ada sektor kerajaan atau swasta memperbaiki diri melalui pendidikan.

Langkah positif untuk menggalakkan pekerja muda melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi pembelajaran sepanjang hayat sepatutnya dijadikan sikap dan amalan di Malaysia kerana setiap individu sama ada yang sedang bekerja atau tidak perlu meningkatkan kemahiran dan kecekapan sepanjang hidup mereka.

Oleh yang demikian bagi mencapai matlamat ini saya cadangkan supaya diadakan gerakan besar-besaran, kempen besar-besaran melalui media massa melibatkan semua agensi kerajaan dengan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi serta Kementerian Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Sumber Manusia *take the lead* dalam kempen ini untuk menggalakkan masyarakat mengambil peluang melanjutkan pelajaran mereka sepanjang hayat. Kita boleh gunakan misalnya IKBN. ILP, IKM di hujung minggu untuk mengatur kursus-kursus yang bersesuaian supaya dengan ini kita akan dapat mencapai matlamat kita untuk melahirkan sekurang-kurangnya 40% mereka mendapat *tertiary education* menjelang tahun 2020 sebagaimana yang dihasratkan oleh kerajaan. Dengan ini saya menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

**5.33 ptg.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Tuan Yang di-Pertua saya menjunjung kasih dan mengucapkan tahniah atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyentuh banyak aspek kehidupan di negara kita dan saya ingin turut mengambil bahagian dalam membahaskan perbahasan ini. Apa yang tidak disentuh oleh titah ucapan Diraja ialah hak dan kebebasan agama bukan Islam di Malaysia yang dianuti oleh hampir separuh jumlah penduduk Malaysia seperti yang dimaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara seksyen 3 (1) dan Perkara 11. DAP mengakui bahawa agama Islam adalah agama bagi persekutuan namun janganlah hak dan kebebasan agama lain disekat dari diamalkan dan patutlah diberi kemudahan untuk mengamalkan dan selama mana ia dijalankan secara aman dan damai.

Tuan Yang di-Pertua, IPCMC perlu terus ditubuhkan. Beberapa hari yang lalu Dewan telah menyaksikan ramai Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang tidak bersetuju penubuhan IPCMC atas alasan ia membantutkan Badan Pencegah Rasuah (BPR), Suhakam dan Bahagian Tatatertib Jabatan Polis Diraja Malaysia menjadikan badan-badan itu tidak berfungsi dengan betul dan ini akan menyebabkan kita menubuhkan banyak suruhanjaya bebas untuk memantau tata laku kakitangan badan-badan lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Tanah dan Galian dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua ini pandangan yang silap. Sebenarnya tidak berlaku tindihan tugas dan peranan atau menyebabkan badan-badan lain tidak berfungsi atau mundur. Pada pandangan saya kerana kelemahan badan-badan ini yang tidak bebas bertindak menyebabkan aduan dan ugutan tentang amalan rasuah dan salahkan gunakan kuasa berlaku dalam badan-badan lain. Orang ramai sudah bosan membuat laporan kepada Badan Pencegah Rasuah atau pihak polis sendiri, SUHAKAM atau badan tatatertib jabatan-jabatan kerana ia tidak boleh pergi jauh. Amalan rasuah tetap juga berlaku.

Jika kita gagal menubuhkan IPCMC saya percaya amalan salah laku, salah gunakan kuasa tetap berlaku dan terus berlaku. Dengan adanya *immunity* kepada pengadu saya percaya ia membuka peluang orang ramai menyalurkan aduan tentang sesuatu perbuatan, salah laku dan penyelewengan anggota polis jika tidak orang tidak berani tampil di hadapan untuk menyalurkan aduan. IPCMC bukanlah suruhanjaya yang sewenang-wenang bertindak atas kes-kes yang disifatkan tohmahan dan fitnah ke atas anggota polis semata-mata. Dia akan bertindak berdasarkan bukti sah yang dibekalkan oleh pengadu.

Tuan Yang di-Pertua aduan-aduan masih boleh diadu kepada BPR dan BPR masih boleh bertindak berdasarkan aduan dan bukti sah yang diberi. Jika sabit kesalahan tindakan undang-undang boleh diambil sebaliknya jika sabit kesalahan tetapi di mahkamah maka aduan tersebut boleh diserahkan kepada IPCMC untuk tindakan selanjutnya. Kerana dibimbangkan BPR dianggap tidak berkesan maka sudah pasti BPR akan bertindak tegas atas aduan dan menaikkan tangan-tangan yang menyekatnya. Negara kita perlu ada badan bebas yang boleh bertindak. Selagi kita berasa takut, bimbang, ragu-ragu barangkali terkena batang hidung sendiri dan menghalang menubuhkan IPCMC kita sebenarnya melindungi si pengkhianat negara dari diambil tindakan.

Perlu diingat skop tugas dan peranan Badan Pencegah Rasuah luas meliputi semua lapisan masyarakat dan jabatan untuk bertindak. Ia bukan bertindak ke atas anggota polis sahaja tetapi termasuk penglibatan awam dan swasta malah para pemimpin politik dan kerajaan. Apa salahnya satu badan suruhanjaya ditubuhkan khas untuk pasukan polis sudah pasti kes-kes salah laku dan salah guna kuasa termasuk amalan rasuah akan berkurangan atau berhenti langsung kerana masing-masing tidak berani melakukannya. Adakah ini mendisiplinkan anggota pasukan yang mengawasi mereka? Oleh itu Tuan Yang di-Pertua DAP tetap menyokong pendirian dan keputusan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menubuhkan IPCMC atas syor dan cadangan Suruhanjaya Diraja Penambah Baik Urusan dan Operasi Polis Diraja Malaysia. Jika tidak tiada makna kita bersusah payah menubuhkan suruhanjaya tersebut.

Tuan Yang di-Pertua sebarang langkah kebelakangan akan menunjukkan Malaysia kepada mata dunia sebagai mempunyai kerajaan yang lemah, takut pada tekanan dalaman dan luaran dan tidak sanggup membuat perubahan ke arah menambah baiknya PDRM. Sebaliknya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kita sambung esok.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin 27 Mac 2006.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.40 petang.***